

Bil. 49

**Selasa
22 Oktober 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	[Ruangan 1]
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	[Ruangan 17]
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) (No. 2) 1996	[Ruangan 17]
Jawatankuasa:	
Jadual—	
Maksud B.1, B.6, B.7, B.9, B.10 dan B.11	[Ruangan 48]
Maksud B.15 dan B.16	[Ruangan 73]
Maksud B.18	[Ruangan 77]
Maksud B.19	[Ruangan 82]
Maksud B.23 dan B.24	[Ruangan 90]
Maksud B.26	[Ruangan 90]
USUL-USUL:	
Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1996	[Ruangan 17]
Jawatankuasa:	
Jadual—	
Maksud P.7	[Ruangan 48]
Maksud P.16	[Ruangan 73]
Maksud P.18	[Ruangan 77]
Maksud P.24	[Ruangan 90]
 Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	[Ruangan 46]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' (DR.) HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN, P.G.D.K., (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATUK DR. LEO MICHAEL TOYAD, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' AZMI BIN KHALID, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, D.P.M.J. (Tenggara).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATUK TAN CHAI HO, P.S.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- .. TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- .. TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- .. TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- .. TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- .. DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- .. DATO' HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah).
- .. TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- .. TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- .. DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- .. PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- .. TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- .. TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- .. DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- .. TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).

- Yang Berhormat DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelulong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).

- Yang Berhormat DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- .. DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- .. PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- .. TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- .. TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- .. DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- .. DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- .. TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- .. TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- .. TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- .. DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- .. DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut).
- .. TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- .. TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- .. TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- .. TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- .. DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- .. TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- .. DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- .. TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).
- .. DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- .. TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- .. DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).

- Yang Berhormat MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah
Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR. S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID. D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah. Monarita binti Mohd. Hassan.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 22hb Oktober, 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

MAKTAB/PELAJAR—JUMLAH DALAM/LUAR NEGERI

1. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut) minta Menteri Pendidikan memberitahu seperti berikut:

- (a) jumlah maktab perguruan di seluruh Malaysia dan jumlah penuntutnya dan jumlah sekolah menengah/menengah agama seluruh Malaysia; dan
- (b) jumlah sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan, termasuk sekolah Tamil dan Cina dan berapa ramai penuntut yang belajar di luar negeri atas tajaan Kementerian Pendidikan setakat akhir tahun 1995 dan di negeri manakah bilangan paling besar dan paling kecil.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Jumlah maktab perguruan di Malaysia pada ketika ini ialah 31 buah dan jumlah penuntutnya ialah 46.389 orang. Jumlah sekolah

menengah ialah 1,505 buah dan jumlah ini termasuk 43 buah sekolah menengah agama.

- (b) Jumlah sekolah jenis kebangsaan ialah:

SRJK (C) 1,289 buah

SRJK (T) 531 buah

Bilangan penuntut yang belajar di luar negeri atas tajaan Kementerian Pendidikan setakat akhir 1995 ialah seramai 1,324 orang. Bilangan penuntut paling ramai belajar ialah di United Kingdom dan paling kecil di Jerman.

Tuan Yunus bin Rahmat: Semenjak skim perguruan yang baru telah ditawarkan, saya ingin tahu adakah kementerian menerima kenaikan atau pertambahan kalangan pemohon-pemohon untuk menduduki atau pun mengikuti kursus perguruan dan adakah peratusannya meningkat? Dan berapakah yang diterima - perbandingan tahun ini dan tahun yang sebelumnya dan Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan bilangan penduduk-penduduk yang belajar di luar negeri?

Boleh tak kementerian menyatakan berapakah di antara 1,324 orang itu yang gagal menamatkan pengajiannya, kerana kemungkinan oleh kerana kegagalan atau pun bilangan yang telah ditimpa kemalangan, yang mati maksudnya?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, selepas pelaksanaan skim baru iaitu apabila taraf Sijil Maktab Perguruan dinaikkan dari Sijil ke Diploma, didapati bahawa jumlah permohonan telah naik. Pada tahun ini Kementerian Pendidikan telah menerima lebih dari 110.000 permohonan untuk memasuki maktab perguruan dan bilangan tempat yang kita ada ialah lebih kurang 12.000 sahaja.

Pada tahun dahulu sebelum pelaksanaan kursus baru, setiap tahun hanya lebih kurang 40 atau 50 ribu orang yang memohon. Tentang kalangan atau bilangan pelajar-pelajar atas tajaan Kementerian Pendidikan yang saya agak, drop-out atau tidak berjaya dalam kursus mereka, dari segi keseluruhannya kebanyakan telah berjaya dalam kursus dan bilangan yang tidak berjaya atas alasan-alasan yang berlainan adalah kecil tetapi saya minta izin untuk menjawab soalan itu secara bertulis.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Soalan tambahan. Masih kita dalam jumlah dalam hal maktab perguruan, memandangkan bahawa masa akan datang, seluruh tadika dalam negara kita akan diambil alih oleh Kementerian Pendidikan, dan memandangkan bahawa tadika adalah amat penting sebagai asas pembinaan pendidikan secara formal, adakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan maktab perguruan di mana guru-guru tadika dilatih? Dan juga memandangkan bahawa komputer begitu meluas dan bertambah canggih, adakah pihak kementerian juga bercadang untuk mewujudkan Maktab Perguruan Komputer?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat iaitu pendidikan di peringkat tadika adalah amat mustahak. Jadi, sejak tahun 1994 Kementerian Pendidikan telah adakan satu program khusus untuk guru-guru tadika iaitu kita ambil calon-calon untuk memasuki maktab perguruan untuk mengikuti aliran pendidikan tadika. Namun demikian, sungguhpun kita telah bertambah jumlah calon untuk mengikuti kursus itu tapi pada masa ini Kementerian Pendidikan tidak ada cadangan untuk mengadakan satu maktab perguruan khusus untuk program tadika.

Kita adakan program-program tersebut sebagai salah satu kursus dalam maktab perguruan yang kita ada di seluruh negara. Dan tentang komputer juga sejak tahun 1993 Kementerian Pendidikan telah wajibkan kursus komputer dalam kursus maktab perguruan iaitu setiap guru pelatih sebelum mereka graduate, sebelum keluar dari maktab perguruan akan dikenakan atau dipaksakan untuk mengambil kursus mata pelajaran komputer supaya apabila mereka memasuki sekolah-sekolah rendah mereka bukan saja boleh pakai komputer itu tetapi juga mempunyai kemahiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran komputer di kalangan pelajar-pelajar.

Kementerian Pendidikan juga, sungguhpun sudah memperkenalkan mata pelajaran komputer, tetapi pada masa ini tidak perlulah ada satu maktab perguruan yang khusus untuk mata pelajaran komputer. Kita akan memperkenalkan mata pelajaran itu di semua maktab perguruan di seluruh negara.

DOKTOR PAKAR DI HOSPITAL KERAJAAN—LANGKAH MENGATASI KEKURANGAN

2. Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan) minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar banyak doktor pakar di hospital meletakkan jawatan untuk berkhidmat di hospital swasta. Ini mengakibatkan berlakunya kekurangan doktor pakar di hospital besar di seluruh negara. Apakah langkah sedang atau akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini. Setakat manakah kesannya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Kesihatan.

Saya sedar terdapat banyak pegawai perubatan pakar di hospital meletakkan jawatan untuk berkhidmat di hospital swasta. Untuk makluman, dari tahun 1990 sehingga 1 Julai 1996, sebanyak 194 pegawai perubatan pakar telah meletakkan jawatan.

Untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai perubatan pakar, langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

(a) Langkah jangka pendek

- (i) pengambilan pegawai perubatan pakar secara kontrak dari dalam dan luar negara. Sehingga 1.10.1996, Kementerian telah diberi kelulusan sebanyak 261 jawatan Pegawai Perubatan Pakar Kontrak yang mana sehingga ini sebanyak 142 jawatan telah diisi;
- (ii) usaha-usaha untuk mengambil Pegawai Perubatan Kontrak masih diteruskan bagi keperluan jangka masa pendek ini.

(b) Langkah jangka panjang

- (i) menyediakan kerjaya perkhidmatan yang lebih baik untuk mengelakkan pegawai perubatan yang sedia ada meletakkan jawatan. Ini termasuk kenaikan pangkat yang lebih cepat dari Gred U3 (Tingkatan Biasa) kepada Gred U2 sebaik sahaja diwartakan sebagai pakar dan mengkaji semula semua kemudahan-kemudahan yang sedang dinikmati oleh pegawai perubatan pakar untuk dimajukan kepada agensi pusat jika perlu;

- (ii) menyediakan tambahan peluang bagi pegawai perubatan mengikuti kursus kepakaran, sama ada di dalam atau di luar negeri. Ini dapat dilaksanakan dengan pendekatan baru sistem kursus lanjutan yang dikendalikan secara open system, dengan izin, yang membolehkan lebih ramai pegawai perubatan dilepaskan untuk mengikuti kursus lanjutan kepakaran. Untuk makluman, pengambilan telah ditambah dari 233 calon dalam tahun 1993 kepada 440 calon mulai tahun 1996;

- (iii) langkah-langkah yang telah diambil dijangka dapat memberikan kesan yang baik.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu sebab doktor pakar yang berkhidmat di luar negara tidak balik berkhidmat di negara kita ialah kerana perkhidmatan wajib untuk 3 tahun di negara kita. Saya difahamkan bahawa kerajaan ingin membuat pengecualian untuk doktor pakar yang bekerja di luar negara buat masa ini. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, sampai sekarang ada berapa ramai doktor pakar yang berkhidmat di negara kita dan adakah mereka sudah mendapat pengecualian?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka berkenaan dengan doktor-doktor pakar yang berkhidmat di luar negara balik ke negara kita, tetapi saya ada angka berkenaan dengan doktor-doktor pakar rakyat Malaysia yang berkhidmat secara kontrak dengan

hospital. Untuk doktor pakar sebanyak 27 dan untuk pegawai perubatan, 15. Ini jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai lain, misalnya dari India, pakar 77 dan pegawai perubatan 114; dan Myanmar 25 pakar dan 49 pegawai perubatan. Mengenai angka yang diminta tadi, saya minta notis.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan untuk usaha-usaha mereka untuk mengatasi masalah ini, tetapi adakah Kementerian Kesihatan membuat satu rancangan untuk mendapatkan balik doktor-doktor pakar dari luar negara yang sudi berkhidmat di luar negara pulang ke negara kita untuk berkhidmat di hospital besar? Jikalau tidak, apakah sebabnya tidak ada rancangan untuk memanggil balik doktor-doktor pakar di luar negeri ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sememangnya berhasrat dan berminat jikalau doktor-doktor pakar yang sekarang ini berkhidmat di luar negara balik untuk berkhidmat di negara kita. Tetapi kita tidak boleh memberikan keistimewaan yang terlalu banyak untuk menarik minat doktor-doktor ini balik ke negara kita kerana ini sekali gus akan mengurangkan minat doktor yang berkhidmat di negara kita untuk kekal dalam perkhidmatan.

Jadi, sementara kita cuba menarik minat mereka untuk kembali ke tanah air, kita juga terpaksa berhati-hati supaya doktor-doktor yang sedang berkhidmat dan yang taat setia kepada negara kita ini tidak meninggalkan perkhidmatan oleh kerana kita cuba memberikan keistimewaan kepada mereka yang berada di luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin.

(Soalan No. 3—Y.B. Tuan Henrynus Amin tidak hadir)

MINYAK SAWIT—LANGKAH MENGATASI KEMEROSOTAN HARGA

4. Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan memandangkan harga minyak kelapa sawit telah merosot, adakah kementerianya akan mengambil tindakan untuk menurunkan harga minyak masak untuk memanfaatkan para pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, minyak masak merupakan salah satu barangan yang dikawal selia harganya oleh kementerian ini. Trend harga minyak masak adalah bergantung kepada trend harga minyak sawit.

Harga minyak sawit di pasaran mula mengalami penurunan harga lebih kurang 9% sejak awal tahun ini. Kajian menunjukkan bahawa dengan penurunan harga minyak sawit tersebut, harga runcit minyak masak juga telah menunjukkan penurunan. Contohnya, harga minyak masak 5 kilogram telah turun dari RM12.80 kepada RM12.20; 2 kilogram dari RM5.80 kepada RM5.40; dan 1 kilogram dari RM3.15 kepada RM3.00. Penurunan yang ketara adalah bagi tin 17 kilogram yang telah turun dari RM40.50 kepada RM37.00.

**KES-KES MURTAD DI
MAHKAMAH SIVIL—LANGKAH
MEMBENDUNG**

5. Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kerajaan bercadang bagi meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 bagi menyelesaikan kes-kes murtad yang dibawa ke Mahkamah Sivil; dan
- (b) apakah usaha bagi membendung masalah murtad yang kian bertambah dan mengelakkan Majlis-majlis Agama daripada diheret ke mahkamah atas kes-kes murtad.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri menerusi Jawatankuasa Undang-undang Sivil dan Syarak sedang di dalam proses menggubal satu draf Undang-undang Murtad. Draf ini apabila siap kelak akan digunapakai di seluruh negara, termasuklah Wilayah-wilayah Persekutuan.

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 berhubung kes-kes murtad akan dipinda supaya selaras dengan draf Undang-undang Murtad yang disediakan oleh Jawatankuasa Undang-undang Sivil dan Syarak berkenaan apabila diluluskan.

- (b) Kerajaan tidak dapat mengelak Majlis-majlis Agama daripada diheret ke mahkamah atas kes-kes murtad. Walau bagaimanapun,

pelbagai usaha telah dibuat bagi membendung masalah murtad supaya mengadakan program pendidikan Islam yang lebih teratur dan jelas, mengadakan kursus, seminar, bengkel, dakwah, khidmat nasihat, majlis penerangan dan ceramah umum bagi mempertingkatkan keimanan mereka dan seterusnya berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan bersedia untuk menguatkuasakan undang-undang jenayah murtad yang telah sedia ada dalam perundangan Islam dan bagi tujuan tersebut, adakah pihak Kerajaan bersedia untuk membuat apa sahaja pindaan walaupun kepada perlembagaan negara bagi tujuan tersebut?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada dua buah negeri yang ada dalam enakmen mereka yang mengatakan boleh mengambil tindakan kepada pemurtad. Tetapi oleh kerana undang-undang tersebut bercanggah dengan Perlembagaan Negara maka telah dicabar oleh pihak yang berkenaan sehingga tidak boleh dijalankan mengikut undang-undang Islam, terpaksa melalui mahkamah sivil. Dengan sebab itu kerajaan bercadang menggubal undang-undang murtad yang baru, yang diambil kira dari semua perkara setidak-tidaknya mestilah selaras dengan kehendak perlembagaan. Terima kasih.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selain daripada undang-undang murtad yang menghadapi masalah sekarang, terdapat undang-undang lain misalnya undang-undang keluarga, undang-undang sivil Islam di Mahkamah-mahkamah Syariah, undang-undang keterangan yang

nampaknya tidak selaras dengan antara negeri-negeri di seluruh negara. Adakah jawatankuasa yang dibentuk yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen tadi, salah satu tugasnya merangkumi untuk menyelaraskan peruntukan undang-undang seluruh negara ini supaya sama pemakaiannya? Dari segi inti pati undang-undang itu ke atas seluruh orang Islam bagi negeri-negeri berbeza walaupun saya faham bahawa ini bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing tetapi melalui jawatankuasa tadi bolehkah menjadikannya satu tugas untuk menyelaraskan semua ini supaya tidak keliru di antara Selangor dengan Kelantan, Kelantan dengan Terengganu dan sebagainya?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang dalam usaha kerajaan untuk menyelaraskan seluruh undang-undang Islam yang dipakai oleh negeri-negeri sekarang kerana kita kedapatan banyak perkara-perkara yang berlainan, sebab itulah kita akan menyelaraskan dan insya-Allah pada tahun 1997 kemungkinan banyak masalah yang selalu dikemukakan oleh rakyat kita akan dapat diselesaikan oleh pihak BAHEIS dan kita mengharapkan semua perkara ini mendapat kerjasama dari negeri-negeri.

Inilah hasrat kita dan sebab itulah draf murtad ini juga kita buat berasingan supaya diterima pakai oleh kerajaan-kerajaan negeri. Draf ini sebelum dibawa ke Parlimen kita akan edar ke negeri-negeri memohon pandangan daripada mereka kemudian kita bentangkan di sini dan diharapkan akan diterima oleh semua negeri. Terima kasih.

LEBUHRAYA SHAH ALAM KE TAMAN OUG—SAMBUNGAN

6. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada sedar dengan pembinaan Lebuhraya Shah Alam (Shah Alam Expressway) yang

hampir siap sekarang, tetapi tidak disambung terus ke jalan awam besar Taman Oversea Union (OUG) yang jaraknya hanya 600 meter sahaja dari lebuhraya berkenaan. Jika sedar, adakah kementerian bercadang untuk menyambung jalan awam besar OUG ini ke Lebuhraya Shah Alam. Jika ia, bila akan dilaksanakan, dan jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Lebuhraya Shah Alam tidak mempunyai sambungan terus ke jalan awam besar Taman OUG yang mana jarak jauhnya lebih kurang 600 meter daripada Lebuhraya Shah Alam. Ini kerana jalan sambungan ini adalah di luar skop konsesi bagi projek ini. Jalan sambung yang dimaksudkan itu terletak di bawah pengurusan dan tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Liew Ah Kim: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, saya adalah merasa sangat kesal. Kesal sekali kerana nampaknya dia dekat tetapi dia jauh sangat, 600 meter sahaja. Ini kerana bidang tidak sama bidangkuasa, bolehkah kerajaan pusat

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Bolehkah kerajaan pusat menyelaraskan dengan DBKL supaya projek ini dapat dijalankan ataupun diusahakan untuk jasa baik atau memberi manfaat kepada penduduk-penduduk di Taman OUG ataupun Oversea Union Garden.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sentiasa berusaha untuk membantu dan meringankan masalah rakyat, tetapi dalam perkara ini persetujuan yang telah dibuat dengan syarikat konsesi memang tidak termaktublah jalan yang disebutkan tadi.

Dan perkara-perkara seperti ini ada juga berlaku di tempat-tempat lain di mana jalan-jalan persekutuan, jalan sealiran dengan jalan-jalan konsesi atau jalan-jalan yang diswastakan dan tidak pulak boleh dibuat laluan terus keluar ke jalan konsesi di mana apa nama keadaan yang sedemikian. Jadi, maknanya kalau hendak dirundingkan dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, itu perkara yang lainlah, bagi membantu masalah yang dihadapi oleh penduduk di Taman OUG. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Chia Kwang Chye.

(Soalan No. 7—Y.B. Tuan Chia Kwang Chye tidak hadir)

PELAJAR RUNTUH AKHLAK— JUMLAH TERLIBAT

8. Tuan Haji Mohamad Sabu (Kubang Kerian) minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) jumlah pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah yang terlibat dalam isu-isu sosial dan keruntuhan akhlak seperti penagihan dadah, pergaulan bebas dan sebagainya; dan

(b) jumlah pelajar yang terlibat mengikut pecahan negeri.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara yang terlibat dalam isu-isu sosial dan keruntuhan akhlak seperti penagihan dadah, pergaulan bebas dan sebagainya menurut perangkaan 1995 ialah seramai 2,173 orang. Jumlah tersebut adalah meliputi semua kaum.

Tuan Lim Si Cheng: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan

yang mulia ini, apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan masalah ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun bilangan yang saya sebutkan tadi lebih 2,000 orang tetapi dibandingkan dengan jumlah pelajar iaitu hampir 4 juta orang pelajar, jadi peratusan itu amat kecil. Namun demikian, Kementerian Pendidikan masih rasa bahawa kita haruslah memperkuat langkah-langkah dan di antara program-program yang telah kita laksanakan untuk mengatasi masalah ini termasuklah mengadakan guru-guru kaunseling di semua sekolah menengah dan tugas mereka ialah untuk menentukan bahawa setiap pelajar, khususnya pelajar-pelajar di sekolah menengah bolehlah menaikkan semangat ketahanan mereka supaya mereka boleh jauhkan diri mereka dari pengaruh yang kita tidak diingini.

Selain dari itu, juga Kementerian Pendidikan akan terus menasihati semua pengetua dan guru-guru besar supaya guru-guru yang terlibat dengan tata tertib dan bimbingan akan selalu mengadakan sesi dialog dengan pelajar-pelajar yang mereka rasa boleh senang dipengaruhi oleh pihak-pihak yang kita tidak ingini. Dan dialog itu terpaksa diadakan setiap minggu sekali atau setiap hari sekali supaya untuk menentukan bahawa tahap emosi, keadaan emosi pelajar-pelajar itu tidak akan terjejas.

SUKAN KOMANWEL— SUKARELAWAN

9. Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas (Parit) minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapa orang telah mendaftar diri untuk berkhidmat secara sukarela semasa Sukan Komanwel 1998 dan berapa orang sukarelawan yang diperlukan dan apakah kemudahan-kemudahan yang akan diberi kepada mereka ini.

Menteri Belia dan Sukan (Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa sehingga 19 Oktober 1996 sebanyak 15,453 permohonan untuk menjadi sukarelawan telah pun diterima oleh SUKOM Ninety Eight Berhad iaitu syarikat pengelola Sukan Kuala Lumpur 98. Mengikut anggaran, kita memerlukan seramai 15,000 sukarelawan untuk menjayakan Sukan Kuala Lumpur '98 iaitu Sukan Komanwel yang ke-16.

Pihak syarikat pengelola telah juga mengenal pasti lebih kurang 30 bidang perkhidmatan yang memerlukan perkhidmatan sukarelawan. Sukarelawan yang terpilih akan diberikan beberapa jenis latihan, seperti kursus orientasi dan juga latihan-latihan yang spesifik dalam bidang-bidang yang dipilih. Selain daripada kemudahan ini, sukarelawan juga akan diberikan pakaian seragam, makanan, pengangkutan dalaman dan juga buku panduan kerja-kerja sukarelawan.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas di atas usaha kementerian yang telah berjaya menarik lebih 15,000 orang sukarelawan yang akan menjalankan tugas semasa Sukan Komanwel. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah pihak kementerian membuat kajian mengapakah apabila pihak kementerian membuka peluang kerja-kerja sukarela ini untuk Sukan Komanwel telah mendapat sambutan yang begitu baik daripada golongan belia di negara kita, tetapi mengapakah apabila pertubuhan-pertubuhan sukarela sesuatu aktiviti ini mereka kurang mendapat sambutan daripada golongan-golongan belia. Jadi, adakah pihak kementerian membuat kajian supaya semangat sukarela ini bukan sahaja disambut oleh golongan belia apabila dianjurkan oleh pihak kementerian tetapi juga oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela yang lain?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa nampak kelihatan di akhir-akhir ini semangat kesukarelaan bukan sahaja di kalangan generasi muda tetapi di kalangan masyarakat Malaysia agaknya semakin luntur. Mungkin kerana kita sudah berada dalam tahap hidup yang lebih mewah, semangat untuk berkorban agaknya kurang dan tidak ada yang lebih mencabar. Kita juga melihat dengan lebih dekat tentang permasalahan yang sama berlaku dalam banyak pertubuhan-pertubuhan belia. Walaupun sambutan untuk menjadi sukarelawan bagi Sukan Komanwel ini menggalakkan dan sebahagian besarnya terdiri daripada belia sendiri, ini mungkin kerana dilihat peluang untuk menjadi sukarelawan bagi Sukan Komanwel ini adalah peluang sekali seumur hidup, jadi selepas ini kita tidak tahu bila kita akan menjadi penganjur.

Tetapi dalam soal pergerakan belia, kita sudah pun membuat satu kajian rambang. Sebenarnya banyak masalah yang berbangkit, antara sebabnya ialah mungkin mereka tidak melihat pergerakan belia itu sebagai suatu pergerakan di mana mereka boleh mengharapkan sesuatu daripadanya kerana terdapat kelemahan-kelemahan dalam banyak pergerakan belia, masalah kepimpinan dalam pergerakan yang setengah-setengahnya tidak begitu bermaya, mungkin tidak mendorong kalangan anak-anak muda kita untuk bergiat dalam pertubuhan-pertubuhan seperti itu, apa lagi kurang kemahiran untuk mengatur program-program yang menarik minat generasi muda. Mungkin dengan sebab itu mereka tidak berapa berminat untuk hendak menyertai dalam kegiatan-kegiatan pergerakan belia.

Saya kira dalam soal ini bukan setakat peranan pihak kerajaan, seperti Kementerian Belia dan Sukan, tetapi juga peranan pimpinan dalam pertubuhan-pertubuhan belia. Saya fikir Yang

Berhormat sendiri pun adalah antara tokoh pimpinan belia yang sudah pun menunjukkan kesungguhan untuk membantu mengatasi masalah ini boleh memainkan peranan yang lebih cergas supaya minat generasi muda untuk terus sama-sama membantu menjadi sukarelawan dalam pergerakan belia itu dapat terus kita semarakkan.

**PELANCONG ASING—
BILANGAN DAN JUMLAH HASIL**

10. Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani) minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bilangan kedatangan pelancong-pelancong asing ke Malaysia sepanjang tahun 1994 dan 1995; dan
- (b) jumlah pendapatan yang diperolehi hasil daripada kedatangan pelancong asing dalam tahun 1994 dan 1995.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini serentak dengan soalan-soalan daripada:

Yang Berhormat dari Seremban pada 28-10-96;

Yang Berhormat dari Sri Aman pada 19-11-96;

Yang Berhormat dari Kluang pada 27-11-96; dan

Yang Berhormat dari Labuan pada 5-12-96

kerana kesemua soalan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, angka ketibaan pelancong asing ke Malaysia pada tahun 1994 ialah

seramai 7,197,229. Bagi tahun 1995 pula angka ketibaan pelancong asing ke Malaysia meningkat sebanyak 3.8% pada seramai 7,468,749 orang. Di samping itu, sehingga bulan April 1996 seramai 2,195,698 orang telah berkunjung ke Semenanjung Malaysia. Negara-negara utama yang menjana jumlah pelancong yang tinggi ke Malaysia selain daripada Singapura ialah Thailand, Jepun, Taiwan, Indonesia, Brunei Darussalam, United Kingdom, Hong Kong, Australia dan China.

Sejumlah RM9.2 bilion telah diperolehi hasil daripada kedatangan pelancong asing dalam tahun 1995 dan telah mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 10.8% berbanding dengan RM8.3 bilion yang diperolehi pada tahun 1994. Antara faktor utama yang menarik pelancong melawat negara ini adalah nilai harga yang berpatutan, keinginan untuk mengenali Malaysia, cadangan rakan/kerabat, banyak tempat tarikan pelancongan, pengangkutan yang mudah, banyak tempat membeli-belah dan sebagainya.

Di samping kedatangan pelancong yang tinggi ke Semenanjung, terdapat sejumlah besar rakyat Malaysia telah berkunjung ke luar negeri. Mengikut rekod Jabatan Imigresen, dalam tahun 1990 seramai 14.9 juta orang telah membuat kunjungan ke luar negeri, diikuti oleh seramai 16.8 juta orang dalam tahun 1991, 15.1 juta orang dalam tahun 1992, 17 juta orang dalam tahun 1993, 18.8 juta orang dalam tahun 1994 dan 20.6 juta orang dalam tahun 1995. Daripada angka keseluruhan yang keluar negeri pada tahun-tahun tersebut, jumlah pemergian penduduk Semenanjung Malaysia bagi tujuan melancong ialah seramai 5 juta orang dalam tahun 1990, 5.6 juta orang dalam tahun 1991, 5.1 juta orang dalam tahun 1992, 5.7 juta orang dalam tahun 1993, 6.3 juta orang dalam tahun 1994 dan 7 juta orang dalam tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan meneruskan usaha-usaha bagi memastikan industri pelancongan negara berkembang secara berterusan dengan harapan kedatangan dan perbelanjaan pelancong asing dapat dipertingkatkan, di samping dapat menggalakkan rakyat negara ini melancong di negara sendiri. Di antara usaha-usaha tersebut termasuklah memperkukuhkan struktur dan fungsi organisasi yang berkaitan dengan pelancongan, membangun, mempertingkat dan mempelbagaikan produk pelancongan, membangun dan menggalakkan pelancongan domestik, membangun dan mempertingkatkan promosi dan pemasaran, membangunkan sumber manusia dan membangun serta mempertingkatkan infrastruktur pelancongan dan aksesibiliti. Dengan usaha-usaha ini kementerian berharap agar matlamat untuk menerima kedatangan pelancong asing seramai 12.5 juta orang dengan perbelanjaan mereka sebanyak RM15.7 bilion di negara ini tercapai pada tahun 2000 kelak.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam berjuta-juta pelancong ini adakah di antara mereka yang datang ini bukan membelanjakan wang negara kita tetapi membebankan negara kita. Ada yang datang minta sedekah, ada yang jual carpet dan ada juga yang jual batu permata. Saya ingin tahu adakah syarat-syarat tertentu supaya negara kita dapat mengelakkan pelancong-pelancong jenis ini?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas soalan Yang Berhormat dari Pokok Sena. Untuk pengetahuan kita semua, pelancong yang dikira pelancong ke negara ini ialah mereka yang datang daripada luar negeri dan tinggal di negara kita lebih daripada 24 jam yang mengikuti jalan yang sah, yang mengikuti secara

haram tidak termasuk dalam statistik itu. Dalam pada itu, kalau mereka masuk dengan secara sah tetapi menjalankan kegiatan-kegiatan yang luar daripada kegiatan pelancongan, maka undang-undang yang ada dalam negara kita pada hari ini boleh digunakan untuk mencegah kegiatan-kegiatan itu. Kalau Yang Berhormat ada bukti, bolehlah laporkan.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan yang lepas kita terdengar terdapat juga pelancong yang dipanggil sebagai pelancong 'cocacola', yang mana reaksi daripada seorang menteri dari negara jiran mengatakan bahawa wujudnya pelancong 'cocacola' kerana tidak ada produk yang menarik di negara kita. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berapa ramaikah pelancong 'cocacola' yang masuk ke negara kita dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah pelancong 'cocacola' ini?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan yang jelas, terdapat pelancong-pelancong yang datang ke negara kita dan membelanjakan masa kurang daripada 24 jam. Pelancong 'cocacola' yang dimaksudkan itu adalah di antara pelancong-pelancong yang datang ke negara kita dalam jumlah masa yang kurang dari 24 jam ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Johor Bahru, perkara yang ditimbulkan itu ialah kerana wujudnya syarikat-syarikat pelancongan daripada jiran kita, iaitu Singapura yang membuat penggalakan pelancongan di luar negara, mengatakan "lawati Malaysia dengan pergi ke negara mereka". Mereka mengaturkan pakej-pakej pelancongan yang masuk ke Johor Bahru dan membelanjakan masa tidak lebih dari 8 jam dengan membawa pelancong-pelancong ini menaiki bas, memerhati beberapa tempat sahaja. Jadi, jarang sekali mereka membelanjakan wang, jauh dari membeli barang-barang keluaran seni di negara kita ini.

Berkenaan dengan pendapat seorang menteri dari luar negara mengatakan "tidak ada produk pelancongan di negeri ini". Saya suka menyangkal pendapat itu sekeras-kerasnya, kerana daripada jawapan yang kita terima daripada pelancong-pelancong yang datang kedua kalinya ke negara ini, kebanyakan mereka memberi jawapan bahawa "kerana banyaknya produk pelancongan yang begitu menarik kepada mereka, sebab itulah mereka datang melancong ke negara ini pada kedua kali atau lebihnya."

Suka juga saya memberi penerangan bahawa ada satu pakej pelancongan yang dijual di Hong Kong dan Negeri China yang dinamakan 'Singmatai' (Singapura-Malaysia-Thailand). Kebanyakan daripada mereka mengikuti pelancongan ini pada kali pertamanya pergi ketiga-tiga buah negeri ini, tetapi daripada penyelidikan yang kita buat apabila mereka pergi kali kedua, mereka hanya datang ke Malaysia, meninggalkan Singapura dan Thailand.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob.

(Soalan No. 11—Y.B. Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob tidak hadir)

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI—KEMAMPUAN MENGUTIP CUKAI

12. Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar) minta Menteri Kewangan menyatakan kemampuan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengutip cukai sepanjang tahun 1996. Juga nyatakan anggaran bilangan yang cuba mengelak/mengurangkan cukai dengan menggunakan kepakaran profesional dan setakat manakah kemampuan LHDN mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-

ahli Yang Berhormat sehingga 30hb. September, 1996 Lembaga Hasil Dalam Negeri telah berjaya memungut sebanyak RM18,382.19 juta.

Lembaga berkenaan menjangkakan akan dapat memungut sebanyak RM23,778.06 juta bagi tahun 1996 ini. Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai bilangan mereka yang cuba mengelak atau mengurangkan cukai dengan menggunakan kepakaran profesional. Walau bagaimanapun, setakat ini Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mengesan 401 kes yang cuba mengelak atau mengurangkan cukai di mana cukai yang berjaya dikutip ialah sebanyak RM382,112,218.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, sejak Jabatan Hasil Dalam Negeri di 'corporatise' kan, saya hendak bertanya sama ada jumlah kutipan Jabatan Hasil Dalam Negeri itu terus meningkat atau menurun, apakah kadar peningkatan ini dan apakah masalah yang dihadapi selepas pengkorporatan ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu awal untuk menilai prestasi Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana ianya baru sahaja ditubuhkan, tetapi mengikut prestasi Jabatan Hasil Dalam Negeri, selalunya bilangan (amount) yang dikutip melebihi ramalan yang dibuat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Misalannya pada tahun 1995 ramalan hanya RM20 ribu juta ataupun RM20 bilion, tetapi yang dapat dikutip ialah RM22 bilion iaitu RM2 ribu juta lebih. Kalau hendak mengikut logiknya Tuan Yang di-Pertua, apabila Lembaga ini ditubuhkan akan bertambah lagi efisiensinya, akan bertambah lagi kecekapannya. Saya fikir trend prestasi yang dibuat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri ini bukan sahaja dapat

dipertahankan, malah diperbaiki, daripada RM23 ribu juta yang diramalkan itu akan dapat diatasi lebih daripada angka itu - insya-Allah.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, daripada usaha mengelak dari membayar cukai, bagaimanakah tindakan mengikut pengalaman Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi yang cuba mengelak dari membayar cukai ini, yang berada di luar negara? Adakah mereka ini boleh selamat dengan meninggalkan negara ini daripada membayar cukai?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, cukai yang dikutip adalah berasaskan kepada pendapatan yang dibuat di dalam negara ini. Sesiapa yang cuba mengelak dan lari ke luar negara akhirnya akan dapat dikesan oleh jentera Lembaga Hasil Dalam Negeri dan jikalau dapat dikesan, orang yang mengelak akan dihukum mengikut hukuman yang setimpal.

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976—CADANGAN MEMINDA

13. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) minta Perdana Menteri menyatakan kerajaan bercadang untuk meminda Akta Profesion Undang-undang, 1976 untuk memasukkan peguam-peguam kerajaan, peguam dalam koperasi-koperasi dan pensyarah-pensyarah undang-undang dalam Majlis Peguam Malaysia. Jika begitu, nyatakan alasan-alasannya mengapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, dalam badan-badan pengawal profesion yang lain di Malaysia, pegawai yang mewakili sektor kerajaan ataupun separa kerajaan atau institusi pengajian tinggi turut diwakili. Ini tidak berlaku dalam Majlis Peguam.

Mengikut penyelidikan yang dibuat, didapati bahawa dalam badan yang mewakili peguam di beberapa negara lain, misalnya di Amerika Syarikat dan Australia, wakil sektor awam turut menganggotai badan sedemikian. Oleh yang demikian, memanglah sudah sampai masanya Akta Profesion Undang-undang 1976 dipinda supaya seluruh masyarakat peguam turut diwakili oleh badan seperti Majlis Peguam. Namun, kerajaan masih belum membuat keputusan sama ada untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 bagi maksud sedemikian.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan juga bercadang untuk mengurangkan tempoh 'latihan dalam kamar' (chambering) ataupun mengecualikan terus pegawai-pegawai ataupun peguam-peguam kerajaan, peguam-peguam koperasi dan pensyarah-pensyarah ini daripada menjalani latihan dalam kamar, apabila mereka ini telah berkhidmat sekurang-kurangnya 6 tahun di dalam sektor masing-masing, apabila mereka hendak menjadi peguam nanti?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, belum ada lagi perbincangan ke arah itu, dan setakat ini belum ada lagi keputusan untuk berbuat demikian.

DASAR PENERANGAN DAN PENYIARAN NEGARA—PENGUBALAN

14. Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau) minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah dasar penerangan dan penyiaran negara yang telah digubalkan; dan
- (b) sejauh mana kejayaan yang diperolehi setelah dasar itu digunakan. Apakah jenis penguatkuasaan yang telah diambil

tindakan bagi memastikan dasar itu dilaksanakan mengikut landasannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal): Tuan Yang di-Pertua, dasar penerangan atau dasar komunikasi negara sekarang ini adalah sedang di peringkat penyediaan. Oleh kerana dasar penerangan ini masih belum dilaksanakan lagi, maka Kementerian Penerangan belum dapat mengukur tahap kejayaan pelaksanaan.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai pelaksanaan penyiaran, pada seminggu dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berjanji dalam Dewan yang mulia ini akan menunjukkan surat bahawa penyiaran satelit Astro adalah mematuhi undang-undang, bukan haram. Tetapi sampai sekarang mana surat itu. Masa itu dia mahu beri, tetapi tidak beri. Di luar kata mahu beri, tetapi tak beri. Sampai sekarang sudah 7 hari. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memastikan bahawa surat itu disampaikan kepada saya seperti yang dijanjikan sebagai satu janji yang serius, yang solemn dalam Dewan yang mulia ini?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Bagi menjawab soalan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal dan hairan sekali seorang tokoh yang begitu lama di Parlimen ini, saya rasa tak tahu sama ada bersangkutan-paut dengan soalan yang telah saya jawab tadi, iaitu mengenai dasar. Ini membangkitkan tentang surat yang dijanjikan oleh Timbalan Menteri Penerangan. Saya rasa itu adalah keluar daripada soalan asal.

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: In terms of the latest, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat, bertenang. Parit.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setahu saya panel untuk Dasar Penerangan dan Penyiaran Negara ini telah ditubuhkan lebih 2 tahun yang lepas. Jadi, saya ingin tahu apakah masalah-masalah yang dihadapi hingga dasar penerangan ini tidak dapat diterima pakai hingga masa kini?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab, sebetulnya laporan Panel Perunding Dasar Penerangan yang dipengerusikan Tan Sri Samad Ismail yang diurusetia oleh Jabatan Penerangan telah diterima oleh Kementerian Penerangan pada September 1996. Laporan ini merupakan laporan kedua, kerana di dalam laporan yang pertama tidak menyentuh dengan terperinci akan interaksi terhadap kemajuan teknologi maklumat, maka laporan ini sedang dalam penelitian Kementerian. Jika semua urusan mengenainya berjalan lancar, maka laporan ini akan dikemukakan untuk dipertimbangkan oleh kerajaan pada awal tahun 1997.

KES PENYELUDUPAN— BILANGAN DAN NILAI BARANGAN

15. Tuan Wong Kam Hoong (Bayan Baru) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan kes penyeludupan yang dilaporkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dalam tahun 1995 dan tahun ini dan jumlah nilai barangan yang diseludup dalam tahun-tahun berkenaan; dan
- (b) analisa tentang barang yang diseludup, negara asalnya dan cara penyeludupannya dan langkah-

langkah kementerian untuk membendung kegiatan penyeludupan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1995, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah menjalankan siasatan ke atas sebanyak 4,523 kes penyeludupan dan sebanyak 3,213 kes lagi telah dikenakan kompaun. Bagi 6 bulan pertama tahun ini, sebanyak 4,651 kes penyeludupan yang melibatkan surat siasatan dan kompaun telah dijayakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Pada tahun lalu 1995, nilai barang yang dirampas adalah sebanyak RM46 juta, dan bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini, dianggarkan sebanyak RM23 juta.

Barangan utama yang terlibat dalam penyeludupan ialah rokok kretek, tekstil dan barang tekstil, barang-barang elektrik, laser disc, minuman keras dan kain batik. Kebanyakan barang-barang yang diseludup ini berasal dari negara jiran, iaitu negara Indonesia dan Thailand, kecuali minuman keras, beer dan stout yang biasanya diseludup dari kawasan bebas cukai, iaitu Labuan dan Pulau Langkawi. Penyeludupan barang-barang ini dilakukan melalui jalan laut dan darat. Langkah-langkah pihak kementerian untuk membendung kegiatan penyeludupan adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan aktiviti pencegahan seperti rondaan laut dan darat, sekatan jalan raya, dan pemeriksaan semula barang-barang yang dilepaskan oleh Bahagian Import dan Eksport;
- (ii) menggunakan bot-bot dan kereta yang berprestasi tinggi serta peralatan lain yang moden seperti alat perhubungan radio, night vision binoculars, radio scanner, walkie-talkie dan lain-lain;
- (iii) mengadakan kerjasama dengan pihak penguatkuasa dan agensi lain, iaitu bagi mengatasi masalah penyeludupan rokok dengan gabungan pengilang tembakau Malaysia dan bagi penyeludupan cakera laser dengan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) dan Lembaga Penapis Filem; dan
- (iv) mengadakan kerjasama dua hala dengan Jabatan Kastam negara-negara seperti Indonesia dan Thailand.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Timbalan Menteri Kewangan menyentuh mengenai perjanjian di antara Malaya dan Thailand pada suatu masa dahulu mengenai membendung kegiatan penyeludupan. Adakah butiran dalam perjanjian itu masih berkuatkuasa dan apakah kesan daripada perjanjian tersebut?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1922, satu treaty telah dibuat di antara kerajaan negara Siam dan Federation of Malaya, yang mana dalam treaty ini dibenarkan pegawai-pegawai kastam Thailand memasuki negara kita, khususnya di kawasan sempadan seperti Padang Besar dan juga di kawasan Bukit Kayu Hitam dan juga di kawasan perbatasan Kelantan apabila mereka mengesyaki ada berlaku aktiviti penyeludupan dan kemasukan mereka adalah sewenang-wenangnya tanpa mendapat apa-apa kelulusan daripada pihak kita. Inilah yang berlaku tidak berapa lama dahulu di Perlis beberapa tahun yang lalu yang mana mencetuskan satu perbalahan diplomatik antara negara kita dan negara mereka pada hal pegawai-pegawai kita dari Malaysia tidak mempunyai hak berbuat demikian. Pada masa ini kerajaan kita sedang berbincang dengan Kerajaan Thailand untuk

menyelesaikan masalah ini untuk membuat peruntukan ini, yang mana kita harap dapat menyelesaikannya secepat mungkin melalui perundingan-perundingan diplomatik.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada di antara senarai barang-barang yang diseludup termasuk wang tunai. Adakah ia dikira sebagai barang yang diseludup, khususnya adakah benar bahawa baru-baru ini Jabatan Kastam telah menahan sebuah kereta yang dimiliki oleh sebuah syarikat yang disenaraikan dalam BSKL, di mana seorang Ahli Exco Negeri Melaka berada dalam kereta tersebut dengan wang tunai RM3 juta. Adakah ini benar, kerana Ahli Exco ini ialah Dato' Mohd. Yasin bin Mohd. Shariff?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan pertama, saya tidak berapa ketahu adakah wang tunai itu masuk di dalam senarai. Tetapi yang saya tahu wang tunai yang melebihi sekian-sekian banyak perlu dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia.

Mengenai dengan kes Yang Berhormat sebut itu adalah kes yang sungguh spesifik. Saya sendiri tak tahu tentang kes Yang Berhormat sebut. Kalau Yang Berhormat ingin mengetahui, tanyalah kepada pihak yang berkenaan, iaitu Bank Negara Malaysia.

RTM DI SRI AMAN— SIARAN DALAM BAHASA IBAN KURANG JELAS

16. Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) minta Menteri Penerangan menyatakan sebab-sebab siaran radio RTM bahagian Iban tidak dapat diterima dengan jelas di Sri Aman dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi keadaan ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Penerangan telah pun meneliti akan

masalah siaran dalam bahasa Iban yang tidak dapat diterima dengan jelas di kawasan Sri Aman berikutan dari maklum balas yang diterima daripada penduduk di persekitaran kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu, mulai 16hb Oktober, 1996 yang telah lalu siaran dalam bahasa Iban itu telah dipancarkan daripada Stesen Sri Aman. Dengan demikian, siaran tersebut telah dapat diterima dengan jelas oleh penduduk di persekitaran kawasan tersebut.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan rancangan bahasa Iban tidak jelas kedengaran di beberapa tempat di pedalaman di Sarawak, adakah Kementerian Penerangan bercadang menggunakan perkhidmatan Astro untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Bagi mengatasi masalah ini, setakat ini kementerian, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh memperuntukkan sebanyak RM15.79 juta untuk memperbaiki alat-alat, manakala soalan Yang Berhormat dari Sri Aman, untuk masa akan datang, tidak lama lagi kita akan menggunakan satelit untuk memancarkan, agar radio juga dapat di sampaikan siarannya melalui satelit. Makanya ini sedikit sebanyak akan membantu—memang dalam rancangan kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

(Soalan No. 17—Y.B. Tuan Tiong Thai King tidak hadir)

MALAPETAKA AKIBAT KELALAIAN MANUSIA— LANGKAH MENGURANGKAN

18. Dato' Salamon bin Selamat (Shah Alam) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan walaupun Malaysia tidak dilanda oleh malapetaka semula jadi seperti gunung berapi, gempa

bumi dan puting beliung namun kejadian banjir, banjir lumpur dan tanah runtuh yang berlaku seperti di Condo Ampang Ulu Klang, di Lebu Raya PLUS dekat Gunung Tempurung, di Taman Seri Muda Shah Alam dan yang terbaru di Pos Dipang nyata lebih berbahaya dan boleh meragut lebih banyak nyawa dan kerugian harta benda yang bukan kecil. Apakah pandangan kementerian dalam melihat kejadian ini dari perspektif alam sekitar dan langkah-langkah cadangan untuk memastikan kejadian yang berpunca dari kerakusan, kecuaihan dan kelalaian manusia ini dapat dikurangkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang memandang berat akan kejadian-kejadian seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dari perspektif alam sekitar, kejadian-kejadian yang berlaku ini adalah berpunca daripada faktor semula jadi dan manusia itu sendiri. Bagi mengurangkan kejadian yang disebabkan oleh faktor semula jadi, kerajaan melalui Kementerian Pertanian sedang mengenal pasti kawasan yang berpotensi tinggi mengalami kelodakan supaya pembangunan di kawasan berkenaan dapat dikawal dengan lebih rapi lagi.

Bagi mengurangkan kejadian yang disebabkan faktor manusia, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mencadangkan supaya kajian terperinci termasuk penilaian kesan kepada alam sekitar EIA, dengan izin, dijalankan sebelum apa-apa projek dilaksanakan, terutamanya di kawasan berisiko tinggi seperti di lereng bukit. Langkah-langkah kawalan yang disyorkan dalam kajian tersebut perlu dilaksanakan sebaik mungkin dan segala kehendak pihak berkuasa dipatuhi sepenuhnya oleh pemaju projek.

SKIM JAMINAN KREDIT— JUMLAH PINJAMAN

19. Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu) minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan perkara berikut:

- (a) jumlah permohonan dan bila pinjaman kepada bumiputera dan bukan bumiputera yang dijamin oleh Skim Jaminan Kredit CGC, bagi tempoh 1995 - Jun 1996, dan
- (b) unjuran jumlah pinjaman bagi tempoh 1996, peratusan peningkatan dari segi bilangan peminjam dan nilainya.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh): Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 1995 hingga Jun 1996, sejumlah 11,347 pinjaman bernilai RM1,004.7 juta telah diluluskan kepada bumiputera dibawa skim-skim jaminan CGC berbanding dengan 14,817 pinjaman bernilai RM1,932.8 juta kepada bukan bumiputera, menjadikan jumlah keseluruhan pinjaman yang dijamin oleh CGC dalam tempoh tersebut adalah 26,164 pinjaman bernilai RM2,937.5 juta.

Bagi tempoh 1996, unjuran pinjaman yang akan diluluskan ialah 18,000 pinjaman bernilai RM2.5 bilion ialah peningkatan sebanyak 32% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu. Sehingga akhir bulan September 1996, CGC telah menjamin 13,961 pinjaman bernilai RM2.23 juta di bawah skim-skim jaminannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.3, 7, 11, 17 dan 20 hingga 35 akan dijilid dalam buku berasingan)

**RANG UNDANG-UNDANG
DI BAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1997**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan di tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
(1996)(NO. 2) 1996**

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMB.) (BIL. 3) 1996**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan Usul Anggaran Pembangunan (Tamb) (Bil. 3) 1996 diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah buah Majlis." (21hb Oktober, 1996)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kubang Kerian diminta sambung.

3.36 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian): Tuan Yang di-Pertua, mematuhi arahan Speaker supaya

memendekkan ucapan, kerana kita akan sambung pada malam ini, maka saya mengambil peluang untuk menyambung sedikit lagi ucapan saya pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, surat khabar kelmarin menjelaskan melalui kajian yang dibentangkan dalam seminar yang dianjurkan oleh UKM, iaitu penyakit AIDS di kalangan belia-belia Melayu—70.2%. Ertinya, pesakit AIDS di Malaysia ini, 70% adalah orang Melayu, penagih dadah pun ramai orang Melayu—melebihi 70%. Semua yang buruk dapat kepada orang Melayu.

Baru-baru ini kajian dibuat semasa konsert Scorpion diadakan di Kuala Lumpur, satu delegasi pensyarah yang diketuai oleh Dr. Syed Azman bersama dengan Dr. Noraini dari UKM dan lain-lain lagi pensyarah, dengan dibantu oleh beberapa orang pelajar telah membuat kajian terhadap penonton yang menonton konsert Scorpion. 600 sampel diambil (diinterview), maka didapati 70% penonton konsert itu adalah orang Melayu, 28% mengamalkan seks bebas, 58% biasa minum arak, 70% telah mencuba dadah, 80% mengatakan mereka telah menonton video lucu. Ini kita lihat kajian yang dibuat oleh pensyarah-pensyarah kita yang didedahkan dalam akhbar. Akhbar-akhbar tidak berani mendedahkan angka-angka ini kerana inilah yang sebenarnya berlaku dalam generasi kita.

Kita begitu gembira bila negeri Selangor mengambil keputusan mengharamkan konsert Michael Jackson yang diumumkan sebelum Perhimpunan Agung UMNO. Pengumuman itu sekali gus menjulang nama Menteri Besarnya yang bertanding Naib Presiden, alhamdulillah—menang. Kita mengucapkan terima kasih, walaupun kerajaanlah yang membuat keputusan, kita ucapkan tahniah dan kita harap perkara itu berterusan, tetapi selepas Perhimpunan

Agung UMNO, yang kita terkejut bahawa konsert ini diluluskan pula oleh Kabinet untuk diadakan pada 27hb Oktober.

Kami, Dewan Pemuda PAS kelmarin, pada pukul 3.00 petang menghantar memorandum kepada Menteri Dalam Negeri supaya mengambil ketegasan membatalkan sahaja konsert ini, tetapi kami disambut oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri—alhamdulillah, selepas itu ada press conference, berbagai jenis TV dan akhbar interview kami, kami pun seronok, tetapi hari ini sedikit habuk berita pun tidak keluar. Ini kerana keputusan Kabinet tidak langsung ada surat khabar yang berani mengatakan tidak, kerana Kabinet seolah-olah menjadi tuhan kepada kita di sini.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita lihat, dalam Perhimpunan Agung UMNO, bila dibincangkan Usul Agama, kami rasa terima kasih tahun ini kerana kita lihat mereka berbincang bersungguh-sungguh. Bila Usul itu diundi, kita lihat mereka di barisan hadapan. Menteri-menteri Kabinet mengangkat tangan lurus ke langit tanda setuju supaya kita mengambil tindakan yang serius untuk membanteras segala bentuk yang boleh menyebabkan bangsa kita menjadi lemah, negara kita menjadi lemah dan kita rasa confident selepas daripada perhimpunan agung itu, kita lihat gejala-gejala yang buruk, yang diimport daripada luar akan terhenti, tetapi sayang beberapa minggu selepas itu kita lihat konsert ini diluluskan, bahkan sekarang dibenarkan dua hari pula untuk diadakan, sedangkan kajian yang dibuat oleh para pensyarah terhadap penonton yang menonton Scorpion amat menggerunkan kita dan penonton yang lebih 70% adalah orang Melayu.

Kita lihat memang bila luluskan itu kita sama-sama menyokong. Kabinet sama menyokong tetapi bila datang kepada perhimpunan, menteri yang berkenaan

menjadi mangsa. Sebab itu kita lihat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, MKT pun tak lekat—kalah teruk! Crashed, walaupun dia seorang menteri. Kerana sekarang mereka sokong, bila datang pemilihan, jatuhkan orang ini, jatuhkan orang itu, sedangkan keputusan Kabinet ini kita lihat amatlah tidak berpatutan.

Kita hendaklah mengambil secara serius semalam Ketua Backbenchers, 'Dato' Ruhanie bin Haji Ahmad daripada Parit Sulong telah mendedahkan bagaimana keadaan anak-anak muda kita sekarang, generasi kita sekarang, kita mestilah mengambil perkara ini secara serius untuk menangani masalah ini, bukan kita mengambil secara sepintas lalu sedangkan masalah-masalah ini semakin hari semakin berat dalam negara kita.

Begitulah juga bila kita bercakap soal membanteras rasuah. Kita amat bersetuju perkara ini, tetapi bila mari pilihan raya, juara yang bercakap hal rasuah, juara itulah mengirim orangnya untuk membeli calon-calon kami. Di antaranya calon yang bertanding di Bandar Tun Razak, dihantar oleh orang yang bercakap juara rasuah untuk berunding supaya dibayar beberapa amaun untuk dia menarik diri menjadi calon, yang dihantar itu pula orang yang hebat dalam bank, yang terlibat dalam MBf, senanglah saya sebut 'Nazaruddin Jalil', yang kita tahu dia sekarang menjadi jutawan hebat, orang itu dihantar untuk jumpa calon kami dan berapa mahu yang ditawarkan supaya tarik diri menjadi calon dan menyerahkan kemenangan kepada orang lain dan orang itu selalunya bercakap sebagai juara menentang rasuah.

Jadi, inilah yang menjadi persoalan yang kita lihat sekarang ini, yang juara bercakap menentang rasuah sebenarnya orang itulah selalunya mengirimkan orang-

orangnya untuk membeli terutama sekali di pihak kami dan mereka yang lemah akhirnya terpaksa menjual diri mereka seperti calon di Bandar Tun Razak dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jelutong.

3.42 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, tidak boleh dinafikan bahawa negara memerlukan pembangunan. Tetapi pembangunan ini bolehkah dicapai dengan selamat jika satu sistem perundangan dalam negara kita ialah tanpa satu sistem yang boleh diterima sebagai baik dan satu sistem dengan keadilan?

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, dalam Majalah *Far East Economic Review*, covernya dengan *Mahathir Vision 2020*.

Ada dua-tiga perenggan yang ada di muka surat 26 khususnya, there is a little disturbing: Soalan yang beliau ditanya adalah seperti berikut:

“Your three predecessors were lawyers. They had an affinity for the rule of law. They would consciously consider opposing points of view.

Dan jawapan dia adalah ini:

“Lawyers are able to side with anybody and argue it out irrespective of what the law is. If somebody breaks the law, he can find a lawyer who will speak up for him at the courts and get paid. But if wants respect the rule of law, the moment one thinks the fellow is guilty, one does'nt support him anymore.”

Soalan yang berikut selepas itu:

“But the whole concept of law is built on the premise that one is entitled to his day in court without presumption of guilt, an accuse has the benefit of doubt, and lawyers are there to defend an accused.”

Jawapan:

“The lawyer does not have to respect the rule of law. He knows how to get around the law. I gave a talk on this in Singapore on why a doctor is much better than a lawyer as a politician, because a doctor wants to know the truth. I ask questions of my patients to get at the truth. The lawyer asks questions of his client in order to find out how to defend his client even if he is wrong—(very startling). That is the difference.”

Lagi satu soalan, Tuan Yang di-Pertua.

“Eight years ago, you said the judiciary was fiercely independent. Now it is hard to find people holding that view.”

Jawapan:

“What do you mean? Every now and then Karpal Singh says the judiciary is rotten.” (*Ketawa*) “When a case is decided in his favour, the judiciary is good. When it is decided against him, he says the judiciary is bad.” (*Ketawa*) “He criticizes the Judges all the time.” Not true, sometimes yes! (*Ketawa*)

“If I were to say what Karpal Singh says, then of course I will be accused of trying to interfere with the judiciary.”

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ada dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, dalam fikiran dia, lawyers are liars. Apa yang ada dinyatakan oleh Shakespeare ‘let’s first spill all the

lawyers." Tetapi ini adalah satu konsep yang tidak benar, bukan doktor sahaja yang mahu mencari kebenaran; bagi lawyer, please do not have the concept that lawyers "how to mislead the court" untuk memenangi satu kes—bukan itu.

Majlis Peguam yang ada dihentam oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerap kali adalah kerana dalam fikiran dia semua lawyer orang jahat, tidak boleh dipercayai.

Tuan Yang di-Pertua, tiga orang Perdana Menteri, pertama, kedua dan ketiga semua lawyer—peguam. Sekarang kami dapat satu doktor, apa perbezaan dengan dia dan tiga orang Perdana Menteri dahulu. Tunku Abdul Rahman a gentleman, Tun Razak, Tun Hussein Onn, orang yang boleh dipercayai, orang yang baik. Adakah apabila dalam fikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri 'lawyers are people who tried to get around the law on being paid? Doctors search for the truth.'

Ini bukan satu gambaran yang benar kerana saya ada dalam lapangan peguam selama 28 tahun sekarang. Bolehkah dikatakan, jika saya menang satu menang di mahkamah, ini adalah oleh kerana putar-belit, mislead dan menang tanpa mengira kebenaran? Itu tidak benar, Tuan Yang di-Pertua. dalam sistem perundangan dalam negara kita sekarang, presumption of innocence, dengan izin, jika presumption of innocence itu adalah wujud dalam undang-undang, jika beban adalah di atas pendakwa untuk membuktikan 'beyond reasonable doubt' satu kes terhadap seseorang yang ada di hadapan mahkamah. Boleh dikatakan "the lawyers are to blame, why acquittals?" Baru-baru ini what is alarming, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, apabila dalam kes Arulpragasam.

Arulpragasam dalam satu kes di mana 7 hakim mengendalikan kes ini dan selepas penjajahan British mengambil alih negara ini dalam tahun 1786, selepas itu di Pulau Pinang dan selepas itu di Malay States, sistem perundangan English ada diwujudkan di sini dan telah wujud sehingga sekarang, dan dalam tahun ini untuk kali yang pertama tujuh hakim mengendalikan satu kes, tidak ada dalam sejarah perundangan dalam negara ini, tidak ada Tuan Yang di-Pertua, di mana tujuh hakim ada mengendalikan satu kes. Legal history created, dengan izin, tetapi apabila keputusan diberi dan Tuan Yang di-Pertua, kes ini telah didengar, rayuan ini telah didengar kepada 5hb. Februari, tahun ini. Bukan satu keputusan yang diberi selepas satu atau dua hari. Ia pun ada di 'reserve' kan dan ada di beri pada 27 Julai tahun ini. Lebih kurang lima bulan selepas ada penghujahan didengar oleh tujuh hakim ini. Walaupun Tuan Yang di-Pertua, majoriti adalah nipis kerana fault trick. Tidakkah, dalam fikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa yang penting adalah keputusan, jika majoriti atau tidak majoriti apa keputusan.

Majoriti, jika majoriti harus diterima. Dalam tahun 1988, Tuan Yang di-Pertua, dalam kes UEM. Di situ juga merbahaya bagi UMNO, apa yang terlibat dalam itu ialah rasuah, ada beberapa orang termasuk Tengku Razaleigh mejanya ada di sana sekarang. Orang yang tidak boleh dipercayai.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Perkataan itu janganlah digunakan.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh saya tukar dengan seorang yang tidak boleh dipercayai. Satu pengkhianat politik, politik boleh? Ini pengkhianat politik, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Perkataan itu tetap unparliamentary Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.... bolehkah panggil Yang Berhormat dari Gua Musang. Bolehkah seorang yang tidak boleh dipercayai dipanggil "Yang Berhormat" dalam Dewan yang mulia ini. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu gelaran untuk semua Ahli Dewan.

Tuan R. Karpal Singh: Yalah, hipokrasi. Seorang yang tidak hormat, tidak boleh dihormati kena panggil dia "Yang Berhormat" kerana keluar dari Dewan ini. Satu hipokrasi besar tetapi sebab itu lagi satu point. Perdana Menteri terlibat, Tengku Razaleigh pada masa itu Menteri Kewangan terlibat dan konco-konco lain kerana jika tidak ada menang UEM. Ini bukan 1988? 1988 sudah dipecat dari UMNO, 1987—tersilap sedikit.

Mencapai 3-2 majoriti, daripada lima hakim, itu keputusan boleh diterima oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana apa yang terlibat dalam itu merbahaya kepada diri sendiri. Dan juga untuk membayar wang, membeli PWTC, rumah UMNO besar ini. Boleh terima itu? Tetapi bila kes Arulpragasam, siapa yang membuat kenyataan umum. Bukankah ini tugas Peguam Negara untuk membuat satu komen atau keputusan yang diberi oleh mahkamah? Tidak.

Adakah Perdana Menteri tidak percaya kepada Peguam Negara? Telah banyak isu di mana Peguam Negara apabila buat satu kenyataan, it gets into his own trap, doesn't know how to come out. Maka oleh itu atau ada sebab lain apabila kes Arulpragasam diputuskan, beliau membuat satu komen. Hal ini tektikal.

ada 400 kes lain dan oleh itu haruslah keputusan ini diteliti dan semua kes dibekukan, rayuan termasuk perbicaraan dalam Mahkamah Tinggi.

Bolehkah Tuan Yang di-Pertua, mahkamah dalam perkara ini memberi kerjasama kepada Eksekutif, membekukan kes-kes sehingga pindaan ada dibuat kepada Kanun Acara Jenayah, khasnya Seksyen 180 dan 173. Bolehkah? Bolehkah the Judiciary access the Executive? Ini macam ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, we hold these people until you get the rope. You will not do anything until you get the rope because you don't have the rope know.

Sudah berbangkit perkara ini kerap kali dalam mahkamah-mahkamah dalam negara ini. Mustn't an excuse of the benefit of the law as it is today, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa orang dalam Pudu, di Kajang, di Taiping dan di penjara-penjara lain dalam negara ini, yang menunggu pendengaran rayuan masing-masing. Tetapi kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat satu kenyataan umum, semua orang takut, termasuk hakim-hakim. Adakah ini satu gambaran yang baik bagi antarabangsa?

Perdana Menteri memberitahu kami, pergi ke Bangsa-Bangsa Bersatu mahu bercakap kuat dan besar "rule of law must be maintain", hentam orang putih tetapi apabila satu soalan berbangkit, di mana nyawa seseorang ada terlibat, beliau harus memberi "the benefit of the law as it is", tidak diberi. Dalam kes 2 orang Turki baru-baru ini, di Ipoh satu rayuan ada dibuat oleh pendakwaraya untuk tunda kes itu, menunggu keputusan. Eksekutif adakah apa-apa langkah yang diambil oleh Dewan yang mulia ini untuk meminda Seksyen 180? Apabila saya menelefon Peguam Negara, dan menyatakan ini bukan terlibat Seksyen 180, ini terlibat

subseksyen (214), a jury trial, di mana beban yang ada diputuskan dalam kes Arulpragasam tidak terpakai.

Baru sahaja Peguam Negara, Tuan Yang di-Pertua, mengarahkan pendakwaan untuk menjalankan kes itu, nasib baik oleh kerana di sini Tuan Yang di-Pertua, orang yang terlibat bukan warganegara kami tetapi warganegara satu negara yang lain. Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jangan membuat apa yang tidak baik untuk menjalankan tugas-tugas hakim dan pendakwaan dalam negara kita.

Dalam satu kes yang ada wujud sekarang Tuan Yang di-Pertua, dan saya harap dalam kes ini Peguam Negara mengambil berat untuk menentukan satu pendakwaan ada dijalankan atas seorang duta, Duta Croatia. Tuan Yang di-Pertua, satu laporan polis telah dibuat oleh seorang pembantu rumah nama Maria Ocampo pada, jika saya tidak silap 8 Oktober ini. Dalam laporan polis itu beliau ada menyatakan apa yang terjadi ke atas dirinya yakni dirogol empat kali oleh duta ini. Dan nama duta ini lebih baik untuk rekod dinyatakan dalam Dewan yang mulia ini—Kresimir Znidaric.

Apakah laporan polis ada dibuat? Apa yang saya difahamkan dan tidak ada apa-apa tindakan diambil. Sampai Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Croatia mengambil duta ini ke Zagreb. Dan bukan itu saja Presiden negara itu tidak berapa lama selepas itu memecat duta ini. Tidakkah berat. Kerajaan seperti itu saya hormati. Jikalau di sini Rahim Tamby Chik sampai hari ini dia bebas, walaupun gadis itu dipenjarakan.

Jikalau saya bercakap di luar dari sini, masuk ke dalam mahkamah walaupun itu adalah apa yang benar. Saya merayu kepada Peguam Negara untuk menyemak kes Rahim Tamby Chik semula.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam kes Rahim Tamby Chik, gadis itu mendapati bukan dia sahaja dan dia ada hadir di Mahkamah Tinggi minggu lalu atas satu rayuan *habeas corpusnya* dan dia memberitahu kepada seorang di dalam mahkamah bahawa "the first man to have intercourse with her was Rahim Tamby Chik", tetapi dia bebas dan apabila orang lain yang terlibat jumlahnya seramai 13 orang yang didakwa di dalam Mahkamah Sesyen Melaka, Mahkamah Sesyen di Muar dan di Seremban, kesemua orang ini ada diikat jamin walaupun seksyen 376 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara—a minimum of five years. Minimum lima tahun dan boleh disebat. Tetapi apakah keputusan dan ada satu pakatan di antara pendakwaan dan pembelaan dalam kes itu. Bolehkah dalam satu kes yang seserius itu, apa yang diperuntukkan di dalam undang-undang diketepikan dan satu hukuman yang dijatuhkan is not provided for by law?

Apakala saya merayu kepada Peguam Negara untuk menyemak semula keputusan itu, tidak ada apa-apa pun yang dibuat. Saya menulis kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi Malaya. Beliau menulis kepada hakim di Melaka—Hakim Dato' Suriyadi Halim Omar untuk mengambil tindakan to ensure justice is done. Tidak berapa tepat but the message was there, dengan izin.

Hakim Suriyadi memutuskan bahawa tidak ada fresh evidence dan oleh itu dia tidak ingin untuk menyemak keputusan itu. Tuan Yang di-Pertua, sebagai peguam you don't need fresh evidence jika apa yang diperuntukkan oleh undang-undang sebagai hukuman tidak diikuti, fresh evidence does not arise. Apakah fresh evidence di sana? Kesemua 13 orang ini mengaku salah. Where is the fresh evidence? Evidence was never laid. Keterangan tidak ada dibongkar di dalam mahkamah kerana pakatan ini.

Jika seorang daripada 13 orang ini mengaku tidak bersalah, itu bermakna satu perbicaraan akan dijalankan di mana saksi utama yang dipanggil adalah gadis ini. Tentulah gadis ini dalam keterangannya melibatkan Tan Sri Rahim Tamby Chik. Untuk memberi perlindungan kepada seorang—Rahim Tamby Chik, kerajaan mengambil satu langkah untuk memadamkan semua—berpakat dengan 13 orang ini dan habis. Tetapi ada Tuhan, Tuan Yang di-Pertua. Ada Tuhan oleh kerana dalam satu kes di Seremban ada seorang hakim yang berani bertanggungjawab iaitu Dato' Mohd. Noor. Beliau memutuskan apa yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen di Seremban tidak sah dan oleh itu hukuman ikat jamin itu diketepikan dan orang yang terlibat di dalam kes itu—seorang yang bernama Tajudin Ahmad apabila ditanya di hadapan hakim itu menyatakan, "Hukuman yang dijatuhkan ke atas awak sudah diketepikan sekarang, minimum lima tahun dan boleh disebut—liability to whipping".

Apakah yang disyaratkan kepada orang ini? "Oh, saya ada dijanjikan bahawa tidak ada apa-apa di dalam kes ini. Mengaku salah dan habis!" Sudah dibongkar apa yang dipadamkan oleh pendakwa dalam negara kita. Sekarang apa yang diputuskan oleh hakim di dalam kes itu adalah satu retrial. Mengapa dalam kes 10 orang yang lain, semua sama rata, gadis yang sama—13 orang ini merogol dia.....bukan 13, tetapi 14. Pertama adalah Rahim Tamby Chik. (*Ketawa*) Dia menyatakan itu di dalam mahkamah. Dia ada memberitahu perkara itu kepada seorang di dalam Mahkamah Tinggi apabila mahkamah belum bersidang lagi.

Saya merayu kepada Peguam Negara jangan mengambil perkara ini seperti perkara yang tidak berat oleh kerana it is a question of justice. Tuan Yang di-Pertua? Orang yang bertanggungjawab adalah

Peguam Negara. Peguam Negara sebagai the highest judicial of legal officer in the land adalah memikul satu tanggungjawab dan satu kewajipan yang berat dan jika dia tidak mahu mengatasi apa yang harus diatasi dengan menyemak kes 10 orang ini dan beliau ada kuasa untuk berbuat demikian. Apa yang boleh dibuat sekarang adalah untuk membuat rayuan, satu permohonan untuk melanjutkan masa rayuan, boleh. All is not lost.

Tetapi adakah Peguam Negara tidak berbuat demikian kerana ada puak-puak lain, barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi perlindungan kepada Rahim Tamby Chik, barangkali masa itu, sekarang once you lose, you are nobody. Sekarang barangkali it takes a different colour.

Tetapi tidak kira whether you are powerful or not powerful, the powerful and the weak are subjected to the same law, dengan izin. All persons are equal to the law and entitle to the equal protection of the law. Itu adalah apa yang terkandung di dalam Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan.

Kualiti atau mutu perundangan dalam negara ini harus ditinggikan. Apa yang terjadi di dalam kes Rahim Tamby Chik adalah memalukan negara kita. Bukan kualiti tetapi justice atau keadilan. Lebih daripada itu, kualiti wakil-wakil rakyat yang membuat undang-undang dalam negara ini harus ditingkatkan.

Bolehkah diikuti dan diterima berdasarkan apa yang terjadi baru-baru ini? Yang Berhormat dari Gua Musang, Machang—ketiga-tiga "ekor" ini tidak ada di sini hari ini. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjung Karang bangun ya.

Tuan R. Karpal Singh: Ya..... ya.....saya tarik balik "ekor", saya boleh gantikan dengan perkataan lain. Tak payah dia keriau. Sit down.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tak beri Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan, bukan point of order. Hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia sudah tarik balik, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Tidak, hendak minta penjelasan. Bukan point of order.

Tuan R. Karpal Singh: No, no.....no point wasting time on him? Not worth it. Not worth it.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tak beri, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta duduk.

Tuan R. Karpal Singh: Kualiti. Dia mahu mempertahankan dia sekarang kerana dia sudah masuk dalam UMNO, bukan dahulu apabila dia ada di sini bukan mempertahankan dia. Jangan pertahankan seorang yang tidak boleh dipertahankan, seorang yang tidak ada maruah, seorang yang tidak boleh dipercayai iaitu Ketua kepada Semangat 46. Apa macam punya semangat itu? Pengkhianat rakyat, itu semangat? Jadi, apa yang diperlukan ialah kualiti. Bagi bekas Semangat 46 ini tidak ada apa-apa kualiti.

Kelmarin Machang berani, baru-baru ini dia lompat di sana. Dahulu dia ada di sini. Ibrahim Ali lompat dahulu daripada dia. Tiap-tiap hari dia hentam di sini, pengkhianat dan sebagainya. Sekarang memakan ludah sendiri (*Ketawa*), hendak masuk UMNO.

Dalam hal ini siapa yang pandai adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dia tahu Tengku Razaleigh ini orang yang tidak boleh dipercayai, tidak kuat, lemah, 10 tahun dalam pembangkang tidak ada apa-apa hasil, lebih kurang setengah mati, boleh pujuk dia. Tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pandai, tarik dia dalam UMNO, "the kiss of death". Dalam UMNO dia tentu mati, habis (*Ketawa*), tidak ada peluang. Orang dalam Umno pun tidak percaya dia. Isn't Nazri? (*Ketawa*) Tuan Speaker, ini fakta, hipokrasi, oh, terima dia, "each one to use the other".

Itulah, Tuan Speaker, yang tidak boleh diterima. Tidak payah hentam PAS. Ahli Yang Berhormat dari Bachok kelmarin dan juga rakan dia seorang yang ada di sini tidak buat apa-apa ucapan. Oh, dia cakap banyak, oleh itu dia orang baik, tak kira melompat, tak kira tidak menghormati keputusan orang-orang yang memberi sokongan kepada dia untuk memasuki Dewan yang mulia ini? Ini adalah satu gambaran yang tidak baik bagi negara kita.....

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjung Karang bangun nak minta jalan, hendak beri dia?

Tuan R. Karpal Singh: Tanya apa yang relevan, yang baik, barangkali bolehlah, tetapi jika mahu kacau.....

Tuan Noh bin Omar: Fasal pengkhianat ini relevan.

Tuan R. Karpal Singh: All right, make it relevant. *(Ketawa)*

Tuan Noh bin Omar: Yang Berhormat Jelutong, saya hendak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat cakap fasal parti Semangat 46, keluar parti, lompat parti. Saya hendak tanya mengenai semangat perjuangan dan juga pendirian serta perjuangan seseorang pemimpin. Dahulu Yang Berhormat dari Tanjong, Ketua Pembangkang pada hari ini, empat kali buat kenyataan akan letak jawatan kalau DAP kalah dan dia juga pernah buat kenyataan bahawa kalau DAP tak boleh tawan Pulau Pinang, dia akan letak jawatan, tetapi hari ini dia tak letak jawatan pun, di mana prinsip perjuangan? Jadi minta penjelasan, apakah ini statement politik ataupun kalau Ketua Pembangkang dapat peluang masuk Barisan Nasional, dia juga akan masuk demi kepentingan politik dia sendiri?

Tuan R. Karpal Singh: Minta maaf, tidak ada kemungkinan DAP masuk Barisan Nasional. Kelmarin seorang ahli daripada MCA ada pujuk DAP semua masuk MCA, jika begitu, di mana saya? *(Ketawa)* Sebab itu tidak boleh timbul, Tuan Speaker.

Dan lagi apa yang ada ditanya oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Benar dia ada menyatakan jika tidak dapat menawan Pulau Pinang, bukan letak jawatan dan mengundur diri daripada Pulau Pinang. Dengan itu, apa yang benar? Bukan letak jawatan, bukan tarik diri keluar daripada DAP dan tidak termasuk politik langsung, bukan itu apa yang ada dinyatakan olehnya. Saya ingat rakan saya dari Tanjong Karang tersilap apabila menyatakan seperti itu.

Tuan Speaker, akhirnya saya merayu kepada.....

Tuan Wong Kam Hoong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya boleh mengakui kenyataan ini dibuat oleh Setiausaha Agung DAP iaitu Yang Berhormat dari Tanjong, bila dia kalah sebagai 'robokop' di Pulau Pinang, dia akan tarik diri dari Pulau Pinang dan tak akan balik ke Pulau Pinang. Dan dia juga akan meletak jawatan sebagai Setiausaha Agung DAP. Ini saya boleh mengakui kalau dia mahu keratan surat khabar itu, saya boleh sampaikan kepada Yang Berhormat Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang saya mengetahui, apa yang ada dinyatakan oleh dia adalah untuk menarik diri daripada politik di Pulau Pinang. Itu juga, bukan lebih daripada itu. Tetapi itu adalah perkara dalaman parti DAP, jangan kacau..... *(Ketawa)*

Tuan Noh bin Omar: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong Karang bangun lagi, Yang Berhormat, dia minta jalan.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita mempersoalkan daripada segi prinsip perjuangan, mengenai pemimpin dan juga kepimpinan. Jadi, kalau kita tidak boleh persoalkan kepimpinan parti DAP, kita minta DAP jangan persoalkan kepimpinan parti orang lain. Biar parti masing-masing selesaikan masalah parti masing-masing. Hari ini Jelutong pula mengacau parti orang lain. Hari ini bila kita tanya, itu soalan rumah tangga dia. Mana ada keadilan? Baru tadi

dia cakap fasal keadilan, fasal demokrasi, tetapi bila sampai kena batang hidung dia, dia kata, ini hak dia. Ini DAP cakap tak serupa bikin, double standard.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang saya nyatakan tadi Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak ada mengumumkan dia tarik diri daripada politik dan sebagai Setiausaha Agung DAP dan sebagainya. Saya boleh menentukan dengan dia, ini perkara dalaman, jangan kacau. *(Ketawa)*

Tuan Chang Kon You: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ipoh Timor bangun.

Tuan Chang Kon You: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan Yang Berhormat dari Jelutong. Dahulu DAP sebagai satu anggota dalam Gagasan Rakyat, kemudian bila DAP gagal, kalah teruk dalam pilihan raya yang berlangsung pada tahun lepas, DAP pun tarik keluar daripada Gagasan Rakyat. Adakah DAP ialah satu pengkhianat politik kepada pembangkang?

Tuan R. Karpal Singh: Ini bukan pengkhianat, bukan masuk dalam Barisan Nasional, tetap dalam pembangkang walaupun tidak berjuang dalam Gagasan Rakyat tetapi dalam pembangkang. Ada perbezaan, ada faham? *(Ketawa)*

Akhirnya, Tuan Speaker, saya merayu kepada kerajaan dalam kes Maria Ocampo, seorang mangsa yang ada dihancurkan oleh Duta Croatia ini, dirogol. Dan apa yang dia menyatakan dalam surat khabar, 'I have no dignity left. I have lost everything'. Saya ingat di sinilah kerajaan kita harus menentukan jika tidak ada satu treaty ekstradisi dengan Croatia untuk membuat satu arrangement dan kemungkinan besar duta ini dikembalikan

kepada negara ini untuk menghadapi pertuduhan-pertuduhan jenayah yang beliau lakukan ke atas pembantu rumah ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya hanya dapat membenarkan seorang sahaja, selepas ini kementerian akan menjawab. Sila Bagan.

4.20 ptg.

Tuan Lim Hock Seng (Bagan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini hendak membangkitkan satu perkara iaitu pembinaan rumah kos rendah di tanah KTMB di Perai, Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional kerap kali dan selalu mengatakan bahawa kerajaan tidak akan meluluskan segala permohonan untuk membangunkan satu-satu kawasan iaitu satu-satu projek jikalau mereka gagal menunaikan syarat untuk membina 30% rumah kos rendah. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, orang yang lantang sekali menyuarakan perkara ini adalah Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang iaitu Yang Berhormat Dato' Mohd. Shariff bin Omar, di mana orang ini juga dihalang untuk bertanding di Mesyuarat Tertinggi UMNO baru-baru ini kerana kononnya ada 'bau politik wang' yang beliau jalankan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu jawapan yang saya dapat dari Menteri Pengangkutan berkenaan dengan projek iaitu pembangunan di kawasan KTMB di Perai, Butterworth ini, cadangan bangunan yang akan dibina di kawasan itu ialah:

- (i) satu blok hotel 18 tingkat dan tempat letak kereta bertingkat;
- (ii) satu blok pejabat 16 tingkat dan tempat letak kereta bertingkat;

- (iii) satu blok bangunan KTMB 12 tingkat berserta tempat letak kereta bawah tanah;
- (iv) satu blok kompleks beli-belah 7 tingkat;
- (v) dua blok rumah pangsa kos sederhana 16 tingkat yang berjumlah 324 unit;
- (vi) satu blok rumah pangsa 17 tingkat untuk penempatan semula kakitangan KTMB yang berjumlah 200 unit;
- (vii) kedai dan pejabat 3 tingkat berserta tempat letak kereta bawah tanah yang berjumlah 121 unit;
- (viii) kedai dan pejabat 4 tingkat berserta tempat letak kereta bawah tanah yang berjumlah 64 unit;
- (ix) kedai dan pejabat 5 tingkat berserta tempat letak kereta bawah tanah 22 unit; dan
- (x) rumah teres dua tingkat yang berjumlah 150 unit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa jawapan yang saya kemukakan, pada masa itu Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, beliau mengaku bahawa memang tiada rancangan lagi untuk rumah kos rendah di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari yang lepas dalam satu iklan di surat khabar berbahasa Cina, ada satu iklan yang berbunyi "Satu rancangan perumahan 51 ekar di kawasan Perai ini akan dibina dan harganya ialah di antara RM205,000 sehingga RM253,000 satu unit untuk sebuah rumah teres bertingkat". Dalam iklan ini terang ditunjukkan bahawa projek ini memang akan dijalankan tanpa membina rumah-rumah kos rendah dan seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian tadi.

bahawa orang yang lantang sekali bersuara untuk mencegah rasuah adalah orang yang melakukan rasuah. Ini tidak lain daripada Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang yang lantang hendak membina rumah-rumah kos rendah, tetapi beliau tidak memastikan bahawa satu kawasan yang dibangunkan oleh KTMB ini langsung tidak peduli kepada rayuan atau polisi-polisi kerajaan tempatan atau kerajaan negeri, di mana duduknya kuasa kerajaan negeri atau kuasa kerajaan tempatan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Baik.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan. Saya tidak faham apa yang dicakapkan ini. Satu tentang rasuah, satu lagi rumah kos rendah, apa bezanya kedua ini? Nampaknya Yang Berhormat cuba hendak mendapat satu mileage politic, tetapi hubungannya tidak nampak langsung, mungkin kena belajar daripada Kota Melaka sedikit, kemudian barulah hujah-hujah itu bertambah baik. Ini saya nampak kena tingkatkan mutu kualiti perbahasan sedikit seperti Kota Melaka, misalnya ada ISO 9000. Saya tidak nampak.....

Tuan Lim Hock Seng: Baik, baik.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: apa kena-mengena tuduhan Yang Berhormat kepada Timbalan Ketua Menteri yang tidak ada di sini. Pertama, orang itu tidak ada. Yang kedua, menuduh dia 'rasuah'. Apa hubung kaitnya dengan satu projek yang perlu diadakan dengan rumah kos rendah? Saya tidak nampak hubungan. Dalam hal ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Jelutong mesti ada 'keadilan' bila kita

hendak bercakap. Kalau hendak tunjuk yang kita ini bersikap adil—keadilan yang kita mahu seperti yang dituntut oleh Jelutong, ahli DAP kena tuntutan juga, barulah kami boleh belajar. Ini 'cakap tidak serupa bikin'.

Tuan Lim Hock Seng: Syabas EPE! Apa yang saya kata di sini, Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian baru sebentar tadi, bahawa orang yang lantang sekali menyuarakan 'mencegah rasuah' orang itulah yang melakukan rasuah. Macam ini pun tidak mengerti? Saya kata di sini

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Rompin bangun.

Tuan Lim Hock Seng: orang yang lantang sekali menyeru pemaju membina rumah kos rendah, orang inilah yang tidak mematuhi

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalankah Yang Berhormat?

Tuan Lim Hock Seng: polisi yang beliau berkata itu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa kena-mengena dengan rasuah?

Tuan Lim Hock Seng: Saya kata, bukan orang di Pulau Pinang ini rasuah, seperti dia kata "orang yang jaguh,"

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak nampak hubungan....

Tuan Lim Hock Seng: orang yang berjuang untuk itu.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, saya tidak nampak, apa dia hubungan pembangunan? Saya bersetuju pandangan Yang Berhormat, satu-satu pembangunan mesti ada rumah kos rendah—kita bersetuju. Tetapi apa kena hubungannya dengan orang itu dituduh rasuah? Kita boleh katakan bahawa dari kerajaan ianya dipersoalkan dari segi tuntutannya untuk melaksanakan projek mesti diadakan rumah kos rendah. Itu kita boleh bersetuju. Tetapi mengapa pula dituduh Timbalan Ketua Menteri ini rasuah, melainkan syarikat dia yang membuat dan kita ada bukti bahawa dia ada pulangan kepada dirinya, mungkin kita boleh tuduh. Saya minta Yang Berhormat adil.

Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kita perlu ada rumah kos rendah. Kalau sesuatu projek itu tidak ada rumah kos rendah, kita perlu tunjukkan, tegur, setuju? Tetapi saya ingat bila kita hendak kaitkan, bila perkara itu tidak dilaksanakan kononnya satu pemimpin kerajaan itu rasuah, saya rasa kita over extend, dengan izin, logik dari segi argument kita.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang ini rasuah, saya tidak kata begitu. Saya kata seperti apa yang dikatakan oleh Kubang Kerian bahawa ada seorang pemimpin dari UMNO, orang itu ialah jaguh atau hero dalam menentang rasuah, tetapi orang itulah yang menjalankan rasuah.

Tadi, Yang Berhormat dari Kubang Kerian baru sahaja sebut, mungkin Yang Berhormat dari Rompin tidak berada dalam Dewan ini dan saya kata orang yang lantang sekali menyeru pemaju membina rumah-rumah kos rendah, tetapi di kawasan beliau sendiri, di tempat-tempat yang beliau menguasai tiada rumah kos rendah. Ini membuktikan bahawa beliau hanya 'bully' pemaju persendirian sahaja. KTMB ini adalah satu subsidiari kerajaan.

jadi beliau tidak berani kata apa, walaupun projek raksasa ini yang mereka rancang untuk membina sebuah rumah bertingkat yang berharga RM205,000, mana dia rumah yang berharga RM25,000? Tidak ada. Itulah saya pertikaikan dan.....

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, boleh.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan sedikit kepada Yang Berhormat dari Bagan bahawa dalam pembinaan rumah kos rendah, tidak semua tempat perlu dibina rumah kos rendah bagi satu-satu projek perumahan.

Bagi kes di kawasan yang tanahnya dipunyai oleh KTMB, KTMB dengan pihak kerajaan yang bertanggungjawab di dalam sistem penswastan telah pun membincangkan perkara ini dengan terperinci. Oleh kerana kita ingin membina termasuk kuaters dan juga bangunan-bangunan yang lain, maka bagi kawasan ini tidak dimasukkan rumah kos rendah. Tetapi ini tidak bermakna bahawa Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang telah tidak menjalankan saranan beliau supaya semua rumah kos rendah dibina di tempat-tempat yang tertentu.

Saya ingin menjelaskan bahawa rumah kos rendah tidak perlu dibina bagi setiap projek perumahan dan bagi kawasan KTMB ini adalah tidak dibina rumah kos rendah, tetapi dibina rumah kos sederhana, rumah kos tinggi dan juga kawasan-kawasan komersil seperti yang telah disebutkan, kerana itu adalah tidak tepat dan tidak baik bagi Yang Berhormat dari

Bagan untuk memberikan ini sebagai satu contoh bahawa rumah kos rendah tidak dibina di Pulau Pinang, apatah lagi di kawasan Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri.

Beliau mungkin prejudice kerana beliau iri hati kepada Timbalan Ketua Menteri yang telah pun menjadi Timbalan Ketua Menteri, yang mana beliau berangan tidak dapat menjadinya. Kerana itulah beliau tidak wajar menggunakan ini sebagai satu perkara yang harus dipertikaikan, kerana ini adalah tanah KTMB dan KTMB telah pun bersetuju untuk membina rumah kos sederhana dan rumah-rumah jenis yang lain.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, jikalau mengikut lojik Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ada setengah projek perumahan tidak payah membina rumah-rumah kos rendah. Saya berharap saranan ini dapat disampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri di Pulau Pinang ini supaya panggil beliau tutup mulut selepas hari ini juga, dan jangan selalu kata di mana tak ada rumah kos rendah kelulusan tidak akan dilayan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, beliau menyatakan itu secara umum. Tetapi bukan setiap kawasan perumahan mesti ada rumah kos rendah. Beliau menyatakan bina rumah kos rendah di kawasan perumahan tetapi tidak seratus peratus. Kalau tanah di situ tinggi - baru-baru ini pun Kabinet telah pun menyatakan bahawa ikut kawasan, ada rumah kos rendah yang harganya RM25,000. Kalau Yang Berhormat maksudkan rumah kos rendah ini RM25,000 memang kawasan itu tidak sesuai. Kerana itulah di setengah-setengah kawasan rumah kos rendah tidak dibina dengan harga yang demikian, tetapi dibina rumah kos sederhana. Harga yang disebut tadi adalah satu harga sahaja RM250,000. Mungkin ada rumah yang bawah daripada

harga itu yang telah tidak Yang Berhormat sebutkan. Saya pun tak tengok iklan yang telah diiklankan dalam surat khabar berbahasa Tionghua berkenaan. Itulah elok Yang Berhormat menyatakan semua jenis-jenis harga, bukan hanya menekan kepada harga yang RM200,000 lebih sahaja.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, dalam iklan ini cuma ada harga untuk rumah kediaman dua tingkat dan tidak ada lain. Beliau berkata ini dibuka untuk tempahan. Sekiranya tempat ini tanahnya adalah....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Saya habiskan ini. Jikalau kata projek ini terletak dalam satu kawasan yang harga tanahnya tinggi. Tetapi jiran dia, tinas, yang akan disenaraikan di papan kedua tidak lama kemudian, sekarang buka untuk permohonan, beliau diwajibkan untuk membina rumah kos rendah di tempat yang sama berjiran dengan dia, tidak ada lain dari tempat itu. Mengapa pemaju persendirian diwajibkan untuk membina rumah kos rendah, tetapi satu subsidiary kerajaan tidak dapat membina rumah kos rendah di tempat yang sama?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, bagi kes yang disebutkan tadi bahawa pemaju ini juga terpaksa membina rumah untuk kakitangan KTMB, dan rumah ini akan diberi kepada KTMB secara terus. Kerana itu, bagi untuk subsidise kepada pembinaan yang dibuat, kerana itu dibenarkan mereka membina rumah kos sederhana dan kos tinggi serta komersil. Kerana semua rumah untuk kakitangan akan diberi secara

percuma kepada KTMB. Itulah sebabnya kalau syarikat ini dibenarkan membina rumah kos rendah dengan banyak, sudah tentu ia tidak mampu. Sebab itu bagi kes-kes tertentu, memang rumah kos rendah tidak disyaratkan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, apa transaction atau persetujuan di antara pemaju dengan kerajaan, iaitu KTMB bukan dalam pengetahuan saya. Tetapi secara umum, secara amnya, dalam satu projek raksasa sebagai ini, selalu pemimpin-pemimpin Barisan Nasional berkata mesti membina rumah kos rendah. Tetapi satu amalan yang tidak sihat, satu amalan yang ditunjukkan oleh kerajaan yang tidak sihat, di mana beliau sendiri, kerajaan sendiri tidak perlu membina rumah kos rendah. Mengapakah Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang selalu mengecam, menyeru pembina, pemaju swasta atau persendirian mesti membina. Jikalau tidak, tidak dapat kelulusan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat dari Bagan tidak faham, bahawa yang ini tanah KTMB, dan KTMB telah membina, tak masuk rumah kos rendah. Tetapi di kawasan-kawasan lain macam di sebelah, Timbalan Ketua Menteri pun mensyaratkan membina rumah kos rendah, tetapi tidak bolehlah mengambil kes tanah KTMB ini sebagai satu kenyataan bahawa Timbalan Ketua Menteri tidak mengutamakan rumah kos rendah. Kawasan-kawasan lain sebelah, beliau mengutamakan, dan telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bagan. Kerana itu, tidak bolehlah gunakan kes ini untuk menekan bahawa kerajaan negeri tidak bertanggungjawab ataupun Timbalan Ketua Menteri berkenaan tidak mengutamakan rumah kos rendah. Saya harap Yang Berhormat mesti faham. Tidak semua kawasan mesti ada rumah kos rendah. Takkan ini pun tak faham, kecuali saya terpaksa bercakap dalam bahasa Mandarin.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, jelaslah di sini bahawa tanah kerajaan, subsidiary kerajaan tidak perlu membina rumah kos rendah....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Lim Hock Seng:.....tetapi di tepinya ada orang tanah persendirian dapat ditindas, dapat diseru, mesti mendesak beliau membina rumah kos rendah. Itulah kenyataan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin jelaskan. Yang Berhormat, bukan semua tanah kerajaan tidak dibina rumah kos rendah. Bahkan kerajaan telah bina beribu-ribu rumah kos rendah di seluruh negara di atas tanah kerajaan. Tetapi tidak semua tanah kerajaan mesti dibina rumah kos rendah dalam satu-satu projek. Begitu juga tanah swasta, tidak semua tanah swasta mesti ada rumah kos rendah. Tetapi kita mensyaratkan sebaik-baik seberapa yang mampu sekiranya kawasan itu kawasan yang sesuai, harga tanahnya tidak berapa tinggi, mesti dibina rumah kos rendah. Memang seluruh Malaysia pun tahu, Yang Berhormat boleh pergi melawat. Tidak semua tanah swasta ada rumah kos rendah, dan tidak semua tanah kerajaan ada rumah kos rendah. Ada tanah kerajaan ada rumah kos rendah, ada tanah swasta ada rumah kos rendah. Kerana itu, Yang Berhormat mesti faham cara rumah dibina dalam negara kita. Kerana itu, kita buat semakan terlebih dahulu, tidak boleh mengambil ini semua sebagai purata dan memutar belit keadaan. Yang ini pun susah hendak faham. Saya fikir tak layaklah menjadi Ahli Yang Berhormat di Parlimen ini.

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat sahaja yang layak menjadi Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini. Yang lain tidak layak. Saya kata, dalam projek perumahan spesifik ini, saya

tidak mahu pukul dari Selatan ke Utara, dari Timur hingga ke Barat. Saya tidak ada pukul dari sana. Saya kata di kawasan yang tertentu ini mengapa dia tidak diwajibkan membina. Itulah persoalan saya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi bahawa bagi kawasan ini pemaju disyaratkan membina rumah-rumah kuarters untuk kakitangan KTMB. Jadi untuk dia subsidise kepada pembinaan rumah itu secara percuma kepada KTMB dia terpaksa dibenarkan membina rumah kos sederhana dan kos tinggi serta komersil supaya barulah syarikat ini untung dan mampu membina rumah untuk kakitangan KTMB dan bangunan-bangunan lain untuk KTM. Yang ini pun tak faham. Bukan dia dapat tanah itu secara percuma.

Tuan Lim Hock Seng: Sebelum Yang Berhormat sampai ke tahap itu, tadi Yang Berhormat ada kata kerajaan menyeru pihak swasta membina rumah kos rendah setakat mana mampu. Itu Yang Berhormat kata tadi. Tetapi di Pulau Pinang ini lain. Mungkin di tempat yang dikuasai oleh Yang Berhormat itu lain. Tetapi di Pulau Pinang ini lain, semua perumahan melebihi 150 unit ke atas mesti ada rumah kos rendah. Ini yang lebih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, itu terkecuali tanah KTMB.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, saya akan sampai di sana.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Yang lain itu disyaratkan terkecuali tanah yang dipunyai oleh KTMB.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, apa yang saya....

Tuan Lim Kit Siang: Point of order. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada hak berdiri bercakap mengenai....atau penjelasan. Bukan rumah dia sendiri.

Tuan Noh bin Omar: Point of order. Ketua Pembangkang mana ada hak bangun macam itu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekejap Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan mesyuarat.

Tuan Noh bin Omar: Point of order. Ketua Pembangkang pun sama. Apa ini, bangun-bangun cakap!

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila duduk. Yang Berhormat, saya beri penjelasan sedikit. Saya nampak Timbalan Menteri bangun, dan saya nampak Bagan duduk. Itu makanya Timbalan Menteri bercakap.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi bangun bercakap kerana Bagan beri saya laluan, tetapi Ketua Pembangkang, tiba-tiba sahaja bangun - tiada kebenaran diberi.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order. Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau Point of order tidak faham, tidak layak menjadi Timbalan Menteri.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali. Beliau bangun pun tidak minta kebenaran. Adakah ini cara yang baik?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak tahu Peraturan Mesyuarat, tidak payahlah.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat,

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Lagi sekali, Tuan Yang di-Pertua. Beliau bangun di bawah peraturan mana? Saya hendak tanya kepada Ketua Pembangkang, bangun di bawah Peraturan mana?

Tuan Chang Kon You: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ipoh, Ipoh!

Tuan Lim Kit Siang: Dia masih tidak faham.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya masih bercakap Tuan Yang di-Pertua. Mana dia....

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat, kita semua boleh berdiri - tidak faham, baca.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Boleh berdiri, tetapi tidak boleh bercakap sebelum minta kebenaran.

Tuan Lim Kit Siang: Kita semua ini pun boleh berdiri.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat. Diminta semua duduk. Baik, kita teruskan mesyuarat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Pembangkang pergilah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya telah menjelaskan tadi bahawa apabila Timbalan Menteri bangun, saya nampak Bagan duduk, maka itu bererti dia memberi jalan kepada Timbalan Menteri. Saya berharap Bagan, kalau ada point yang lain daripada ini?

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, kami sedang berbahas mengenai projek yang tertentu ini dan saya nampak Timbalan Menteri berdiri dengan begitu sahaja dan beliau juga bercakap. Untuk menghormati Kerusi beliau, saya duduk dan beliau berturut-turut membuat demikian dan dia kata saya tidak layak, tetapi saya hormati dia.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri ada berkata, ini kerana adalah tanah KTMB dan ada bangunan dibina untuk diperuntukkan kepada kakitangan KTMB. Itu bermakna kerajaan telah mengambil satu precedent, di manasesiapa yang akan membina rumah kos sederhana untuk dijual balik kepada subsidiary kerajaan dan beliau tidak perlu membina rumah-rumah kos rendah.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: (*Bangun*).

Tuan Lim Hock Seng: Nanti, belum lagi. Ini satu precedent. Rumah kos sederhana mungkin akan dijual antara RM60,000 - RM70,000 dan rumah kos sederhana dengan rumah kos rendah tidak berapa jauh bezanya, melainkan ada perhiasan yang lain dan jikalau pemaju atau tanah-tanah kerajaan diswastakan kepada pihak swasta untuk dimajukan dan beliau kata, saya akan beri kos sederhana untuk menggantikan rumah-rumah kos rendah - ini adalah berfaedah

kepada pemaju, kerana untuk unit yang sama beliau akan mendapat harga satu kali ganda - serupa dengan kes ini. Mengorbankan peluang untuk orang miskin mendapat rumah kos rendah kepada satu projek yang begitu mewah.

Saya bangkitkan perkara ini kerana Timbalan Menteri semasa menjawab mesti boleh menjawab dengan sewajarnya, tidak perlu kita membahaskan dengan tidak berhenti-henti sampai Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun hendak memberhentikan kami semua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyeru kepada kerajaan supaya mendesak pemaju yang memajukan tanah kerajaan, iaitu KTMB ini membina rumah kos rendah di dalam kawasan gantian, walaupun dalam projek ini sudah terancang.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan nampaknya tidak berminat sangat tentang projek rumah kos rendah kerana banyak projeknya tidak ada projek pembinaan rumah kos rendah, seperti World Youth Foundation di Melaka - di kawasan dialah. Satu projek beratus-ratus juta ringgit. Dapat tanah daripada Kerajaan Negeri Melaka di Air Keroh, di Lembah Lubuk Air Keroh, tanah 'gold mine' — tanah yang berharga paling tinggi tetapi premiumnya 25% daripada harga pasaran — tidak ada satu pun rumah kos rendah. Ini satu.

Juga syarikat-syarikat lain yang mana Yang Berhormat tahu dan saya pun tahu, disyaratkan untuk membina rumah kos

rendah, tetapi akhirnya tidak bina rumah kos rendah. Adakah ini mungkin sebabnya mengapa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak berapa berminat tentang projek rumah kos rendah yang hanya DAP dan Yang Berhormat dari Bagan sahaja yang berminat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, barulah.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Boleh saya jawab?

Tuan Lim Hock Seng: Bukan kamu punyai 'turn'.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Ini macam tidak ada mutulah.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, beri peluang kepada saya.....

Tuan Lim Hock Seng: Dia tanya kepada saya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Dia bertanya kepada saya!

Tuan Lim Hock Seng: Tidak boleh berbahaslah kalau macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat kena minta jalan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Yang Berhormat Kota Melaka tanya saya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Minta jalan.

Tuan Lim Hock Seng: Beliau merujuk kepada saya, mana boleh merujuk kepada dia?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun, dia sudah minta jalan. Beri atau tidak beri?

Tuan Lim Hock Seng: Saya mahu jawab dia dahulu.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Selepas Yang Berhormat Bagan jawab, beri chance saya jawab. (*Ketawa*)

Tuan Lim Guan Eng: Jangan tawar-menawar.

Tuan Lim Hock Seng: Jangan tawar-menawar. Barulah saya sedar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri ini dia bukan berminat untuk mempertahankan peluang orang miskin. Di kawasan beliau sendiri pun masih seperti ini. Baru saya tahu, jadi, tidak payahlah saya membuang masa untuk berlawan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana beliau adalah terbukti sebagai seorang yang memperjuangkan keuntungan wang yang besar dan bukan memperjuangkan peluang untuk orang miskin.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Beri chance!

Tuan Lim Hock Seng: Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan tadi itu tidak betul. Saya memperjuangkan rumah kos rendah.

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kawasan saya di Batu Berendam—sampai rumah kos rendah tidak ada orang hendak ambil (*Ketawa*), khususnya di Paya Dalam.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nanti sekejap. Sudah habis. Minta Kementerian Kewangan menjawab.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, dia tuduh saya, saya kena jelaskan—boleh?

Tuan Lim Hock Seng: Saya sudah habis.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Beri saya satu minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekarang masa menjawab Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Jawab, jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat pun tidak fahamkah? Apa ini? Nama sahaja Timbalan Menteri.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya bina rumah kos rendah, bukan tidak bina. Saya berjuang untuk rumah kos rendah.

Beberapa Ahli: (Menyampuk).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kawasan saya di Paya Dalam rumah kos rendah RM25,000 sampai tidak ada orang hendak beli, kita membina lebih daripada yang diperlukan.

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta duduk. Kementerian Kewangan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Dia anak-beranak yang bangun. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila, Kementerian Kewangan.

4.48 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Bagan kerana telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1996 dan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pembangunan Ketiga, 1996 di Dewan ini.

Sebagaimana yang kita tahu, peruntukan pembangunan sektor awam dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adalah berjumlah RM62.5 bilion dan daripada jumlah tersebut peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM67.5 bilion, kerajaan negeri - RM12 bilion, kerajaan tempatan dan badan berkanun - RM7.9 bilion serta perusahaan awam bukan kewangan RM75 bilion. Peruntukan pembangunan kerajaan persekutuan bertujuan, terutamanya untuk mempercepat pembangunan infrastruktur seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong, Projek KLIA dan projek Putrajaya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, projek-projek ini amatlah penting untuk memacu ekonomi kita ke arah yang akan datang. Ini semestinya kita lakukan untuk mengelakkan kos melepas dan mengalih pemusatan, kepadatan aktiviti di persekitaran Kuala Lumpur dan berpindah ke pinggiran. Konsep dan falsafah pembangunan KLIA, "lapangan terbang dalam hutan" ataupun dengan izin, airport in the forest dan Putrajaya yang berfalsafah hubungan manusia dengan Tuhannya, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam sekeliling sungguhlah menarik. Dan ini saya rasa merupakan satu perancangan yang rapi dan tidak nampak ada gejala-gejala pemborosan dan pembaziran.

Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa tidak semua di Barat tidak elok dan tidak semua di Timur elok-elok belaka. Ia merupakan satu proses perubahan sosial ataupun social changed ke arah acuan kita sendiri. Kita memerlukan tarbiah ataupun education yang rapi, pembelajaran rapi, sosialisasi yang rapi dan proses ini perlu berpanjangan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, pembangunan sumber manusia telah muncul sebagai penentu utama bagi peruntukan-peruntukan ekonomi dan pertumbuhan-pertumbuhan ekonomi yang mampan dan seterusnya peningkatan kualiti hidup.

Kualiti sumber manusia bukan sahaja merujuk kepada tahap pendidikan, bukan sahaja merujuk kepada peningkatan teknologi dan bukan sahaja merujuk kepada kemahiran yang tinggi, tetapi juga yang paling penting, yang kita tekankan ialah nilai-nilai etika yang baik.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyatakan mengenai KL Linear City dan KL Linear City ini telah

pun diswastakan dan pihak swasta telah pun diberi untuk menjalankan kajian-kajian impak alam sekitar yang terperinci bagi projek-projek ini untuk pertimbangan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penal pengulas dianggotai oleh 12 orang terdiri daripada tiga orang pakar individu, 2 NGO dan 7 orang dari agensi kerajaan. Laporan EIA dipamerkan selama sebulan di antara 14hb. Mei hingga 14hb. Jun, 1996. Dalam tempoh tersebut sebanyak tujuh ulasan bertulis diterima setelah mengambil kira semua komen, penal pengulas telah meluluskan Laporan EIA dengan syarat-syarat pada 13hb. Julai, 1996.

Pertamanya, sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyatakan langkah-langkah mencegah banjir, langkah-langkah membersihkan dan meningkatkan kualiti air Sungai Kelang, pengurusan lalu lintas, keselamatan bangunan dan kestabilan cerun, tebing sungai dan pembinaan kawasan hijau di Linear Park.

Selain daripada itu, pakej yang lain mengenai Linear Park ini ialah PRT Fasa I dan PRT Fasal II iaitu apa yang dikatakan 'peoples mover rapid transport' dan ini juga merupakan satu pakej cadangan yang disampaikan kepada penggerak projek yang berkenaan dan diasingkan dari KL Linear City untuk menyegerakan proses tanpa menjejaskan kajian penilaian tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah pun menyarankan mengenai

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Walaupun Yang Berhormat cuba untuk menjawab dengan EIA dan sebagainya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di negara-negara lain ada juga Linear City seumpama ini. Adakah pihak pakar yang disebutkan tadi pernah mengkaji projek-projek yang pernah dilaksanakan di negara-negara lain dan adakah projek ini diroboh dan dikembalikan sungai-sungai itu kepada keadaan semula jadi? Ini sangat penting, Tuan Yang di-Pertua kerana Yang Berhormat pun tak tahu dan pakar-pakar yang kononnya pakar ini pun tak tahu, sama ada dalam tempoh satu generasi, dua generasi, dua puluh, tiga puluh, empat puluh tahun ataupun satu ratus tahun yang akan datang kita akan mengalami kesusahan ataupun malapetaka?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, daripada apa yang saya dapati di sini ialah mengatakan bahawa panel pakar telah merumuskan bahawa kesan impak tidak signifikan dengan langkah-langkah yang telah diambil.

Jadi, saya berharap nanti kalau misalnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong inginkan ulasan yang lebih lanjut dan terperinci, saya akan meminta jabatan atau kementerian yang berkenaan untuk memberi kepada Ahli Yang Berhormat.

Mengenai education ataupun pendidikan

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kepong hendak minta jalan lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Saya memang berminat dan saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat mengaturkan satu tarikh yang tertentu.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba. Terima kasih.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat tentang kekurangan guru-guru sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti, sekarang ini Kementerian Pendidikan sedang mengadakan langkah-langkah terutamanya untuk melaksanakan pengambilan guru pelatih dua kali setahun untuk kursus perguruan asas bagi perguruan sekolah-sekolah rendah, mengadakan program khusus dalam cuti mulai Februari 1996, meningkatkan bilangan guru pelatih bagi program-program Diploma Pengurusan Malaysia, mengadakan program berkembar antara maktab perguruan dengan universiti-universiti luar negara dan melantik guru-guru sandaran yang terlatih oleh jabatan pendidikan negeri. Dan diharapkan dengan adanya projek-projek ini dan program-program ini dapat kita mengatasi kekurangan guru di sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah.

Mengenai kekurangan prasarana seperti komputer di tempat-tempat yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Yang Ketujuh, penambahan kemudahan fizikal akan dilaksanakan di semua peringkat untuk menampung pertambahan enrolment dan mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih selesa.

Jadi, perkara ini akan kita ambil berdekit-dikit supaya dapat kita memberikan kepada sekolah-sekolah yang berkenaan secara beransur-ansur. Dan

apa yang diperkatakan oleh Kementerian Pendidikan dalam jawapan menteri yang berkenaan tempoh hari bahawa di sekolah-sekolah luar bandar juga akan diberi komputer yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan guru dan kualiti guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu untuk mengatasi kekurangan guru terlatih di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), kerajaan sentiasa mengadakan peruntukan kewangan yang mencukupi. Walau bagaimanapun, oleh kerana kebanyakan daripada guru ini kurang layak untuk menghadiri kursus asas bagi pengajian Tamil, apa yang sedang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan ialah untuk melanjutkan had umur 35 tahun untuk guru-guru sandaran yang sedang berkhidmat di sekolah Tamil bagi membolehkan mereka mengikuti latihan perguruan dan terus mengajar di sekolah-sekolah yang berkenaan.

Dan diharapkan nanti dengan adanya program-program sekolah bistari, dengan adanya program kualiti guru, dengan adanya program bilangan guru yang mencukupi dalam projek-projek dan program-program yang telah dikatakan tadi, insya-Allah, kita akan melaksanakan perancangan-perancangan yang sedia ada.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat. Kepong bangun lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang kalau langkah-langkah yang sedang diambil seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi boleh dilaksanakan dengan baik, kita dapat mengatasi setengah-setengah daripada masalah tersebut, tetapi

ini bukan kesalahan Ahli Yang Berhormat, cuma saya berharap Yang Berhormat boleh sampaikan kepada Kementerian Pendidikan kerana saya nampak, walaupun ada langkah-langkah yang baik juga tetapi ada langkah yang tidak mencukupi mengenai mutu pendidikan, mutu latihan ke atas guru-guru ini.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya masalahnya kalau satu kelas itu boleh menampung 20 guru pelatih dan kemudian kita masukkan di dalam kelas itu 40 ataupun 60 guru pelatih dan dengan pensyarah dan prasarana yang tidak mencukupi, macam mana kita boleh meningkatkan mutunya?

Itu mustahil, Tuan Yang di-Pertua, mustahil. Dan saya khuatir Menteri Pendidikan sekarang boleh menjadikan satu menteri yang mewujudkan kualiti pendidikan yang rendah di negara ini. Itu satu amaran yang saya beri di dalam Dewan yang mulia ini. Menteri Pendidikan sekarang akan menjadi satu pelopor untuk merendahkan mutu pendidikan di semua peringkat.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil maklum. Walau bagaimanapun, dari segi efektif dan praktikal, apa yang dibuat oleh kementerian adalah memanjangkan praktikal di sekolah yang berkenaan dan kalau boleh dan sesuai semasa praktikal pelatih-pelatih guru itu akan terus diresapkan sebagai guru berkhidmat dalam Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyatakan mengenai kebajikan pekerja asing yang berada di tempat kita dan mengikut Undang-undang Buruh bahawa sekiranya pekerja asing itu datang mengikut jalan yang sah dia tertakluk kepada undang-undang perburuhan yang ada.

Tetapi sekiranya mereka datang melalui pintu belakang atau pun secara illegal maka dia tidak masuk dalam golongan itu. Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengambil langkah-langkah, pertamanya untuk mewujudkan sistem pengawasan pemeriksaan kesihatan yang akan dikendalikan secara penswastaaan oleh kerajaan kepada pendatang-pendatang asing ini. Untuk memperkemas peruntukan undang-undang berhubung dengan pampasan pekerja bagi kemalangan yang melibatkan pekerja-pekerja asing.

Bagi mencadangkan mewajibkan perlindungan insuran bagi perkhidmatan kesihatan termasuk perkhidmatan hospital, apabila mereka cedera. Kerajaan juga bercadang mewajibkan majikan menyediakan kemudahan perumahan sebagai pra syarat untuk mengambil pekerja asing. Dan bagi yang telah sedia menggaji pekerja asing sebagai pra syarat untuk penyertaan pekerja-pekerja asing itu.

Dan juga kerajaan telah mewajibkan majikan mengadakan kursus orientasi kepada pekerja-pekerja mereka agar pekerja-pekerja asing ini dapat menyesuaikan diri dengan negara ini. Ini satu permasalahan yang besar, yang telah banyak dibangkitkan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, bahawa pekerja asing ini kerajaan telah pun menubuhkan jawatankuasa kabinet mengenai pekerja asing dalam tahun 1991 dan dipengerusikan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri. Dan adanya operasi-operasi "Nyah I", "Nyah II" yang telah dilancarkan dalam tahun 1992 menyekat kemasukan PTI (pendatang asing tanpa izin) dan menangkap PTI yang berada dalam negara.

Jadi, sepertimana yang diperkatakan semalam bahawa depot-depot Imigresen yang telah dibina dalam tahun 1992 tidak

dapat menampung lagi dan kita telah menggunakan berek-berek Polis Hutan untuk dijadikan depot-depot Imigresen. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, kerajaan memang telah mengadakan perbincangan dengan negara sumber iaitu seperti Indonesia, saya teringat semasa saya berkhidmat di Kementerian Sumber Manusia, yang Berhormat Datuk Lim Ah Lek telah beberapa kali berjumpa dengan Pak Latiff daripada Indonesia dan telah pun membincangkan bagaimana caranya supaya Kerajaan Malaysia dapat masukkan mereka ini dengan cara yang betul. Saya juga...

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Perkara ini dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini entahlah berapa kali. Ini bukan kesalahan Yang Berhormat, kerana ia bukan bidang Yang Berhormat juga. Cuma saya harap pihak yang bertanggungjawab dapat mengambil perhatian dengan lebih untuk mengatasi masalah ini.

Dari masa ke semasa dalam lebih 10 tahun ini, kita dengar pada mulanya pihak Kementerian Dalam Negeri sudah berhubung dengan pihak Indonesia misalnya, untuk menyelesaikan masalah ini. Dan perjanjian diadakan tetapi kemudian perjanjian ini tidaklah kerana pihak pendatang tanpa izin masih meresap masuk ke negara ini. Dan sehingga bila kita adakan satu peraturan yang tetap untuk membolehkan agensi-agensi yang membawa masuk pekerja-pekerja asing ke negara ini, agensi-agensi ini nampaknya tidak boleh fungsi dengan baik kerana itu peraturan yang ditetapkan tidak diikuti.

Dan kemudian ada pengumuman yang mengatakan bahawa, majikan-majikan boleh pergi ke kem-kem tahanan untuk

mengambil, untuk memilih pekerja-pekerja ini. Kalau inilah yang berlaku, agensi-agensi yang tertentu akan hilang, hapus sama sekali. Mereka tidak boleh berfungsi lagi. Inilah salah satu masalah yang timbul sekarang. Dan saya berharap, usaha untuk menyelesaikan masalah yang semakin hari semakin rumit ini, dapat diadakan kerana ini meningkat kepada lebih 3 juta pendatang dalam negara, yang penduduknya hanya 20 juta sahaja. Ini memang satu kerumitan yang perlu diselesaikan dengan berkesan.

Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh:

Apa yang telah berlaku sepertimana Yang Berhormat katakan bahawa agensi-agensi sekarang ini telah pun ditutup dan kita minta supaya majikan-majikan berkenaan memilih sendiri pekerja-pekerja mereka. Sealiran daripada itu Yang Berhormat, saya hendak menjawab perbincangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong.

Masalah kerajaan kehadiran pekerja-pekerja asing ini, kerajaan ini sebaik mungkin akan cuba menyiasat latar belakang setiap pemohon yang dikemukakan, bagi mendapatkan pekerja asing, tetapi oleh kerana kekurangan sumber tenaga kerja, kerajaan hanya melakukan penyiasatan bagi permohonan-permohonan yang mencurigakan sahaja. Apa yang berlaku ialah jawatankuasa berkenaan, kita ada Jabatan Tenaga Rakyat, kalau kita kira bahawa permohonan itu berlebihan akan pergi ke majikan berkenaan dan menyiasat sendiri berapakah pekerja-pekerja yang mereka mahu. Itu atas dasar secara rambang sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua adakah pihak kerajaan pernah mengadakan satu kajian yang comprehensive mengenai kedudukan

kekurangan tenaga kerja bagi struktur-struktur yang sekarang ini menjadi kritikal. Umpamanya di sektor perladangan, sektor pembangunan dan sebagainya. Supaya kajian yang comprehensive ini, hasil kajian ini akan dijadikan satu indikator kepada berapa ramaikah jumlah pekerja asing yang harus dibawa masuk ke dalam negara kita.

Kita tidak mahu satu laporan yang dilakukan secara ad-hoc dan laporan itu menghalalkan jumlah pendatang pekerja asing ini semakin ramai kerana kehadiran mereka juga menambahkan masalah lebih rumit dan besar di dalam negara kita.

Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh:

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas pandangan dari Yang Berhormat dari Parit Sulong, kerana apa yang kita lakukan daripada segi untuk mengetahui sejauh manakah kekurangan tenaga kerja, banyak permasalahan yang berlaku, pertamanya kalau dari segi perladangan agak senang, kerana kita tahu berapa kekurangannya dan kita boleh mengambil pekerja-pekerja asing, jika tidak ada pekerja-pekerja local. Untuk mengambil pekerja asing juga ada syarat-syaratnya bahawa majikan-majikan mestilah mengiklankan, bertanya dengan Ketua Kampung, membuat poster dan sebagainya. Setelah perkara ini semua tidak boleh dan tidak dapat barulah pekerja asing itu diminta daripada pihak kementerian.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat tahu, adakah perkara prinsip ini diamalkan? Saya tidak pernah mendapat tahu bahawa terbaca mana-mana syarikat perladangan mengiklankan pengambilan pekerja. Kalau syarikat elektronik adalah syarikat perladangan oleh kerana ia tinggal di hulu-hulu dan kawasan yang agak tercerok, maka mereka terlepas daripada perhatian kita.

Saya tidak tahu dan tidak pernah terdengar satu amalan di mana syarikat peladangan mengiklankan pengambilan pekerja menerusi balai-balai penghulu atau pun balai-balai wakil rakyat. Tidak langsung terdengar, jadi saya harap amalan prinsip atau pun regulation yang ada itu, kalau memang telah wujud harap diperketatkan supaya kita dapat mewujudkan satu senario kewujudan kekosongan tenaga pekerja yang real. Tidak yang artificial, tidak yang sengaja diwujudkan sebagaimana saya katakan tadi, semalam, untuk mengurangkan kos operasi sesuatu syarikat ladang.

Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Sepertimana yang saya katakan tadi syarat-syaratnya begitu, ia ada pengiklanan atau pun memberitahu Ketua Kampung atau pun memberitahu Penghulu dan sebagainya. Kemungkinan perkara-perkara ini terlepas pandang, tetapi apa yang kita akan lakukan, untuk memperketatkan syarat-syarat ini.

Yang keduanya yang diperkatakan oleh Yang Berhormat, saya katakan perkara ini memang betul terjadi apabila mereka masuk sahaja ke ladang-ladang dan mendapat tempat di ladang. Kadang-kadang kawan-kawan mereka dari bandar datang kunjung di ladang dan mengajak mereka lari dan bekerja di construction industry. Ini banyak berlaku dan perkara ini amat menyusahkan kerajaan kerana kedatangan mereka untuk satu sektor, tetapi selepas beberapa lama seperti Yang Berhormat katakan itu, mereka lari ke sektor yang lain.

Dan apabila mereka masuk secara sah, tetapi apabila mereka lari kepada sektor yang lain, mereka pada anggapan kerajaan adalah merupakan illegal atau pun pekerja tanpa izin. Kerana keizinan mereka adalah di satu sektor tetapi mereka lari ke sektor yang lain.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya masih lagi tidak puas hati mengenai pekerja asing ini Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini, saya tidak tahu, saya selalu beranggapan bahawa pihak kerajaan di dalam melaksanakan sesuatu dasar dan strategi mempunyai kebijaksanaan yang tersendiri. Bermakna pihak kerajaan mempunyai wisdomnya, dengan izin.

Tetapi saya ingin bertanya atas wisdom apakah maka sekarang ini pekerja-pekerja yang datang tanpa izin dikumpulkan dalam satu khemah, kita yang beri makan, selepas itu sesiapa yang hendakkan pekerja, kita ambil daripada khemah itu. Kualiti orang ini kita tidak tahu dan gaya hidupnya kita tidak tahu. Salasilah latar belakang kesihatannya pun kita tidak tahu. Dia datang secara haram, kita longgokkan di dalam satu khemah tahanan dan kita beri makan. Tidakkah langkah ini mewujudkan satu kesan gandaan yang meningkat bahawa mereka akan masuk? "Saya akan masuk secara haram. Kalau saya kena tangkap, orang beri makan dan I will be guaranteed of job".

Bermakna atas wisdom manakah maka perkara ini dilanjutkan ataupun pihak kerajaan mahu melihat dan mengkaji semula satu amalan di mana pekerja yang masuk tanpa izin ini kita tangkap, masuk ke dalam satu khemah dan kita beri makan, maka kita tolong carikan dia pekerjaan. Ini menyebabkan agensi-agensi pekerjaan yang menjalankan aktiviti membawa masuk pekerja secara sah untuk kita membantu kerajaan mengurangkan masalah, agensi-agensi pekerjaan ini langsung tidak ada kerja. Oleh kerana yang masuk secara haram, kerajaan beri tempat, maka majikan-majikan yang hendak mengambil mereka bekerja melalui khemah itu sendiri. Saya tidak nampak di mana rasional perkara ini berlaku dan bolehkah atau tidak perkara ini disiasat?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Seperti mana saya katakan tadi, kalau mereka ditangkap dan dimasukkan ke dalam khemah dan bila dimasukkan ke dalam khemah, kita kena beri makan dan harga makan tiap-tiap seorang, kalau tidak salah saya dahulu, RM3.90 dan ini juga dikutip dari levi yang dikenakan.

Apa yang kita buat, kalau misalnya majikan tidak mahu mengambil mereka oleh kerana latar belakang mereka dan sebagainya tidak sesuai dengan kerja-kerja yang hendak dilakukan, mereka ini akan dihantar pulang. Sekarang ini, apa yang dibuat oleh kerajaan ialah untuk menghantar mereka pulang seberapa segera yang boleh supaya tidak ada permasalahan yang berkenaan.

Baru-baru ini kerajaan juga telah membuat keputusan supaya pengambilan pekerja asing di negara-negara sumber dibekukan.

Tuan Jimmy Donald: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada Ahli yang bangun ya.

Tuan Jimmy Donald: Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Kita telah mendengar beberapa orang yang telah diberi permit untuk menghantar pekerja asing ini masuk ke Malaysia. Saya ingin meminta penjelasan sama ada orang yang diberi permit untuk menghantar orang ini pulang supaya kepulangan mereka juga teratur.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa ini adalah menjadi dasar kerajaan untuk menghantar mereka pulang, sama ada kerajaan menghantar ataupun kerajaan di mana mereka datang.

Jadi, ini dasarnya dan kita belum lagi membuat dasar supaya ada pula agen untuk menghantar mereka pulang kerana sekarang ini, sepertimana saya katakan tadi, agen untuk memasukkan mereka pun sudah ditutup melainkan boleh membuat pengambilan pekerja asing ini cuma di dalam sektor pembantu rumah dan pengambilan adalah dibenarkan diambil, kalau boleh dari depoh-depoh. Oleh itu, syor yang tadi itu tidak berbangkit.

Kerajaan dari masa ke semasa juga melancarkan operasi mengesan dan menangkap bagi memastikan tidak ada pendatang asing tanpa izin negara jiran yang dapat menyeludup masuk ke negara ini. Tetapi, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa oleh kerana pesisiran pantai kita terlampau besar, luas dan panjang, ini tidak dapat kita buat secara intensif. Walau bagaimanapun, baru-baru ini kerajaan telah pun meminta agar operasi ini dibuat oleh pihak polis dan tentera.

Dasar kerajaan tidak membenarkan anak-anak pendatang asing....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta maaf Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Semalam saya bertanya, pernah atau tidak kita, menerusi saluran-saluran diplomasi kita membicarakan secara terusterang dan ikhlas mengenai masalah pendatang haram atau pekerja yang masuk secara haram ke dalam negara kita dan adakah pernah kita menggunakan saluran-saluran diplomasi meminta negara asal pekerja-pekerja tersebut supaya turut mengawal pantai-pantai mereka?

Kami dapat tahu bahawa sebilangan besar buruh haram yang masuk ke negara ini memang memilih untuk keluar secara haram oleh kerana dasar-dasar imigresen di negara berkenaan tidak menggalakkan mereka keluar atau pun menjadikan mereka tidak mampu membayar cukai-cukai fiskal yang terlalu tinggi yang tidak condusive kepada warganegara itu untuk keluar mencari makan di tempat lain.

Bolehkah diperjelaskan oleh kerana dari segi foreign exchangenya, negara berkenaan menikmati foreign exchange, tetapi dasar imigresennya menyebabkan buruh masuk ataupun buruh keluar dari negara itu secara haram dan kemasukan secara haram ini menyebabkan masalah yang kian berganda dan escalating dalam negara kita. Adakah perkara ini pernah disuarakan secara ikhlas dan jujur kepada mereka?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi, saya juga telah mengalami proses perjumpaan dengan pegawai-pegawai dari Indonesia. Kita telah bersidang dan kita telah mengatakan kepada mereka secara tulus ikhlas. Selain daripada itu, pada tahun 1995, kerajaan telah mengadakan mekanisme pengambilan pekerja asing atas asas hubungan antara kerajaan (Government-to-Government basis).

Terdahulu perkara ini telah pun dibincangkan dalam pelbagai forum rasmi seperti Mesyuarat Suruhanjaya Bersama, Mesyuarat Kerjasama Sempadan dan lain-lain forum seperti lawatan di peringkat menteri dan juga di peringkat pegawai. Kesemua kerajaan negara sumber telah menunjukkan kesediaan mereka bekerjasama menyekat kedatangan rakyat mereka ke negara ini secara bercanggah dengan peruntukan undang-undang. Ini telah pun diberikan kepastian dan kita melihat sama ada kepastian itu dapat dilaksanakan atau tidak.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Walau bagaimanapun, seperti mana yang telah diberitakan dan dilaporkan di akhbar-akhbar, pada dasarnya Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri bersetuju supaya Akta Imigresen 1959 dan 1963 dipinda dengan mengenakan hukuman yang lebih berat termasuk hukuman rotan bagi kesalahan-kesalahan berhubung kehadiran pendatang asing. Hukuman-hukuman tersebut, seperti kalau menggaji pekerja asing tanpa izin, denda RM10,000 bagi setiap pekerja yang digaji dan bagi kes penggajian lebih daripada 5 orang pekerja asing, ditambah dengan penjara mandatori tidak kurang dari 6 bulan dan tidak lebih dari 5 tahun.

Pegawai-pegawai syarikat juga tertakluk kepada hukuman-hukuman di atas.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya faham. Sekarang ini nampaknya the recipient country yang terpaksa mengambil langkah-langkah. Sepatutnya negara yang asal itu juga didesak untuk mengambil langkah-langkah supaya memperketatkan, rakyatnya hendak datang ke sini kita tidak bising pun, tetapi datang secara tidak haram. Itu yang kita minta.

Adakah kita tidak mempunyai satu saluran ataupun pelbagai saluran—multilateral atau bilateral supaya mereka juga memperketatkan undang-undang yang relevan dengan departure pekerja-pekerja mereka ke luar negara. Masalah ini kalau tidak ditangani, negara Malaysia yang berhadapan dengan masalah setiap kali. Kita pinda undang-undang kita oleh

kerana orang masuk secara asing, sedangkan kita tahu orang itu datang dari negara asalnya. Tidakkah boleh digunakan dan dicari satu jalan ataupun inisiatif kita desak negara asal itu mengubah undang-undangnya supaya dia tidak keluar dari negaranya secara haram.

Ini dia masuk ke negara kita, kita sedar. Tetapi masalahnya, orang yang masuk itu tidak disekat. The wave itu - gelombang kemasukan ke negara kita tidak disekat daripada puncunya. Adakah kita harus berdiam diri? Masalah ini telah berlaku berpuluh tahun. Sekarang ini hari demi hari sudah menjadi masalah politik pula, menjadi masalah sosio-ekonomi kepada kita sedangkan hajat kita adalah untuk memenuhi kekurangan sumber manusia. Tetapi hajat kita memenuhi kekurangan sumber manusia mewujudkan fenomena socio-political economy yang baru kepada kita.

Adakah kita sahaja 'is a one way', satu tindakan sehala ataupun kita tidak memulakan tindakan dua hala dalam hal ini? Saya minta sikap 'little brother' dan 'big brother' dengan Indonesia ini kita kikis. Saya minta pihak kerajaan, saya tahu setiap tahun ada joint border agreement, joint security agreement, joint security meeting pun ada, tetapi saya minta perkara ini salurkan kepada mereka dengan jelas dan dengan satu desakan yang menunjukkan urgency bagaimana masalah pekerja asing ini menimbulkan masalah yang meningkat dalam negara kita. Jangan recipient country sahaja yang bertindak. Kita minta negara 'at source' itu juga bertindak. Sebab itu semalam saya tanyakan tidakkah kita boleh menggunakan joint security meeting setiap tahun untuk meminta Angkatan Bersenjata Indonesia memperketatkan pantainya? Kita tahu the eastern coast Sumatra itulah pengkalan keluarnya. Adakah pihak ABRI membutuhkan mata terhadap perkara ini? Mengapakah kita sahaja yang bertindak?

Kita limited resources, tentera kita kecil dengan kita hendak menampung gelombang dia masuk, kita belanja berpuluh juta ringgit negara kita.

Kalau kita mengatakan kekurangan enforcement, kita akan bertanya bila pihak tentera akan dilengkapi dengan kapal-kapal peronda? Kalau kita mengatakan kurang personal mengawal pantai, kita akan bertanya berapa ramai lagi tentera dan polis akan diambil bekerja untuk mengawal pantai? Ini bermakna 'bottom line'nya pertambahan belanjawan (budget) kita. Mengapa tidak dikatakan kepada mereka, 'awak kawallah pantai awak, tolong sama-sama, dua hala mendapat manfaat'. Ini tidak, kita belanja duit, bocor daripada peruntukan kita, wang kita dibawa balik sebagai foreign exchange, memperkayakan negara dia.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita harus melihat dan mencari satu justice dalam hal ini sebelum perkara ini menjadi masalah yang lebih kritikal kepada kita. Semalam saya telah pun meramalkan bagaimana corak politik generasi penderang kelak? Di manakah sandaran politik mereka? Di manakah kecenderungan politik mereka? Perkara ini sudah mula kita persoalkan sekarang oleh kerana sekarang saya hendak tahu berapa ramai daripada orang-orang ini telah menjadi warganegara dalam negara kita dan bagaimanakah corak dan paten politik mereka kepada kita? Adakah mereka boleh membantu kelangsungan kerajaan yang ada hari ini ataupun mereka pada satu hari nanti akan mencorakkan satu politik yang boleh menggoncangkan kekuasaan kerajaan hari ini? Saya minta perkara-perkara ini diambil kira di dalam kita menggubal dasar sumber manusia dan mengizinkan orang-orang luar ini masuk ke negara kita. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Melaka bangun. Nanti sekejap, beri dia jawab yang itu dahulu ya.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi dalam semangat kekeluargaan dan semangat Asean, saya rasakan bahawa beberapa forum rasmi seperti Mesyuarat Suruhanjaya Bersama, Mesyuarat Kerjasama Sempadan dan lain-lain forum, perkara ini dibangkitkan. Kita telah pun mendapat ketentuan dan kepastian bahawa kerajaan-kerajaan yang berkenaan daripada sumber tenaga manusia yang datang itu telah memberikan kata-katanya. Jadi, kalau kita hendak pergi lagi dan bertanya lagi dan sebagainya, saya rasakan itu terpulanglah, kita akan cuba melihat supaya agenda-agenda suruhanjaya sempadan dan sebagainya akan membincangkan ini sebagai satu permanent agenda.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, pada topik yang sama, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang pendirian Malaysia mengenai Timor-Timur memandangkan Hadiah Nobel telah diberikan kepada pejuang pembebasan Timor-Timur. Adakah pihak kerajaan akan pujuk negara Indonesia untuk menerima usul Bangsa-Bangsa Bersatu bahawa ada satu pungutan suara di Timor-Timur untuk menentukan nasib rakyat di situ? Terima kasih.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya tak mahu menjawab soalan itu kerana kita sedang membincangkan masalah kemasukan warga asing ke negara kita.

Sepertimana yang saya katakan tadi bahawa di dalam hal ini pemalsuan endosmen dan lain-lain dokumen imigresen yang kita dapati nanti, kita akan denda tidak kurang RM30,000 tetapi tidak melebihi RM100,000 dan penjara

tidak kurang 5 tahun tetapi tidak lebih 10 tahun dan hukuman sebat tidak melebihi 6 rotan. Sindiket membawa masuk Pendatang Tanpa Izin (PTI) didenda tidak kurang RM30,000 dan penjara tidak kurang 2 tahun. Kita rasakan dengan adanya pindaan-pindaan yang akan dibuat kepada Akta Imigresen 1993 ini, perkara-perkara ini serba-sedikit akan dapat diselesaikan.

Yang Berhormat dari Parit Sulong juga telah membangkitkan isu HIV dan ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian dan ia mengatakan bahawa orang-orang Melayu menampakkan golongan yang terbesar dilaporkan dengan jangkitan HIV iaitu seramai 70.2%. Adalah juga benar sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong bahawa selain daripada hubungan seks rambang dan 70% adalah mangsa HIV AIDS yang terdiri daripada penagih dadah yang bertukar-tukar dan berkongsi jarum untuk menyuntik dadah di badan mereka dan mereka ini kebanyakannya di pusat serenti. Lantaran itu kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Masalah Sosial yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri untuk meneliti permasalahan-permasalahan sosial yang merangkumi penganiayaan kanak-kanak, masalah yang berkaitan dengan isu-isu remaja seperti kehamilan remaja, fenomena lari dari rumah, masalah bohsia, bohjan, masalah pelacuran dan masalah penagihan dadah seperti juga yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Beberapa syor dan langkah-langkah baru telah dicadangkan dan akan diambil tindakan oleh kementerian dan agensi-agensinya yang berkenaan.

Gejala penagih dadah jenis Ecstasy di kalangan muda-mudi mengunjungi disko-disko yang telah diperkatakan oleh Yang

Berhormat dari Parit Sulong. Kerajaan telah pun mengambil tindakan sewajarnya dalam usaha menangani masalah tersebut dan pemeriksaan yang kerap dilakukan oleh polis ke atas pengunjung-pengunjung pusat hiburan hanya mengesan sebilangan kecil sahaja mengambil pil tersebut. Dari penagih-penagih yang ditangkap dari masa ke semasa didapati mereka tidak mampu dan tidak gemar menggunakan pil tersebut. Penyalahgunaan dadah tersebut tertumpu sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong iaitu kepada golongan muda dan golongan yang berada.

Beberapa langkah telah pun diambil oleh pihak polis dan kastam seperti membuat pemeriksaan yang lebih rapi ke atas orang-orang tertentu yang masuk ke negara ini, selain daripada mengambil tindakan di bawah seksyen 39 akta yang berkenaan.

Program Khidmat Sosial Negara yang diajukan oleh kerajaan buat masa ini ialah untuk memperkuat lagi mental, spiritual dan physical golongan lepasan sekolah menengah dan lingkungan umur daripada 18 hingga 25 tahun. Penekanan program ini adalah ke arah khidmat kepada masyarakat secara sukarela seperti projek-projek gotong-royong dan lain-lain perkhidmatan masyarakat. Dan objektif-objektifnya ialah untuk memupuk semangat kesukarelaan dan berbagai-bagai lagi. Tumpuannya ialah kepada kaunseling, kerohanian, kepimpinan, moral, penyertaan komuniti, jati diri, ketatanegaraan, kesedaran kesihatan, kemahiran dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan kerana kita telah melangkaui masa daripada satu hari untuk membahaskannya.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Satu lagi ialah mengenai cadangan daripada Yang Berhormat Kepong supaya ditambah 12 orang pegawai yang mahir dalam pelbagai bidang bahasa dihantar ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk membantu wakil masyarakat kita. Buat masa ini terdapat enam bahasa rasmi di PBB iaitu Arab, China, Inggeris, Rusia, Sepanyol dan Perancis. Bahasa Inggeris dan Perancis digunakan sebagai 'working language'. Semua pegawai Malaysia di PBB berkebolehan berbahasa Inggeris, oleh itu pegawai-pegawai yang sedia ada tiada masalah dalam menjalankan tugas mereka. Selain daripada berbahasa Inggeris, Wakil Tetap Malaysia berkebolehan berbahasa Perancis. Setakat ini seramai 13 orang pegawai-pegawai diplomatik bertugas dengan Wakil Tetap. Semasa persidangan, semua 13 orang pegawai hadir. Pihak Kementerian Luar Negeri sedang meneliti keperluan menambah bilangan pegawai di PBB bagi membantu Wakil Tetap Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas perbahasan yang telah diadakan. Kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang tidak dapat saya menjawab, saya akan meneliti dan akan memasukkannya dalam dasar-dasar kementerian. Terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu cadangan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN (1996)
(NO. 2) 1996**

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMB.) (BIL. 3) 1996**

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion dua ratus empat juta, tiga ratus enam puluh satu ribu, lapan ratus empat (RM1,204,361,804) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion dua ratus empat juta, tiga ratus enam puluh satu ribu, lapan ratus empat (RM1,204,361,804) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM1,571,984,155 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1996 bagi Maksud-maksud Bekalan B.1, B.6, B.7, B.9, B.10, B.11, B.15, B.16, B.18, B.19, B.23, B.24, B.26, B.28 hingga B.37, B.39, B.40, B.42, B.46 hingga B.48, B.51 dan B.53 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan dijadikan Jadual.

Wang sejumlah tidak lebih daripada RM1,204,361,804 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil. 3) 1996 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.16, P.18, P.24, P.28, P.40, P.44, dan P.46 hingga P.52 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23, Tahun 1996 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 1996 dan juga Anggaran-anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1996 kelmarin. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22A Tahun 1996 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1996 dan Kertas Perintah 23A Tahun 1996 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1996. Oleh itu, saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal): Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Maksud B.1, B.6, B.7, B.9, B.10 dan B.11 (Jadual)—

Maksud P.7 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1996)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.1, B.6, B.7, B.9, B.10 dan B.11 dan Kepala Pembangunan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Tanjong.

5.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Pengerusi, saya mahu sebut yang pertama mengenai Peguam Negara.

Tuan Pengerusi, pada 15hb Mac tahun ini, Peguam Negara memberikan ucapan "Ides of March"nya dan memeranjatkan seluruh negara dengan pembongkaran beliau mengenai surat layang 33 muka surat yang melakukan 112 tuduhan terhadap 12 orang hakim kerana terlibat dengan kelakuan rasuah, salah guna kuasa dan salah laku. Peguam Negara telah menghuraikan isu ini sebagai sesuatu yang mengandungi 'elemen khianat' yang dilakukan oleh orang yang ingin 'merosakkan integriti kehakiman dan pengurusan keadilan' melalui 'tuduhan-tuduhan yang keji, insidius, licik dan cabul' dan beliau telah mengarahkan pihak polis supaya melakukan penyiasatan untuk mengesan 'conspirators' terlibat untuk membawa mereka ke muka pengadilan.

Empat bulan lepas selepas itu, Peguam Negara sekali lagi memeranjatkan seluruh negara dengan pengisytiharannya bahawa tiada apa-apa masalah pada kehakiman.

bahawa penulis surat layang setebal 33 muka surat berkenaan telah dikesan, bahawa ia adalah kerja seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang telah mengaku tindakannya serta telah meletak jawatan dari tugas hakim dan bahawa oleh sebab itu beliau tidak akan membawa orang berkenaan ke mahkamah dan tidak ada sebarang tindakan lanjut yang akan diambil terhadap orang ini, kerana perletakan jawatan seorang Hakim Mahkamah Tinggi sudah merupakan hukuman yang cukup berat baginya.

Adalah sungguh malang sekali bahawa Peguam Negara gagal melaksanakan tugas perlembagaannya untuk menjawab dan akuan kepada Parlimen apabila isu surat layang 33 muka surat ini dibahaskan di Parlimen pada bulan Julai, di mana beliau gagal memberikan sebarang alasan yang wajar ataupun memuaskan terhadap lapan persoalan yang telah saya ajukan yang mencabar tindakan beliau menggunakan budi bicara pendakwaannya (prosecutorial discretion) untuk tidak mendakwa Hakim Mahkamah Tinggi berkenaan iaitu Datuk Syed Ahmad Idid Syed Abdullah Idid—khususnya memandangkan surat layang 33 muka surat berkenaan telah membuat 112 tuduhan spesifik mengenai rasuah, salah guna kuasa dan salah laku 12 hakim yang setentunya merupakan kesalahan paling serius di bawah Akta Hasutan yang pernah dilakukan oleh sesiapa pun di Malaysia sejak negara merdeka selama empat dekad ini.

Hasil dari cara Peguam Negara mengendalikannya isu surat layang 33 muka surat ini, keyakinan orang ramai terhadap integriti dan kesaksamaan badan kehakiman telah terjunam ke titik yang paling rendah sekali.

Ini tentunyalah merupakan sebab mengapa dalam surat wawancara *Far Eastern Economic Review* dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-

baru ini, persoalan keyakinan orang ramai terhadap integriti dan impartiality Badan Kehakiman merupakan isu berbangkit yang begitu ketara sekali.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ditanya mengenai pandangan umum dunia perniagaan tempatan dan asing yang menganggap 'bahawa mereka tidak akan dilayan dengan adil sekiranya mereka menghadapi firma-firma tempatan yang mempunyai perhubungan politik yang kuat' dan mereka merasa bahawa 'mahkamah amat tidak adil'.

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menafikan kewujudan asas bagi persepsi peniaga-peniaga tempatan dan asing ini, hakikatnya persepsi sebegini tersebar luas harus dipandang berat oleh Parlimen dan negara pada keseluruhannya.

Kini, Peguam Negara sekali lagi melibatkan diri dalam satu insiden krisis keyakinan apabila beliau mengeluarkan ucapan yang menggemparkan yang menyerang Majlis Peguam dan Malaysian Bar semasa berucap di Jamuan Makan Malam Tahunan Medico-Legal Society of Malaysia di Kuala Lumpur pada 19hb. Julai, 1996, di mana beliau telah menggunakan bahasa yang sungguh memperkecil-kecilkan dan menghina Majlis Peguam. Beliau berkata, dengan izin, I quote:

"I have in my previous meetings with the President and leaders of the Bar Council stated that if the Bar Council does not take medication to cure itself, then it may have to undergo surgery to cure itself of its malignant illness.

'They have not listened to my advice.... may be surgery is now imminent or inevitable. My chamber is presently preparing a paper with recommendations to the government

to reform the legal profession, and hopefully with proper medication, a few minor surgeries, implantations and transplantations here and there, the legal body will be cured of its many ills and live a long and healthy life, contributing to the well-being of our nation."

Tuan Pengerusi, Peguam Negara sudah pasti telah mencipta satu rekod tersendiri sebagai seorang Peguam Negara dengan menggunakan bahasa yang paling pedas dan keji terhadap Majlis Peguam dan Malaysian Bar yang membuktikan keseriusan hubungan saling bermusuhan atau 'bad blood' di antara Peguam Negara dan Bar Council. Seakan-akan Peguam Negara telah terlupa bahawa Majlis Peguam mempunyai tugas berkanun, statutory duty, mengikut Legal Profession Act, seksyen 42(1)(a) yang berbunyi dengan izin, "to uphold the cause of justice without regard to its own interests or that of its members influenced by fear of favour."

Peguam Negara harus mendedahkan, menjelaskan kepada Dewan ini apa yang dimaksudkan apabila beliau membangkitkan isu reformasi profession perundangan terutamanya sekali mengenai apa yang dikatakan dengan perubahan yang sewajar beberapa pembedahan kecil, implantations and transplantations di sana-sini badan perundangan akan disembuhkan dari masalah kesakitannya. Apakah yang dimaksudkan dengan surgeries, implantations dan transplantations? Adakah ia bermaksud satu pemindahan ke atas Legal Profession Act untuk menggugurkan seksyen 42(1)(a) untuk merampas tugas berkanun Majlis Peguam mendukung perjuangan keadilan tanpa mengira kepentingan diri ataupun kepentingan ahli-ahlinya dan tanpa dipengaruhi dan oleh ketakutan ataupun pilih kasih? Adakah Peguam Negara hendak melihat Majlis Peguam hanya merupakan satu badan yang berminat dalam soal bagaimana membantu para

peguam mendapat pulangan untung yang paling banyak, langsung tidak mengendahkan soal kesedaran sosial ataupun mengambil berat tentang urusan keadilan ataupun bagaimana undang-undang yang dicadangkan akan memberi kesan buruk kepada hak-hak rakyat dan lain-lain isu kepentingan orang ramai?

Dengan kata-kata lain, adakah Peguam Negara telah muncul sebagai pembangkang paling ketara, "chief opponent" dalam konsep kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat madani? Memandangkan beliau bercadang untuk meminda Legal Profession Act dengan surgeries, implantations dan transplantations yang sudah tentunya bermaksud akan merosakkan pembangunan sebuah masyarakat madani yang kuat. Mengenai surgeries, implantations dan transplantations adakah cadangan-cadangan Peguam Negara termasuk juga satu penyusunan semula Bar Council dan Malaysian Bar di mana Peguam Negara ataupun nominee-nya dapat menjadi ketua Bar Council dan menimbun atau stack Majlis Peguam dengan DPPs dan peguam-peguam kerajaan supaya Majlis Peguam hanya merupakan "echo" baru suara Peguam Negara?

Kita mahu Peguam Negara menjelaskan kepada Parlimen rasional di belakang ucapan beliau di Medico-Legal Society dan cadangan untuk surgeries, implantations dan transplantations serta tindakannya membangkang pembangunan sebuah masyarakat madani di Malaysia. Malang sekali, Peguam Negara tidak dapat hadir dan menjawab di Parlimen untuk dirinya sendiri, dan ini sungguh tidak memuaskan. Di dalam perbahasan kita ini sebagai contoh, sebarang jawapan kononnya dari Peguam Negara akan disampaikan melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di hadapan. Saya mengakui dan memuji Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

sebagai salah seorang front bencher kerajaan yang sangat conscientious dan ramai menteri harus belajar dari beliau tentang cara melaksanakan tugas Parlimen mereka. Tetapi dari pengalaman yang lampau kita juga tahu bahawa apabila beliau menjawab kepada soal-soal yang dibangkitkan di Dewan ini yang berhubung-kait dengan keputusan dan tindakan Peguam Negara, beliau adalah menjawab bagi dirinya sendiri, dan bukannya bagi pihak Peguam Negara.

Saya mengesyaki sama ada dapat berhubung dengan Peguam Negara secara terus untuk mendapatkan reaksinya terhadap kritikan-kritikan yang dilemparkan terhadap Peguam Negara ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang terpaksa mencipta "invent" jawapan-jawapan tersendiri. Inilah mengapa sesetengah masa Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan jawapan mengenai alasan bagi Peguam Negara yang jelas berbeza dari apa yang diberikan oleh Peguam Negara sendiri. Kita mahu Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Parlimen apakah alasan yang rasional di belakang beberapa keputusan dan tindakan Peguam Negara ini, bukan lakukannya apa yang difikirkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri yang merupakan alasan dan rasional untuk keputusan dan tindakan Peguam Negara? Apa sebenarnya sebab Peguam Negara, bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri fikir sebagai sebabnya?

Itulah bukan accountability kepada Parlimen. Itulah fiction, parliamentary fiction. Kita mahu parliamentary accountability. Keadaan seperti ini sungguhpun tidak memuaskan dan merupakan ejekan mockery ke atas prinsip accountability Peguam Negara terhadap Parlimen dan tidak harus dibiarkan berterusan lagi. Inilah sebabnya mengapa DAP telah mencadangkan supaya Peguam Negara dilantik sebagai ahli kabinet supaya

beliau dapat terus menjawab kepada Parlimen dan mempertahankan keputusan dan tindakannya sendiri secara langsung, dan tidak perlu seorang Timbalan Menteri untuk meneka sebab sebenar bagi keputusan dan tindakan Peguam Negara ini.

Perlantikan Peguam Negara supaya menjadi seorang menteri serta ahli Parlimen dapat dilakukan dengan mudah sekali, iaitu melalui perlantikan beliau sebagai senator dan beliau dapat datang ke Dewan yang mulia ini untuk menjawab keputusan-keputusan dan tindakan-tindakannya yang penuh dengan kontroversi. Keadaan kini yang tidak memuaskan di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak dapat jawab bagi pihak Peguam Negara, tetapi hanya meneka fikirannya ini telah dipertunjukkan hari semalam apabila beliau menjawab pertanyaan saya pada masa soal-jawab dan telah menafikan bahawa wujudnya sebarang konflik ataupun 'bad blood' di antara Peguam Negara dan Majlis Peguam.

Pada hakikatnya perasaan bad blood di antara Peguam Negara dan Bar Council telah menjadi semakin serius. Apabila Presiden Bar Council, Hendon Mohamed menulis kepada Peguam Negara untuk melahirkan perasaan terperanjatnya terhadap tuduhan yang dilakukan oleh Peguam Negara di dalam ucapan Medico-Legal Society serta melahirkan rasa bingung dengan cadangan Peguam Negara untuk meminda Legal Profession Act yang tidak pernah dibangkitkan dalam perjumpaan di antara Peguam Negara, Solicitor-General, Presiden dan Timbalan Presiden Bar Council di kamar Peguam Negara dua minggu sebelum itu ialah pada 2hb. Julai, 1996. Peguam Negara telah melakukan suatu yang tidak pernah berlaku dahulu dengan memulangkan....

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya habiskan perenggan ini dahulu, saya beri jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat mintalah cepatkan sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya cepatkan.

Tuan Pengerusi: Kita tidak ada masa.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu, itu sangat mustahak, sebab itu saya tak mahu beri jalan. (*Ketawa*) Peguam Negara telah melakukan suatu yang tidak pernah berlaku dahulu dengan memulangkan, kembalikan surat Hendon bersama dengan satu nota, diambil catatan dan dipulangkan kepada pengirim, hantar balik surat kepada pengirim. Dengan perkara seperti ini nampaknya perhubungan di antara Peguam Negara dan Majlis Peguam ini sudah mengarahkan satu tahap yang sangat serius, point of no return nampaknya. Parlimen mestilah memandangkan berat tentang perasaan bad blood di antara Peguam Negara dan Majlis Peguam dan mengarahkan kedua-dua pihak membaiki perhubungan sesama, mend fences mereka supaya dapat bekerjasama untuk menegakkan prinsip benteng kebebasan kehakiman, kedaulatan undang-undang dan kebebasan bidang peguam Malaysia.

Baru-baru ini politik wang—saya mahu sebut mengenai ACA. Baru-baru ini politik wang dan rasuah telah menjadi topik utama, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah memulakan pengutukan ke atas gejala ini dalam ucapan perasmian sebagai Presiden UMNOnya, memberikan amaran bahawa politik wang di dalam UMNO akan menyebabkan keruntuhan parti, bangsa dan negara.

Di sini saya tidak berhajat untuk menyentuh politik wang dan rasuah yang berlaku.

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada masa. Tuan Pengerusi sudah kata—tidak ada masa, boleh berucap nanti.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ada Peguam dan Peguam dan Peguam—there are lawyer and lawyers. Di sini saya tidak berhajat untuk menyentuh politik wang dan rasuah yang berlaku di dalam UMNO tetapi saya ingin melahirkan rasa kecewa yang sama-sama dirasakan oleh rakyat seluruh negara bahawa pembentukan politik wang dan rasuah di peringkat tinggi yang terbaru ini tidak disertakan dengan hajat politik (*political will*) untuk mengumumkan perang di seluruh negara ke atas gejala rasuah yang telah menjadi masalah serius sebagaimana yang digambarkan oleh perletakan di atas indeks rasuah antarabangsa Transparency International untuk dua tahun kebelakangan ini.

Saya menyokong sepenuhnya kenyataan bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 merangkap bekas Menteri Penerangan, Datuk Rais Yatim yang kini telah pulang ke pangkuan UMNO, yang dipetik oleh *Far Eastern Economic Review* baru-baru ini yang menyiarkan wawancara eksklusif dengan Perdana Menteri dengan berkata "*The best way is to allow the Anti Corruption Agency full freedom. Some heads must roll. You must prove to the world you mean business.*" Malang sekali, sama ada kerajaan Malaysia mahupun BPR telah gagal meyakinkan rakyat Malaysia ataupun dunia luar bahawa

mereka memang ikhlas dan serius dalam usaha memerangi rasuah, terutama sekali dalam isu memerangi politik wang dan rasuah di tempat-tempat politik yang tinggi.

Pada hakikatnya, BPR juga tidak dapat mengendalikan masalah rasuah atau salah laku di peringkat bawahan dengan berkesan atau efisien. Saya akan berikan satu contoh. Dua bulan yang lepas dilaporkan bahawa satu laporan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Lembaga Audit Tenaga Nasional Bhd. telah menyoal tentang salah guna kuasa dan salah pengurusan yang berlaku dalam pemberian kontrak pembalakan bawah air di Empangan Temenggor, Perak yang membenarkan Affcom Sdn. Bhd. membalak lebih kurang 8,000 hektar balak yang terlindung di bawah empangan tersebut yang bernilai kira-kira RM300 juta, sungguhpun pada masa kontrak ini ditawarkan, syarikat berkenaan masih belum didaftarkan lagi.

Seterusnya, di satu laporan akhbar tempatan pada 2 September 1996, dilaporkan bahawa BPR telah menamatkan penyiasatan ke atas tender Tenaga Nasional untuk pembalakan bawah air di Empangan Temenggor ini dan akan mencadangkan supaya kontrak berkenaan dibatalkan dan dimulakan satu proses tender yang baru. Bagaimanapun, selepas hampir dua bulan berlaku, sejak laporan berkenaan disiarkan, BPR belum lagi secara rasminya menyampaikan hasil siasatan ataupun cadangannya ini kepada Tenaga Nasional untuk membolehkan pihak pengurusan Tenaga Nasional mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas perkara ini. Soal yang perlu ditanya di sini adalah sama ada BPR benar-benar mean business?

Di samping itu, sekiranya BPR memang serius melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dalam memerangi rasuah dan politik wang, maka ia haruslah

menubuhkan pasukan petugas khas untuk menyiasat politik wang dan rasuah yang berlaku di dalam pilihan raya umum Sarawak baru-baru ini. Selepas pilihan raya umum Sarawak pada 8hb. September, di mana DAP telah mendapat kejayaan bersejarah dengan memenangi 3 kerusi Dewan Undangan Negeri, kita telah melihat satu keadaan yang sungguh ganjil di mana para pemimpin-pemimpin SUPP mengutuk 'politik wang'—bagaikan selama dua dekad ini mereka tidak pernah menyedari bahawa politik wang adalah merupakan penyakit di dalam politik Sarawak—malah mereka berani berkata bahawa sebab utama DAP mengalahkan Presiden dan Timbalan Menteri (Presiden SUPP) dan Timbalan Menteri Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Wong Soon Kai adalah kerana wujudnya politik wang. Adanya orang yang mendakwa bahawa DAP telah membayar RM1,000 untuk setiap orang pengundi demi mengalahkan Wong Soon Kai.

Ini tentulah merupakan tuduhan yang paling karut (preposterous) di dalam sejarah politik Sarawak dan Malaysia, kerana sekiranya DAP membayar RM1,000 untuk mendapatkan setiap undi demi memastikan calon kita di Bukit Assek, Wong Ho Leng dapat mengalahkan Wong Soon Kai, maka DAP akan membelanjakan sekurang-kurangnya RM5.85 juta untuk mendapatkan 5,856 undi yang dimenangi oleh Ho Leng. Saya berani berkata bahawa DAP merupakan parti yang paling bersih di pilihan raya umum Sarawak. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mengikut undang-undang pilihan raya, seorang calon pilihan raya Dewan Undangan Negeri tidak dibenarkan membelanjakan lebih dari RM30,000 untuk kempen pilihan

raya. Saya berani berkata bahawa tidak seorang pun calon DAP yang telah membelanja melebihi had belanja pilihan raya ini, tetapi sebaliknya.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap panjang sudah itu. Kita di dalam Jawatankuasa.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, iaitu politik wang - ACA, iaitu peranan ACA.

Tuan Pengerusi: Kita di dalam Jawatankuasa. Kita terpaksa kena habiskan pada malam esok.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, betul. Tetapi tanggungjawab kita pun tidak boleh.....

Tuan Pengerusi: Saya beri Yang Berhormat dua minit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Dua minit lagi! Ya. Bermakna kita boleh membenarkan tugas kita dihadkan oleh kerana kekurangan masa. Ini bukan wang yang kecil. Politik wang mustahak. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri—peranan sangat betul, kita mahu menunjukkan bahawa kita pun serius dalam politik wang.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan—dua minit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berani kata, bahawa sebab itu ACA perlu mengadakan satu pasukan petugas untuk siasat mengenai politik wang. Sama ada, ada politik wang? Kenapa pada hari penamaan ada 19 orang menjadi Ahli Dewan tanpa contestant—sama ada wang digunakan oleh kerana ada laporan bahawa RM1 juta ada digunakan dan dibayar kepada seseorang supaya dia tidak bertanding dan kita tahu ada orang yang menawarkan wang supaya calon-calon menarik diri

keluar dari kempen—satu contohnya ialah sekarang Ahli Dewan Undangan Negeri Kidurong iaitu Wong Sing Ai—dia ada ditawarkan RM220,000 supaya dia tarik diri keluar apabila Ketua Menteri Sarawak melawat Bintulu dan dia menang - 22 undi. Siapa yang tawarkan—tentu broker-broker.

Tuan Peter Chin Fah Kui: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, tidak ada masa. Broker-broker—bukan orang daripada SUPPLah, saya bukan sebut orang itu daripada SUPP, jangan sensitif, sungguhpun orang-orang SUPP fikir itu orang SUPP—Ting Ling Kiew—bekas Ahli Parlimen Bintulu di sini, dahulu Treasury General Senate dan satu masa calon untuk PBDS—untuk Kidurong—1990—tetapi kalah. Itulah, saya harap semua ini disiasat supaya kita mahu serius dalam politik wang, bukan sahaja dalam UMNO tetapi dalam gelanggang politik nasional.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah. Ya.

5.58 ptg.

Dato' Hon Choon Kim (Seremban): Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, berucap 10 minit sahaja, kalau tidak kita tidak habis—malam besok pun kita tidak dapat habiskan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, saya tidak macam kawan yang baru duduk itu, menang 3 kerusi sudah cakap setengah jam, kalau menang 4 kerusi—1 jam. Tetapi masa untuk bercakap itu semua puji diri sendiri—tidak ada makna.

Tuan Pengerusi, saya cuma hendak sentuh sedikit tentang B.9—Jabatan Perangkaan. Tuan Pengerusi, Jabatan Perangkaan sebenarnya adalah sebuah

jabatan yang penting. Walaupun kepentingan itu tidak dirasai oleh ramai orang kerana Jabatan Perangkaan adalah menyediakan banyak angka-angka, statistik dan juga maklumat untuk semua pihak, khususnya untuk pihak kerajaan, jabatan-jabatan kerajaan, untuk menggubal strategi untuk pembangunan negara kita ini.

Jadi, saya memang setuju bahawa kerajaan memberi perhatian yang khusus kepada jabatan ini supaya jabatan ini dapat melaksanakan tanggungjawab yang lebih baik. Sebenarnya saya difahamkan bahawa jabatan ini juga mengalami beberapa masalah, pertamanya mereka mengalami kekurangan kakitangan sampai sesetengah majalah atau laporan tidak dapat dikeluarkan mengikut jadual, khususnya untuk laporan tahunan.

Oleh kerana itu, saya berharap kerajaan akan memberi perhatian supaya mengatasi masalah ini. Dan lagi satu saya mencadangkan supaya cawangan-cawangan yang berada di setiap negeri dapat di 'upgrade' kan supaya pegawai-pegawai kanan dapat dihantar dan untuk decentralisekan kutipan-kutipan statistik dan sebagainya. Jadi, ini akan lebih berkesan untuk mengutip sebarang statistik yang diperlukan.

Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan supaya Jabatan Perangkaan mewujudkan satu homepage. Jadi, senang untuk orang ramai untuk access atau mendapat maklumat melalui Internet, jadi, ini satu cara yang amat baik untuk orang awam dengan secara lebih berkesan dan lebih senang untuk mendapat maklumat atau statistik dari yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan.

Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan supaya alat-alat yang digunakan khususnya komputer juga di pertingkatkan supaya komputer-komputer

yang lebih canggih dapat digunakan, jadi, ini sudah tentu akan membantu Jabatan Perangkaan untuk menyediakan statistik atau melaksanakan tanggungjawab yang lebih berkesan.

Jadi, inilah beberapa cadangan yang dapat saya kemukakan dan berharap Yang Berhormat yang berkenaan akan memberi perhatian tentang perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jelebu.

6.02 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu): Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya juga ingin bersama-sama dengan rakan-rakan bagi membahaskan mengenai dengan Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tamb.) (No. 3) 1996 bagi B.11—Badan Pencegah Rasuah.

Kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada jabatan ini kerana telah banyak mengesan pelbagai kesalahan yang berlaku di kalangan penyeleweng-penyeleweng yang telah menjalankan perkara-perkara yang bertentangan dengan peraturan dan perundangan.

Kita memang menyokong di atas penggunaan wang sebanyak RM3.3 juta untuk pembayaran ataupun pelarasan gaji yang telah dibuat kepada penerima-penerima anugerah SSB bagi kadar 'melintang' dan 'menegak' kepada kakitangan yang cemerlang.

Tuan Pengerusi, apa yang harus kita tekankan selain daripada perkara-perkara yang berkenaan. Badan Pencegah Rasuah juga telah memainkan peranan yang begitu baik bagi mencegah penyelewengan yang berlaku di kalangan kakitangan kerajaan dan juga yang bukan kerajaan. Kita berpendapat bahawa jabatan ini, selain

daripada diberikan dengan beban tugas yang begitu berat, haruslah difikirkan juga masalah kebajikan yang perlu diterima oleh kakitangan berkenaan.

Saya difahamkan banyak permasalahan yang berlaku di dalam jabatan ini, masalah-masalah kelengkapan, peralatan, masalah kakitangan yang harus difikirkan oleh pihak kerajaan supaya Badan Pencegah Rasuah ini akan dapat berfungsi dengan baik dan licin di dalam menjalankan tugas-tugas kepada negara.

Tuan Pengerusi, di samping itu, pejabat-pejabat cawangan Badan Pencegah Rasuah ini di negeri-negeri dan juga di kawasan-kawasan mengikut zon yang ada pada waktu ini tidak begitu sempurna dan kita haraplah pihak kerajaan akan memikirkan sesuatu perkara yang baik bagi sekurangnya memberikan keselesaan kepada kakitangan-kakitangan di jabatan ini supaya tugas-tugas yang dibebankan kepada mereka akan dapat dilaksanakan dengan baik.

Saya mendapat maklum bahawa jabatan-jabatan yang ditempatkan di negeri-negeri dan juga di zon-zon di Semenanjung ini tidak begitu sempurna, sepatutnya sesuatu pejabat BPR itu dilengkapi dengan peralatan dan juga bilik lock-up dan sebagainya, tetapi sebahagian daripada pejabat-pejabat berkenaan tidak dilengkapi dengan kelengkapan yang sedemikian.

Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan kenderaan dan sebagainya. Yang menjadi perkara yang utama ialah kakitangan. Pada waktu ini saya difahamkan masih banyak lagi ruang-ruang kekosongan perjawatan yang masih belum diisi oleh pihak kerajaan. Jadi, kita menyerulah supaya kerajaan akan menumpukan terutamanya kepada JPA akan dapat membeikan tumpuan kepada pengisian jawatan yang kosong bagi BPR ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, sekali lagi saya menyarankan supaya pihak kerajaan akan dapat memberikan tumpuan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh jabatan ini supaya kewujudan Badan Pencegah Rasuah (BPR) ini akan dapat menyedarkan masyarakat bahawa BPR itu sebenarnya wujud di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, kita juga menyarankan supaya BPR ini akan dapat menghampirkan diri dengan masyarakat terutamanya di kalangan penuntut-penuntut sekolah supaya mesej yang sebenarnya kenapa wujudnya BPR ini di dalam negara kita akan dapat dirasakan.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada BPR kerana telah mengaturkan program-program untuk mendekati jabatan mereka dengan masyarakat di mana beberapa langkah telah pun dibuat supaya masyarakat lebih prihatin kepada masalah-masalah yang boleh diadakan kepada BPR ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya juga menyarankan supaya BPR akan lebih efektif menjalankan tugas-tugas dan membuat tinjauan-tinjauan rambang kepada jabatan-jabatan yang sentiasa berurusan dengan orang awam supaya orang ramai tidak akan menjadi mangsa kepada penipuan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, kita mendengar beberapa aduan yang tidak rasmi, tetapi aduan-aduan tersebut tidak dapat dikemukakan dengan rasmi kepada pihak BPR.

Walau bagaimanapun, saya yakin dan percaya dengan kemampuan BPR dan juga dengan taktik-taktik yang digunakan oleh BPR, saya yakin dan percaya masalah-masalah penyelewengan yang berlaku di jabatan-jabatan kerajaan akan dapat

dikesan, cumanya terpulanglah kepada BPR bagaimanakah cara mereka untuk mendapatkan sesuatu kes itu dan akan dapat memenangi sesuatu kes itu apabila didakwa?

Tuan Pengerusi, kita mempunyai masalah-masalah di peringkat bawahan di mana pejabat-pejabat kerajaan di peringkat bawahan, di peringkat daerah juga sering kali ditimbulkan dengan masalah-masalah, aduan-aduan yang tidak rasmi. Saya berharap BPR akan dapat turun ke padang supaya sekurang-kurangnya masyarakat yang mempunyai kepentingan-kepentingan sesuatu akan dapat diatasi permasalahan mereka dan mereka ini tidak akan merasakan tertindas dengan teknik dan juga helah yang dimainkan oleh beberapa kumpulan kakitangan kerajaan di jabatan-jabatan berkenaan.

Tuan Pengerusi, dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kota Melaka. 10 minit Yang Berhormat.

6.08 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, ya.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.7 iaitu Jabatan Perdana Menteri di mana RM30 juta adalah dikehendaki sebagai grant pelancaran Multimedia Development Corporation. Di sini, sungguhpun jumlah ini adalah kebanyakannya untuk hardware, dengan izin, Tuan Pengerusi, saya di sini ingin membuat satu saranan bahawa kita harus juga menegaskan pentingnya software ke atas pembangunan Multimedia Development Corporation.

Dan di sini, saya tidak nampak macam mana usaha kita kalau kita hendak mendirikan MSC, macam mana kita boleh berjaya kalau kita tidak memberikan

penekanan yang sewajarnya kepada software khususnya kepada sumber manusia yang tahu mengenai seluk belok dan dengan izin, intricacies of the new information order yang akan wujud dalam dunia ini.

Oleh sebab itu, saya harap bahawa kerajaan akan menggubal satu dasar terbuka untuk membolehkan semua yang berkebolehan dan berkemampuan untuk menceburi diri dalam MSC dan juga memainkan peranan mereka dalam Multimedia Development Corporation. Saya harap tidak ada sebarang kuota, tidak ada sebarang had, tidak ada sebarang keistimewaan diberikan kepada sesiapa hanya kalau kita adakan satu sistem meritocracy barulah impian untuk menjadi MSC ini akan menjadi satu kenyataan hakikat kepada negara kita.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada maksud Bekalan B.11 iaitu Badan Pencegah Rasuah. Tuan Pengerusi, Badan Pencegah Rasuah memainkan satu peranan penting kepada sistem ekonomi negara kita. Kalau BPR gagal menjalankan tugas mereka maka hancurlah negara kita. Binasalah sistem politik kita. Ini diakui sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi sungguhpun begitu, saya tidak nampak bahawa BPR boleh memainkan peranan yang sewajarnya kerana ia bukan sebuah badan yang accountable dan masih tertakluk dalam kuasa Perdana Menteri.

Telah sampai masanya supaya ia benar-benar bebas untuk menjalankan siasatan tidak kira kedudukan, tidak kira pangkat dan tidak kira kawan atau lawan pemimpin-pemimpin kerajaan. Dan di sini, saya ingin bertanya sejauh manakah BPR menjalankan tugas ke atas ahli-ahli pentadbiran? Kerana nampaknya apabila siasatan dijalankan ke atas ahli-ahli pentadbiran kerajaan, ia diberikan

keistimewaan kepada pemimpin-pemimpin tersebut, di mana siasatan ini tidak dijalankan secara teratur dan secara bebas.

Saya berkata demikian kerana saya ingin merujuk kepada dua contoh. Satu di Melaka. Saya ingin bertanya, sejak bekas Ketua Menteri Melaka dijatuhkan kerana terlibat dalam skandal rasuah dan skandal seks dengan gadis di bawah umur, adakah pihak BPR sedang menjalankan siasatan kepada mana-mana ahli Exco di negeri Melaka? Adakah siasatan dijalankan oleh BPR ke atas mana-mana ahli Exco negeri Melaka? Dan kalau ada, berapa banyakkah ahli Exco negeri Melaka yang terlibat? Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh telus dalam perkara ini.

Yang kedua, tentang siasatan BPR ke atas Perwaja. Sungguhpun laporan polis telah dibuat oleh saya awal tahun ini, tetapi sehingga sekarang kita masih belum tahu penemuan yang dibuat oleh BPR. Adakah bekas Pengurus Besar Perwaja iaitu Tan Sri Eric Chia, adakah beliau telah disoal siasat? Adakah beliau telah diminta memberikan accountability tentang penyelewengan dan kelemahan yang berlaku semasa Perwaja di bawah pengurusan beliau? Seperti mana yang disahkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini tentang beberapa pendedahan dibuat oleh pihak DAP dan tambah lagi tentang beberapa penyelewengan lain seperti membina rumah kos rendah dengan izin, rumah kos rendah dengan harga "RM130,000". Sedangkan rumah kos rendah sepatutnya berharga RM25,000.

Apakah kedudukan atau siasatan BPR ke atas Perwaja? Adakah pihak BPR sedar bahawa salah seorang yang menjadi watak penting dalam Perwaja iaitu Lawrence Lim. Lawrence Lim seorang yang membuat bayaran sebanyak RM76.4 juta.

Tuan Pengerusi, saya telah membuat laporan kepada BPR tentang pembayaran RM76.4 juta oleh Perwaja kepada sebuah syarikat di Hong Kong bernama Frilsham Enterprises Incorporated. Sungguhpun Frilsham Enterprises Incorporated tidak memberikan sebarang perkhidmatan atau membekalkan apa-apa alat kepada Perwaja dan tidak menandatangani apa-apa perjanjian kepada Perwaja tetapi Perwaja masih membuat bayaran kepada syarikat ini. Dan selepas pembayaran RM76.4 juta dibuat, syarikat ini telah lenyap sama sekali. Dan wang RM76.4 juta tidak boleh dikesan dan penjelasan diberikan pada masa itu oleh pihak pengurusan Perwaja bahawa pembayaran ini dibuat berdasarkan anggapan bahawa syarikat Frilsham Enterprises Incorporated adalah anak syarikat NKK di Jepun, sebuah syarikat besar yang menguruskan pembinaan loji besi untuk Perwaja, tetapi ini telah dinafikan oleh NKK Jepun.

Sungguhpun demikian, sungguhpun pembayaran ini diluluskan bukan sahaja oleh Tan Sri Eric Chia tetapi juga dibayar menerusi authority Encik Lawrence Lim. Beliau sekarang balik menguruskan Perwaja. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar? Adakah pihak kerajaan sedar bahawa Encik Lawrence Lim sekarang menguruskan Perwaja melalui Maju Holdings. Kalau begitu apakah gunanya kita bahagikan penswastaaan ini kepada Maju Holdings? Kalau Lawrence Lim sekarang berkuasa menguruskan hal kewangan untuk Perwaja! Ini tidak lain dengan izin, Tuan Pengerusi, membenarkan seorang yang bertanggungjawab ke atas sesuatu kelemahan, sesuatu penyelewengan, membenarkan dia balik kepada Perwaja untuk menguruskannya semula! Tiada harapan lagi untuk Perwaja dipulihkan semula kalau ini dibenarkan. Saya hendak mendapatkan kepastian daripada pihak kerajaan sama ada mereka sedar tentang perkara ini, sama ada mereka membenarkan perkara ini, sama ada

mereka tahu risiko yang mereka hadapi? Lebih-lebih lagi apabila kes asal di mana satu laporan telah dibuat oleh saya kepada BPR terhadap Perwaja masih belum diselesaikan.

Kita mesti ingat bahawa Perwaja mengalami kerugian terkumpul RM3 bilion, hutang liabilitinya menjangkau RM7 billion, RM10 bilion keseluruhannya. Ini bukan satu jumlah yang kecil Tuan Pengerusi, tetapi nampaknya kerajaan tidak serius. Tidak serius tentang kedudukan Perwaja membenarkannya diuruskan oleh seseorang yang menjadi tanda tanya dan saya tidak faham. Kalau begitu, apakah gunanya skim penyelamatan? Apakah gunanya rescue scheme yang diberikan kepada Maju Holdings? Bukankah benar bahawa pihak yang memiliki Maju Holdings, mereka pada suatu masa pun terlibat secara langsung dengan Perwaja dan sedikit sebanyak menyumbang kerugian yang dialami oleh Perwaja.

Saya tidak faham Tuan Pengerusi, kalau mereka yang pada suatu masa tidak boleh menyelamatkan Perwaja tetapi sebaliknya menjadikan keadaan kewangan Perwaja lebih teruk, sekarang pula diharapkan menyelamatkan dan memulihkan balik Perwaja. Bukankah ini akan memenuhi peribahasa Bahasa Malaysia "harapkan pagar menjaga padi, pagar akhirnya makan padi". Dan kerana tragedi sebelum ini, kita akan nampak mungkin padi akan semua "termakan". Dan saya tidak faham, kalau kerajaan memang tahu perkara ini, kalau BPR tahu tentang perkara ini, mengapa BPR yang pertama tidak mengambil tindakan? Untuk memberikan amaran kepada kerajaan bahawa ini tidak boleh kerana orang ini menjadi tanda tanya.

Tuan Pengerusi: Masa tinggal sedikit lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Saya gulung sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, dan saya harap perkara ini diambil dengan serius oleh pihak kerajaan kerana kalau kita tidak serius mungkin kerugian yang akan dialami melebihi RM10 bilion mungkin sampai RM15 billion atau RM20 bilion. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.19 pm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Pengerusi, pertamanya saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Seremban, Jelebu dan Kota Melaka yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa bagi peruntukan yang telah dibelanjakan dalam Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin menjelaskan ini kepada Yang Berhormat dari Tanjong iaitu bahawa sistem dalam Parlimen iaitu apabila kita menjawab, sebenarnya saya menjawab sebagai Timbalan Menteri yang bertanggungjawab kepada Jabatan Perdana Menteri dan setiap jawapan saya itu telah pun disediakan oleh pihak-pihak tertentu dan dia tidak merupakan satu rekaan yang telah dibuat oleh saya. Jadi, kalau mungkin Yang Berhormat tidak pernah duduk dalam kerajaan, tidak tahu sistem ini. Kalau Yang Berhormat tengok sebentar tadi pun, rakan-rakan kita tengah menjawab ada Bentara menghantar surat-surat, itu merupakan jawapan yang harus dijawab oleh saya sebagai jawapan kepada soalan-soalan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu, saya setuju dan kita faham, tetapi dalam kes ini spesifik. Bukankah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju kes ini spesifik dan unik oleh kerana ia melibatkan

keputusan sebab musabab Peguam Negara, menggunakan prosecutorial discretion, budi bicara pendakwaannya dan tidak ada lain orang yang tahu, kita boleh agak-agak, kakitangan dia pun boleh tidak tahu? Solicitor General pun boleh agak-agak. Tetapi barulah Peguam Negara sendiri baru boleh kata apa sebab yang sebenarnya yang atas apa sebab dia menggunakan kuasanya ambil keputusan. Lain-lain orang kakitangan kamar Peguam Negara tidak tahu—mereka boleh agak-agak. Selain daripada Peguam Negara ada di sini, dia di belakang dan dia beri nota-nota. Adakah Peguam Negara ada di sini? Dia tidak ada di sini oleh kerana dia kata tidak layak, dia sudah terlalu tinggi tidak perlu untuk accountable kepada Parlimen.

Saya setuju kalau Peguam Negara ada di sini, tetapi Peguam Negara tidak ada di sini. Kalau Peguam Negara rasa, duduk di belakang tidak setaraf dengan kedudukannya, sebab itu lantik beliau sebagai ahli jemaah kabinet, duduk di depan supaya dia boleh accountable dengan secara langsung.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tengok Yang Berhormat daripada Tanjong ini terlalu *personallah*. Sebab ini sistem yang kita amalkan iaitu bahawa kita bertindak sebagai kerajaan dan kita bertanggungjawab 'collective responsibility' terhadap apa juga yang dibangkit yang ada urusan dia sebagai Peguam Negara. Jadi, sebab itu kalau ini sudah merupakan sistemnya maka saya rasa tidak perlu bahawa Peguam Negara sendiri hadir kerana cukup bagi kita untuk menjawab apa juga tindakan yang telah diambil oleh beliau.

Saya tahu itu sudah tentu apa juga alasan yang diberi tidak akan memuaskan hati Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Dalam dunia mana kita boleh convince dengan izin, semua orang tapi kalau

jawapan kita itu ada mempunyai asas-asas yang kukuh kita menjawab soalan itu merupakan perkara yang benar, Yang Berhormat tak perlulah nak marah.

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya menjawab Yang Berhormat, duduklah. Nanti saya sampai di situ nanti. Jadi, sebab itu, saya menafikan sekeras-kerasnya, kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa saya reka, reka jawapan-jawapan kerana hendak menyelamatkan Peguam Negara. Itu adalah tidak benar.

Yang Berhormat boleh bertanya kepada pegawai-pegawai daripada Peguam Negara sebelum saya datang menjawab soalan, macam saya tahu bahawa kalau ada isu-isu yang besar dalam soal undang-undang, saya memanggil pegawai daripada Peguam Negara dan saya berbincang dengan mereka berkenaan dengan alasan-alasan yang sesuatu tindakan itu dibuat supaya saya dapat menjawab dengan tepat dalam Dewan yang mulia ini. Dan saya juga pada tiap-tiap minggu, bila post-cabinet saya berjumpa dengan Peguam Negara dan saya minta alasan daripada dia.

Jadi, sebab itu Yang Berhormat pun kata saya conscientious, saya buat kerja. Jadi saya tidak bersetujulah kalau Yang Berhormat kata saya mereka-reka jawapan kerana semata-mata untuk mempertahankan Peguam Negara di dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan. Saya tidak personal, saya mahu menjelaskan, saya tidak personal kerana apa yang kita bincangkan merupakan mengenai jawatan, jawatan Peguam Negara. Bukan personal, tidak ada apa-apa personal attack. Saya tidak personal dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri apabila saya sebut Yang

Berhormat Timbalan Menteri, mereka-rekakan oleh kerana selain daripada jawapan dari mulut Peguam Negara sendiri mengapa dia buat ucapan, buat keputusan lain-lain perkiraan atau anggapan sama ada oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri atau oleh Pegawai Kanan Peguam Negara. Semua ini rekaan semacam, kenapa Peguam Negara memberi ucapan beliau dalam Medico-Legal Society, baru beliau sendiri boleh jawab. Lain-lain jawapan kenapa dia berbuat begitu ialah rekaan. Itulah, bukan personal. Tidak ada apa-apa personal attack.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya seronoklah Yang Berhormat kata tidak ada personal tapi daripada ucapan tadi memang dinampakkan sebagai personal. Saya suka untuk menyatakan di sini, bahawa kita membincangkan, kalau kita membincangkan Peguam Negara, kita membincangkan institusi itu, institusi Peguam Negara. Dan Yang Berhormat pun ada sebut, Peguam Negara—Majlis Peguam. Jadi, kita tidak membincangkan personalities, kita tidak bincang Tan Sri Mohtar, kita tidak bincangkan Hendon. Kita bincangkan iaitu institusi Peguam Negara itu.

Jadi, kalau sekiranya Yang Berhormat pun sebagai Ketua Pembangkang, Ketua Pembangkang pun satu institusi. Jadi, kalau Yang Berhormat pun buat sesuatu ucapan di luar, orang akan kata "itu ucapan peribadi ke atau sebagai Ketua Pembangkang". Jadi, kita jangan ambil personal sangat. Kalau ucapan itu dalam Medico-Legal Dinner, itu merupakan ucapan dia, dan kalau perlu kepada jawapan pergi tanya dia teruslah, buat apa bangkit dalam Parlimen. Tapi kalau perkara itu sudah menjadi rang undang-undang, itu kita bincang di sini.

Jadi, kalau Yang Berhormat sendiri sudah tahu bahawa kadangkala jawapan itu merupakan jawapan yang dibuat oleh dia dalam satu majlis dinner. Bukan satu

majlis macam Dewan ini, Dewan tempat yang rasmi mengumumkan, itu lain. Tapi kalau dia berucap dalam dinner, kalau Yang Berhormat daripada Tanjong nak tahu isi hati dia mengapa ucapan dia begitu, tanya dia sendiri.

Dalam ini kita bincang rang undang-undang, itu terlalu personal. Ucapan dia dalam dinner dan dia pun sendiri bercakap bahawa ini ucapan pandangan peribadi dia. So, dengan izin, you ask him there, jangan tanya dalam Parlimen sini. Saya cuma boleh menjawab perkara-perkara yang kaitan dengan institusi Peguam Negara itu.

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduklah Yang Berhormat. Saya nak jawab sebab Yang Berhormat kata. (*sampuk*) sebab kita ada pakai berbagai pakaian, dalam Parlimen kita Ahli Parlimen. Di luar kita berucap, kadang-kadang kita berucap pun terlepas cakap. Tak kanlah kalau saya berucap di Chenderoh sebagai contoh, saya berucap saya kata Yang Berhormat dari Tanjong begitu begini tak kanlah Yang Berhormat nak bangkitkan di sini. Tanya saya di sana, Chenderoh kenapa cakap begitu, sudahlah.

Jadi, benda-benda ini tidak perlu dibawa di sini, kalau Yang Berhormat ingin tahu berkenaan dengan pandangan peribadi dia, saya percaya Yang Berhormat boleh menulis surat kepada dia dan boleh minta jumpa, jumpa dengan dia dan tanya sendiri. Tak perlu bangkit di sini. Soal kata hantar balik fail. Ini kadangkala kita tengok, manusia begitu, kadang-kadang dia ada peribadi dia yang pada hari tertentu dia tidak puas hati apa ke, maka itu yang menyebabkan dia bertindak sedemikian.

Jadi, tidak perlulah dibangkit di sini, kerana di sini kita bincang benda-benda yang merupakan dasar, yang akan dijadikan undang-undang dan di sinilah

tempat yang kita bincangkan perkara seperti ini. Sebab itu, Yang Berhormat saya tidak mahu melayanlah benda-benda remeh-temeh yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat di sini. Saya cuma bertanggungjawab untuk menjawab soalan bagi pihak Peguam Negara sebagai institusi itu. Dan soal dia di Medico-Dinner itu, dia sudah mengatakan itu pandangan sendiri dia, dia punya personal pandangan—opinion. Jadi, ini boleh di tanya kepada dia.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Tentulah saya setuju mengenai perkara remeh-temeh tidak payah kita buang masa, tetapi apa yang mustahak ialah isu yang pokok. Sesiapa yang memegang jawatan yang tinggi, apa dia cakap dalam peranan yang rasmi, dia patut accountable dan tempat accountability ialah dalam Dewan yang mulia ini, bukan di lain-lain tempat. Kalau Tan Sri Mohtar Abdullah, beri ucapan di Medico-Legal Society, personal bukan sebagai Peguam Negara, saya bersetuju. Saya tak patut timbulkan di sini. Tetapi kalau dia beri ucapan sebagai Peguam Negara, dia patut dan harus bertanggungjawab setiap perkataan dan tempat di mana beliau patut bertanggungjawab ialah di Dewan yang mulia ini. Tempat ini ialah tempat meluahkannya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri mencadangkan untuk menulis surat kepadanya. Saya boleh terima cadangan itu. Saya akan tulis surat kepada Peguam Negara dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memastikan beliau akan memberi jawapan kepada saya dan bukan memulangkan surat saya sebagaimana dia memulangkan surat jawapan daripada Hendon. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh kaji semula bahawa interpretasi beliau mengenai apa peranan rasmi dan apakah bukan peranan rasmi yang patut ditimbulkan dan dibangkitkan dalam Dewan yang mulia

ini, apa yang tidak patut dibangkitkan adalah salah dan saya tidak mahu bergaduh dalam perkara ini. Itu salah dan saya harap beliau boleh mengkaji semula.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tak salah. Yang Berhormat Tanjong salah. Kalau orang jemput kita ke satu dinner, jadi kalau kita bercakap dan beri pandangan kita sebagai seorang private yang pergi ke dinner, dia sendiri sudah cakap, ini privatnya—personal opinionnya. Kita cakap. Apa saya hendak bangkitkan dalam Parlimen?

Kalau begitu maknanya manusia individu menjadi Peguam Negara ini tidak boleh bercakap apa langsung! Kalau bercakap di rumah, di dapur, nanti orang kata, "Ha, ini Peguam Negara sudah hendak berbincang dalam dapur rumahnya hendak buat rang undang-undang hendak bincang dalam Dewan." Tak boleh begitu. Jadi kena fahamlah dan dia sendiri telah mengatakan bahawa dia memberi ucapan dalam satu private dinner dan dia memberi pandangannya dan kita kena terima itu.

Itu kita sudah jawab beberapa kali di sini bahawa belum ada lagi cadangan kita hendak pinda Akta ini. Jadi, kenapa tiap-tiap hari kita hendak bangkitkan benda-benda ini? Saya percaya bahawa kalau nanti kita jadikan ia sebagai pindaan—"kalau"lah, mungkin. Sudah tentu kita mempunyai alasan-alasan yang kukuh untuk menyatakan demikian yang akan saya beri sebab Yang Berhormat pun sudah bertanya. Dua Ahli Yang Berhormat—dari Jelutong dan Tanjong dua kali bertanya benda ini, itu saya jawablah.

Saya menyatakan bahawa Peguam Negara dan Majlis Peguam tidak mempunyai bad blood sebab saya melihat Peguam Negara sebagai institusi dan Majlis Peguam sebagai institusi. Kalau

ada bad blood di antara Hendun dengan Mohtar, itu bukan tanggungjawab saya. Itu dia kena selesaikanlah di antara mereka berdua.

Yang saya bertanggungjawab, kepada Mohtar ataupun kepada Hendun. Saya bertanggungjawab kepada Peguam Negara sebagai institusi dan saya jawab bahawa di antara institusi Peguam Negara itu dengan Majlis Peguam tidak ada masalah. Kalau sekiranya ada arahan bahawa semua pegawai-pegawai Peguam Negara jangan ada hubungan dengan Majlis Peguam, itu merupakan satu perkara yang besar. Yang itu kita kena masuk campur.

Tetapi kalau Peguam Negara sebagai individu, dia bergaduh dengan Hendun-Hendun sebagai Hendun, itu sudah personal. Tak perlulah kita bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Kita cuma bangkitkan perkara-perkara yang ada kaitan dengan institusi Peguam Negara itu dan juga institusi Majlis Peguam itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong ada membangkitkan perkara berkenaan dengan surat layang. Saya rasa benda ini pun sudah banyak kita bincangkan banyak dalam Mesyuarat yang telah diadakan pada bulan Julai yang lalu dan saya tidak ada maklumat tambahan untuk diberikan dalam Dewan ini melainkan saya menganggapkan perkara ini sudah dibincangkan dengan mendalam dan tidak perlu lagi dibangkitkan dalam Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong bahawa kalau kita lihat pada hari ini kita tengok sudah ada kurang keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap kehakiman negara kita kerana hari ini sudah dinyatakan bahawa satu fenomena baru yang mana perjanjian-perjanjian itu hendaklah diadili atau dibicarakan di luar daripada negara dan kesimpulan dari sini menyatakan bahawa ini merupakan satu kurang keyakinan kepada kehakiman kita.

Yang Berhormat Tanjong, saya ingin menyatakan di sini bahawa dahulu semasa saya practise dan saya mengamalkan undang-undang, saya memang tidak pergi ke mahkamah, tetapi saya banyak draf perjanjian-perjanjian dan saya lebih banyak membuat kerja-kerja di dalam pejabat dan perjanjian-perjanjian ini saya lihat dari dahulu pun—bukan sekarang, apabila berlaku apa-apa pertikaian di antara kedua-dua pihak, maka selalunya saya tengok dari pengalaman saya, dari dahulu lagi bahawa mereka minta supaya pertikaian itu hendaklah diputuskan di luar daripada Malaysia.

Jadi ini bukan satu perkara yang baru. Mungkin Yang Berhormat reka, saya tak tahulah. Tetapi sebenarnya benda ini saya draf (draft agreement), dengan izin, ini juga permintaan mereka. Apabila kadangkadangkang saya bertanya kepada clients atau pelanggan saya, mengapa tidak diadili di sini? Dia kata, "psychologically kalau perkara itu ada pertikaian di Malaysia, memang manusia lebih selesa kalau sekiranya dia tidak diadili di home town atau di tempat di mana perniagaan itu berlaku." Dia lebih selesa kalau ianya dihakimi di negara ketiga.

Ini dari dahulu. Bukan sekarang ini hendak dikatakan percambahan begitu besar, permintaan untuk diadili di luar negara Malaysia. Saya ingat ini bukan perkara baru. Dahulu pun sudah macam ini. Dahulu pun memang apabila ditanya, mengapa tidak mahu diadili di sini? Dia kata, "Memang, siapa pun pelabur asing yang datang ke Malaysia, bukan Malaysia sahaja, di mana-mana sekali pun, sama ada di England atau di Germany, kalau ada berlaku pertikaian, mereka tidak mahu pertikaian itu dihakimi di negara yang mana agreement itu dibuat kerana dia merasa dia tidak ada advantage."

Jadi saya ingat alasan Yang Berhormat yang menyatakan bahawa ada berlakunya kurang keyakinan terhadap kehakiman negara kita kerana permintaan banyak supaya pertikaian-pertikaian ini diadili di luar negara. itu adalah tidak benar.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya saya tidak pernah sebut apa-apa mengenai perjanjian-perjanjian di mana kebanyakan mereka diadili di luar negara. Saya tak sebut perkara itu. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri salah tangkap apa yang saya sebut. Apabila saya sebut mengenai *Far Eastern Economic Review*, wawancara yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan soalan-soalan di mana mereka ada bertanya mengenai persepsi oleh peniaga-peniaga tempatan dan luar negara bahawa, *that they can't get justice if they are fighting local firms with powerful political connections*, dengan izin. *With powerful political connections*, bukan mahu pergi ke luar negara untuk mengadili perbicaraan, tetapi kalau mereka mahu berhadapan dengan *local firms* ada *powerful connections*, tidak payah lawanlah oleh kerana mereka sudah hilang keyakinan terhadap kebebasan *impartiality* dan *integrity* kehakiman.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Macam itulah tanggapan. Maknanya orang tidak yakin kononnya bahawa sekarang ini orang sudah tidak yakin bahawa mereka boleh mendapat keadilan di sini. Jadi sebab itu mereka lebih selesa kalau apa-apa pertikaian itu hendaklah dibuat di luar negara. Persepsi itu serupalah macam tanggapan saya, betul!

Maknanya orang sudah tidak confident. Jadi sebenarnya, apa yang berlaku, benda ini dahulu pun sudah berlaku. Benda ini dahulu pun, 15 tahun dahulu saya mula practise pun macam itulah. Memang mereka, apa-apa juga mereka hendak buat pertikaian itu di luar negara kita. Jadi,

sebab itu saya menolak mentah-mentah apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, ini juga berkenaan dengan Malaysian Bar tadi iaitu di mana Yang Berhormat dengan begitu panjang berucap mengatakan bahawa adalah tidak adil kalau sekiranya Malaysian Bar ini diisikan dan dipenuhi dengan prosecutors DPP dan juga daripada kerajaan. Jadi, ini akan menyebabkan seolah-olah tidak berlaku demokratik sebab bimbang, takut-takut kalau peguam kerajaan ini tidak akan bertindak—sebagaimana dinampakkan pembangkang pada hari ini terhadap apa juga yang hendak dilakukan oleh kerajaan.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa dari segi demokrasi, kita boleh ambil contoh daripada sebuah negara yang mana demokrasi secara moden paling lama sekali diamalkan di negara itu di mana di negara itu banya, sebagai contoh, di United Kingdom, the General Council of the Bar itu sendiri di United Kingdom. United Kingdom ini sebuah negara yang lama mengamalkan demokrasi secara moden yang ada pada hari ini.

The General of Council the Bar di United Kingdom, antara lain, terdiri daripada the Attorney-General, Solicitor-General, the Director of Public Prosecution, ini DPPLah dan 12 orang yang dilantik oleh employed and non practising barristers. Jadi, ini menunjukkan bahawa di United Kingdom, sebuah negara yang mengamalkan demokrasi begitu lama, demokrasi moden ini, di negara mereka juga Attorney-General itu duduk sebagai sebahagian daripada Bar Council, bukan itu sahaja. Director of Public Prosecution (DPP) dan juga Solicitor-General. Jadi, adakah ini tidak demokratik?

Kita tengok sebahagian besar daripada undang-undang kita berdasarkan kepada undang-undang di United Kingdom. Jadi, adakah apa yang kita hendak buat hari ini

tidak demokratik kerana di negara yang mengamal demokrasi begitu lama, demokrasi moden ini pun mengamal perkara yang demikian? Jadi, kita tengoklah. Itu negara di mana demokrasi diamal begitu lama.

Kita tengok pula kepada sebuah negara demokrasinya terbesar, iaitu di India. Kita kagumlah dengan demokrasi di negara India. Saya ingat itu satu demokrasi yang terbesar di seluruh dunia. Bar Council di India terdiri daripada Peguam Negara dan Peguamcara Negara India. Selain daripada itu, anggotanya dipilih oleh tiap-tiap Majlis Peguam Negeri. Jadi, di India sebuah negara yang mengamal demokrasi, negara demokrasi yang terbesar di dunia juga mengambil Peguam Negeranya duduk dalam Bar Council. Mengapa Malaysia tidak boleh berbuat demikian? Mengapa? Bila bercakap tentang demokrasi, okay, kita boleh rujuk macam-macam tetapi kita lihat pada hari ini United Kingdom dan India mengamalkan perkara yang sama.

Kita fikirkan bahawa apa salah, apa istimewanya (special) Bar Council di Malaysia ini sehinggakan kita tidak boleh ikut cara di India, tak boleh ikut cara di United Kingdom dan juga tak boleh ikut profesion yang lain. Profesion lain dalam majlis dia, dia ada juga medical doctors daripada government, boleh duduk. Yang Majlis Peguam kita ini yang special sangat tak boleh orang lain ini, apa fasal? Hendak kata lawyers kita dalam kerajaan tidak practise, tidak benar. Apa itu practise law? Saya tengok DPP, dia practise law, dia masuk mahkamah, dia lawan dengan peguam seperti Yang Berhormat dari Tanjong dan lain-lain lagi. Dia boleh masuk mahkamah, dia lawan dengan defence council, tetapi tak layak untuk menjadi Majlis Peguam. Apa ini? Sebab itu kita jangan terus menolak bulat-bulat tanpa kita buat siasatan mengapa ada

juga positif, pronya kalau sekiranya kita bukakan Majlis Peguam ini kepada mereka yang tidak menjadi law practitioners tetapi mereka "actually practise law", dengan izin. Kalau kita tidak masuk mahkamah pun, bila kita menasihat pelanggan kita, kita practise law kita sebab kita menasihat pelanggan kita dengan tanggungjawab kerana dia datang kepada kita bertanya opinion, legal opinion, "practise law"lah itu. Bukan bermakna practise law ini cuma mereka yang berhak untuk masuk dalam mahkamah sahaja.

Jadi sebab itu, Tuan Pengerusi, saya kira bahawa ada argument dan hujah-hujahnya yang kuat mengapa kita fikirkan bahawa tidak salah dan tidak bercanggah dengan negara-negara lain, kalau sekiranya, ini pun belum jadi undang-undang lagi, belum dijadikan rang undang-undang pun, baru ada pandangan sahaja. Tetapi kalau ada pandangan pun, saya rasa memang ada bukti yang kukuh kalau sekiranya Legal Profession Act 1976 ini dipinda untuk memasukkan mereka selain daripada practising lawyers di negara kita pada hari ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan politik wang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan Kota Melaka, saya lihat di sini bahawa Yang Berhormat dari Kota Melaka ada mengatakan bahawa mesti ambil tindakan dan ACA ini tidak bebas. Saya rasa sebenarnya kalau Perdana Menteri kitalah kalau dia menguasai ACA, dia boleh buat, apa yang dia buat, dia buat, sebab macam mana kita lihat dia menggugur, walaupun ini hal dalaman parti tetapi ada kuasa kepada dia, ada orang sahaja main politik wang, dia gugurkan sepertimana yang berlaku baru-baru ini sebab dia ada kuasa. Tetapi oleh kerana dia tidak boleh mempengaruhi ACA, jadi banyak perkara yang hanya menjadi sebut-sebutan sahaja di sini tidak didakwa kerana dia tidak ada kuasa, itu terpulang kepada ACA. ACA bebas, dia

boleh mengambil tindakan. Kalau dia fikir perlu ambil tindakan, dia ambillah. Jadi, ini tidak betullah mengatakan bahawa kita tidak sanggup untuk mengambil.....

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduklah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk, duduk, tak payah penjelasan, dah teranglah ini. Itu sebab saya mengatakan di sini bahawa kalau kita ada kuasa dan kita pengaruhi ACA, kita ambil tindakan.

Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Presiden ataupun Perdana Menteri Malaysia, dia kata dia dengar macam-macam. Malah dia beritahu kepada press conference, apabila dia kata, "saya ingin menyatakan di sini bahawa tidak ada politik wang dalam Umno". Dia beritahu kepada kita bahawa semua press ketawa. Bermakna press tahu perkara ini berlaku tetapi Presiden Parti ataupun Perdana Menteri Malaysia dia tak tahu. Dia beritahu, dia kata, "saya tidak tahu sebab mungkin ada orang cakap-cakap tetapi buktinya tidak diberikan kepada saya. Berikan kepada saya dan saya ambil tindakan". Ini dalam hal politik wang dalam Umnolah. Jadi bermakna di sini bahawa kadangkala orang yang kompelin tentang rasuah ini dia pun "a party to the offence", dengan izin, sebab dia sudah beri duit itu, kalau sudah berlakulah, tetapi bila dia sudah beri baru dia nak cakap. Tetapi waktu itu dia tak mahu cerita sebab dia hendak kepada projek itu. Ini sebagai contohlah. Dia tidak berani tampil ke hadapan untuk memberitahu

sendiri bahawa, "ya, saya beri duit". Yang kita lihat selalu ialah berlaku "set-up". Berlaku set-up ini kerana ada orang sanggup datang dan kata bahawa si anuanu ini dia memang ambil duit. Jadi, ACA kata okay, kita fix satu masa, you beri duit, kita masuk. Itu yang kena tangkap. Tetapi orang ini kadangkala dia cakap ada, memang betul, mungkin dia kata dia tahu, dia memberi, tetapi dia tak sanggup tampil ke hadapan.

Hal rasuah ini kita kena faham. Rasuah ini dua hala; bukan sahaja yang terima salah, yang beri itu pun salah. Jadi yang beri ini tak mahu cerita, tak mahu beritahu dia sudah dapat projek, dia sudah kenyang dan dia pun takut bahawa mungkin dia pun salah, sebab memang dia salah, sebab pemberi rasuah itu pun juga melakukan kesalahan. Jadi, sebab itu tidak berbangkitlah bahawa ACA ini tidak menjalankan tugas mereka. Saya kira bahawa mereka menjalankan tugas mereka dengan baik dan mereka tahu apa yang hendak dilakukan oleh mereka.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sebagai contoh Presiden Umno tahu kalau ada berlaku politik wang, dia ambil tindakan menggugurkan beberapa orang daripada kelayakan untuk bertanding dalam pilihanraya Umno. Tetapi kalau gugur kelayakan mereka bertanding dalam Umno tetapi membenarkan mereka terus memegang jawatan dalam kerajaan sebagai Timbalan Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang, bukankah ini tidak konsisten, ini tidak serius? Inilah tidak menunjukkan bahawa kerajaan benar-benar serius untuk mahu membanteraskan "money politics"?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Tanjong, kita kena tahulah, politik wang ini macam-macam. Politik wang ini kadangkala menyediakan kereta untuk orang bergerak kempen, itu politik wang juga. Pertama sekali, ini hal dalaman parti yang mana perkara ini dia sebagai ahli Umno dan dia tidak dalam pemilihan parti. Jadi, oleh kerana itu tidak berbangkit soal dia dalam jawatan kerajaan kerana kita kena tengok juga? Yang Berhormat, inilah masalahnya, saya tak mahulah bincang hal Umno ini, sebab Yang Berhormat pun tak tahu.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti dahulu, saya tak habis jawab lagi, lepas ini cakaplah.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Gerik bangun.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini soal dalaman dan kadangkala offencenya menyediakan kereta untuk orang berjalan, memberikan telefon kepada beberapa orang, 10 orangkah, untuk contact dan kempen. Dia kena fasal ini sahaja, kita tak tahu sebenarnya apa offences yang dikomited oleh mereka?

Jadi, oleh kerana itu the severity of the action, kita kena tengok juga, maknanya apa yang dia buat. UMNO ini dia memang ketat (very strict) beri telefon pun salah. Beri telefon itu tidak boleh dikatakan sebagai kesalahan. Kalau dia sebagai Ketua Menteri beri telefon kepada kawan-kawannya, itu apa kesalahannya? Tidakkah dia sebagai Ketua Menteri kalau duitnya sendiri, dia hendak beri orang

telefon salahkah? Tidak salah. Tetapi dalam UMNO salah—waktu kempen. Jadi, kita tidak boleh simply strict sedemikian rupa di mana kalau parti rasa salah sahaja - kena salah, kita kena tengok kepada isi offence itu. Yang Berhormat ini pun peguam (*kepada Tuan Lim Kit Siang*) saya malu sedikitlah,.....

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): (*Bangun*)

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apa.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Gerik bangun.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada beliau sedar bahawa di antara sebab-sebab atau saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (Presiden UMNO) ialah supaya mereka yang bertanding dalam pemilihan UMNO tidak menggunakan politik wang dan juga tidak berkempen. Jadi, kemungkinan mereka yang telah diambil tindakan, ada dua kemungkinan.

- (i) mungkin kerana menggunakan wang; dan
- (ii) kerana berkempen lebih daripada yang boleh dibenarkan oleh UMNO sebagai sebuah politik.

Kalau kita lihat kepada syarat-syarat pemilihan UMNO, syarat kempen yang lebih berat, lebih ketat daripada kempen pilihan raya. Jadi, mungkinkah di antara mereka yang telah pun digugurkan sebagai calon dalam pemilihan UMNO ini kerana melanggar syarat-syarat berkempen dan bukan hanya tertumpu kepada politik wang?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tengok, orang yang faham dia tahulah. (*Ketawa*) Ha! Oleh sebab itu, kita jangan masuk dalam territory, dengan izin, yang kita 'raba-raba' tidak usahlah, cakap base on fact.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan dua kriteria tadi yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu 'politik wang' mungkin menjadi satu daripada sebab mengapa 6 orang termasuk ahli Exco dan seorang Timbalan Ketua Menteri digugurkan. Bukankah pengguguran mereka menunjukkan mereka menjadi tanda tanya sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. To quote his own words "He must not only be clean but must seem to be clean". Kalau begitu bukankah ini bercanggah dengan kedudukan di mana mereka digugurkan kerana terlibat dalam politik wang dan kalau sedemikian, they are not seen to be clean anymore, macam mana mereka ada kredibiliti dan kewibawaan untuk terus menerajui jawatan Timbalan Ketua Menteri? Mengapa BPR tidak mengambil tindakan? Bukankah ini menunjukkan BPR di bawah kuasa, dikontrol, dikawal oleh Perdana Menteri?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perkara ini sudah dijawab. Saya kata tadi, bahawa seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Gerik - mungkin dia digugurkan kerana politik wang, kerana kempen keterlaluan. Jadi, kempen keterlaluan kalau di bawah ACA secara besar, tidak hal parti, apakah kempen keterlaluan itu boleh menyebabkan seorang Timbalan Ketua Menteri itu letak jawatan. Apa kesalahannya? Tidak ada kesalahan dalam

negara kita ini yang mengatakan bahawa orang yang kempen berlebihan kena gugur jawatannya? Tidak ada. Pilihan raya - kita kempen. Saya tengok Yang Berhormat dari Kota Melaka di masa kempen pilihan raya, bersungguh-sungguh kempen. Jadi, sebab itu saya kata kita punya regulation terhadap pemilihan dalam parti sangat strict, sampaikan kempen keterlaluan pun tidak boleh dan mungkin yang enam orang ini digugurkan kerana kempen keterlaluan - tidak semestinya politik wang. Sebab itu tidak berbangkit iaitu bahawa kalau didapati salah sahaja digugur daripada bertanding, maka mesti gugur jawatan lain - tidak betul, tidak bolehlah. Cakap tentang....

Tuan Lim Guan Eng: Jangan main-main!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: bukan main-main, kita bercakap tentang keadilan, kena beri mereka keadilanlah, jangan main tembak daripada sana, benda tidak tahu apa, terus hendak hukum orang ini, kena letak jawatan Exco, letak jawatan lain. Mengapa cakap benda yang dia sendiri tidak tahu?

Kita hendaklah cakap benda yang kita tahu, kalau cakap benda yang kita tidak tahu - ini budak-budak. Sebab itu, saya ingat Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Tanjong saya haraplah, dengan izin, you know the fact then you cakaplah. Sebab saya duduk di sini, memang saya memerhati dan saya mendengar.

Saya akan menjawab dengan serius apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Jadi, kalau benda yang tidak tahu, kita tidak usah bangkitlah dalam Mesyuarat Jawatankuasa ataupun Majlis ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Seremban di bawah perangkaan dia menyebut iaitu ada beberapa cadangan yang telah dibangkitkan oleh beliau. Ini

merupakan satu perkara yang baik dan kita akan mengambil perhatian cadangan daripada beliau.

Yang Berhormat dari Jelebu juga membincang berkenaan dengan ACA, yang mana dia minta supaya ACA turun ke padang menghampiri masyarakat. Ini memang betul. Sebenarnya masyarakat ini takut dengan ACA. Sebab itu, saya lihat sejak akhir-akhir ini juga ada satu kempen yang dijalankan oleh ACA untuk mendekati mereka dengan masyarakat supaya masyarakat boleh tampil ke hadapan memberikan mereka maklumat-maklumat supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka untuk membasmi rasuah dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan masalah Perwaja. Saya ingat Perwaja ini masih dalam siasatan, jadi kita beri peluang kepada ACA untuk mereka menjalankan siasatan. Kadangkala ada lebih baik iaitu perkara ini dijalankan dengan berhati-hati dan jangan terburu-buru. Maklumat Yang Berhormat yang baru itu, saya rasa itu adalah merupakan perkara yang mustahak dan kalau Yang Berhormat fikir, Yang Berhormat sebagai warganegara Malaysia bebas untuk memberi maklumat kepada ACA ini.

Selain daripada itu Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkenaan dengan.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat. Kota Melaka bangun.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh! Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, mengenai Perwaja.

Yang pertama, saya ada bertanya tentang adakah Tan Sri Eric Chia telah disoal-siasat oleh BPR?

Yang kedua, mengenai maklumat yang diberikan, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu, sungguhpun itu satu perkara yang amat penting tentang Lawrence Lim yang sekarang menguruskan hal-hal kewangan Perwaja. Kalau begitu saya tidak perlu pergi ke ACA banyak kali, kerana Dewan ini adalah satu badan yang paling tinggi sekali dan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Kalau sebelum ini tidak tahu langsung, tidak dapat notis, saya terkejutlah, kalau macam ini nampaknya pegawai-pegawai Yang Berhormat tidak menjalankan kerja - tidak tahu bahawa Lawrence Lim ini memegang jawatan penting dalam Perwaja - ini bahaya, kalau dia benar-benar terlibat dalam penyelewengan 'we are putting a cat among the birds', dengan izin, Tuan Pengerusi. So, saya harap boleh diambil tindakan yang sewajarnya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah kata tadi iaitu saya tidak suka cakap benda yang saya tidak tahu. Jadi, kalau saya sampaikan kepada ACA, maknanya maklumat itu kena adalah dan mungkin pegawai-pegawai ACA pun sudah tahu - itu pun saya tidak tahu. Oleh sebab itu, kalau Yang Berhormat ada maklumat sebagai warganegara yang bertanggungjawab, yang melihat supaya satu siasatan yang betul boleh berlaku dan kita melawan rasuah ini. Apa bezanya Yang Berhormat dengan saya memberi maklumat kepada ACA? Tetapi kalau saya yang memberi tahu, nanti bangkit pula cerita iaitu bahawa kita yang menguasai ACA, semua maklumat kita sahaja yang beri. Jadi, Yang Berhormat berilah sendiri, kalau Yang Berhormat mempunyai maklumat yang penuh, Yang Berhormat boleh beri, apa bezanya saya hendak tanya?

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingat semua orang (*Kedengaran sesuatu bunyi gangguan*) termasuk papan pun 'marah' jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat (*Ketawa*). Saya rasa kalau sekarang saya timbulkan perkara ini, sepatutnya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil tindakan yang sewajarnya. Kalau tidak tahu ini adalah sesuatu yang bukan salah Yang Berhormat, kerana mungkin pegawai-pegawai Yang Berhormat tidak tahu. Tetapi saya rasa ACA tentu ada dalam Dewan yang mulia ini. Mereka patut mengambil tindakan serius sekarang kerana mereka tahu bahawa Lawrence Lim balik kepada jawatan lamanya. Kalau begitu apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan, kalau ini benar? Saya percaya kepada Yang Berhormatlah, kalau Yang Berhormat cakap akan 'pastikan', kalau ini berlaku tindakan akan diambil untuk memastikan Lawrence Lim tidak boleh menguruskan atau mengambil kuasa tentang hal kewangan dalam Perwaja. Jika dia betul-betul balik menguruskan Perwaja menerusi Maju Holdings dan Tan Sri Eric Chia belum jawab lagi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, pertamanya Lawrence Lim sudah didakwa atau belum? Ini kita tak tahu. Dia sudah didakwa atau belum? Dia bankrupkah? Dia penjenayahkah? Dia criminalkah yang telah didakwa. Yang tak boleh pegang jawatan ini ialah criminal, yang bankrup. Ini yang merupakan ciri-ciri ataupun perkara yang tidak seharusnya ada kepada satu manusia kalau dia hendak menjawat jawatan sebagai pengerusi dan lain-lain lagi. Yang Berhormat cakap tentang keadilan. Ini cuma baru semata-mata kerana dia pernah kerja di Perwaja Steel dahulu. Jadi, sekarang ini ambil dia, kerana dia belum tentu didapati bersalah melakukan penyelewengan. You have, dengan izin, you have allready penalised this guy, this person without give him a

chance. Kalau tidak ada dakwaan terhadap dia, mengapa dia tidak boleh menjawat jawatan itu. Kadangkala kita, apabila satu masyarakat kita ambil alih, kita hendak retain orang di situ kerana expertist diakah dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat kata dia bersalah, Yang Berhormat sudah buktikan dia bersalah? It is very prejudicial saya tengok.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan. Tuan Pengerusi, saya tak kata Lawrence Lim bersalah, tetapi saya bertanya, kalau seseorang yang meluluskan pembayaran RM76.4 juta kepada sebuah syarikat yang tidak wujud dan selepas itu lenyap sama sekali wang itu tak dapat dikesan, adakah betul kerana siasatan masih belum habis untuk membenarkan dia menjawat satu kedudukan yang penting dalam Perwaja sekarang? Itu perkara pokok kerana siasatan masih belum habis. Kalau begitu, kalau inilah lojik Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapa selepas Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dipulihkan sebagai Ketua Pemuda UMNO, mengapa dia tak jadi Ketua Menteri Melaka semula? Lojiknya sama, kerana siasatan masih belum habis. Itu perkara pokok. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengakui bahawa Lawrence Lim sekarang menjawat jawatan yang penting dalam Perwaja. Saya harap kita boleh dapat kepastian, ada atau tidak, dan bukan kerana dia bersalah. Itu bukan isu lagi. Isu utama, dengan izin, he is subject to investigation, and he is now assumed an important position. He is managing the financial portfolio and the financial account of Perwaja. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, mutu perbincangan ini rendah sangatlah saya rasa. Saya kesal, sebab Rahim tak jadi - bila dia dapat jadi Ketua Pemuda, kita beri balik kepadanya. Dia tak jadi Ketua

Menteri Melaka sebab dia bukan Ahli Dewan Undangan Negeri. Hendak jadi Ketua Menteri Melaka, kena jadi ahli Dewan Undangan Negeri Melaka. Pilihan raya sudah habis.

Tuan Lim Guan Eng: Yang kecil boleh.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Macam mana ni. Buat apa pilihan raya kecil. Marah kepada kita jangan bazir wang rakyat. Hari ini suruh buat pilihan raya kecil pula. Rugi dan membazir wang rakyat. Yang Berhormat consistentlah sedikit saya minta. Be consistent, I try as much to be consistent. Saya minta Yang Berhormat be consistent sedikit. Satu ketika untungkan dia, dia bagi kita boleh buat benda ini. Tak bolehlah macam itu. Jadi, begitu juga dengan Lawrence Lim. Saya pun tak kenal orangnya. Tetapi kita bercakap dari segi prinsipnya. Kadangkala dia menandatangani cek, kita tak boleh terus tuduh dia salah. Dalam peperangan, kadang-kadang the soldiers. Soldiers kadangkala dia pergi bunuh orang, bolehkah kita tangkap dia? Order itu datang daripada general.

Apakah kalau general itu seorang maniac, dia suka bunuh dan dia suruh bunuh. Dia terima order, dia bunuh. Adakah salah itu salah general ataupun salah soldier yang di bawah itu. Dia di bawah arahan untuk membunuh. Jadi, kita jangan cepat hukum orang. Ada maklumat yang betul-betul kukuh, bukan rapuhlah macam sign cek sahaja, kena. Sign cek kadang-kadang disuruh, macam mana? Bukan arahan datang dari atas, suruh sign kena signlah, hendak buat macam mana? Itu dalam syarikat. Kita boleh ketawalah sebab kita tak kerja untuk orang. Kalau kita kerja untuk orang, tengok macam mana.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat duduklah. Sebelum Yang Berhormat nanti menampakkan....

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, Serbian argument. Ini argument pengganas Serb.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: This is an argument of the Serbian terrorist, dengan izin. Terima kasih. Ini ialah argument yang dikeluarkan oleh pengganas Serb apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya amat terkejut. Kalau logik ini boleh dipakai, semua orang-orang Serb yang membunuh orang Muslim, orang Bosnia bebas, tak bersalah. Macam mana kita boleh terima orang sign cek tak bertanggungjawab. Dia seorang financial controller tak bertanggungjawab. Saya rasa mutu ini benar-benar rendahlah. Saya rasa Yang Berhormat cuba mempertahankan kerajaan, itu saya tak mengapa, tetapi jangan, do not defence the indefensible. Ini the perverse logic yang dipakai untuk membela seorang yang mungkin menyebabkan Perwaja hilang RM10 bilion. Itu bukan perkara remeh-temeh, itu perkara besar. Sekian.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya sudah cakap tadi. Lagi dia bercakap, lagi rendah mutu perbincangan dia. Saya bukan cakap saya ini pengganas. Dia cuba hendak main emosi Islam sedikitlah, bukan, kerana ramai orang Islam di sini. Jadi, dia sebut Bosnia Islam. Sebenarnya saya sama dengan International Court of Justice (ICJ). Kalau kita ikut logic dia ini, saya ingat di ICJ. International Court of Justice sekarang ini yang membicarakan kes-kes ini penuh dengan oranglah. Sebab tiap-tiap koperlah, tiap-tiap lans koperlah semua akan dipanggil, bertahun tak habis. Tetapi kalau kita tengok pada hari ini, yang didakwa

di dalam International Court of Justice, siapa yang didakwa? Semua kepala, general. Dia tak panggil individu yang di bawah, kerana mereka ini menerima order. Kita tengok pada hari ini, menerima order. Hari ini kalau kita tengok macam orang mendakwa Yahudi, kes pembunuhan Yahudi dalam peperangan. Yang didakwa bukan koperal. Yang didakwa ialah kepala-kepala, yang lari ke Argentina, yang lari ke Chile dan macam-macam lagi. General! Tak usahlah, saya cukup kasihan kepada dia.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Lagi....cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun lagi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah beri peluang baik.

Tuan Lim Guan Eng: Butasejarahlah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak beritahu dia cuba....

Tuan Lim Guan Eng: Missing history you have not read about the crime.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia hendak beritahu kepada saya bahawa....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka, dia tidak mahu beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Pusing sejarah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perangai sama dengan Serb punya - duduklah Yang Berhormat, saya sedang bercakap, tak betul ni!

Tuan Lim Guan Eng: Saya cakap fasal saya logik.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tak beri jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka sila duduk.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya punya standard sama dengan International Court of Justice, sebab kita cuma dakwa general sahaja. Standard saya tinggi Yang Berhormat. (*Ketawa*) Kita tidak dakwa orang yang koperal, yang lans koperal, private, sebab they are under orders. Begitu juga kita kena faham, di dalam syarikat juga begitu. Kadang-kadang orang itu hendak melepaskan - saya bukan hendak defend Lawrence Lim. Cuma yang saya tidak mahu bahawa kalau kita tidak tahu kenyataan, jangan hukum lagi. Be fair, bagi chance sama dia, bagi peluang sama dia. Ini Lawrence Lim! Lawrence Lim pun tak kenal dengan dia saya ingat, Yang Berhormat dari Kota Melaka, not fairlah macam itu. Jangan jump to conclusion. Nampak sahaja, sign mesti salah! Jangan begitu.

Kalau dia disuruh, ada company resolution suruh sign, kita tak tahu fakta ini, saya pun tak tahu. Jadi, sebab itu saya tidak mahu bercakap panjang tentang perkara yang saya sendiri tak tahu. Sebab itu, kita sebagai manusia bukan tahu semua. Yang Berhormat pun tak tahu juga tentang apa yang berlaku dalam UMNO baru-baru ini. Janganlah hendak menunjuk seolah-olah saya lemah, tak tahu perkara ini. Betul Perwaja Steel, daripada mata kasar orang yang bekerja di Perwaja Steel yang lama diambil kerja balik, tidak ada kesalahannya, melainkan kalau dia bankrup, kalau dia seorang penjenayah dan didapati bersalah, lainlah.

Jadi, saya ingat kadangkala double standard. Ini yang susah kadang-kadang pembangkang, saya bimbang. Sebab itu rakyat kena pilih Barisan Nasional, kita fair, bagi peluang kepada semua, dakwa dahulu, bawa ke mahkamah, jika didapati salah baru kita hukum dia. Ini belum apa-apa lagi sudah hukum orang salah. Saya ingat tak patut betullah. Jadi, inilah perbezaan di antara pembangkang dengan Barisan Nasional. Saya ucapkan terima kasih kepada mereka.....

Tuan Lim Guan Eng: Eric Chia belum jawab lagi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Eric Chia sebenarnya pada hari ini saya tidak mendapat maklumat yang mutakhir sama ada Eric Chia telah didakwa ataupun tidak, sama ada sudah disiasat ataupun tidak, tetapi saya percaya bahawa dalam Dewan ini juga ada pegawai-pegawai yang mencatat perbincangan ini, dan saya percaya selepas ini mereka akan membangkitkan perkara ini dengan Ketua Pengarah mereka. Kalau ada maklumat selepas ini saya dapat, insya-Allah tidak ada masalah, saya akan berikan kepada Yang Berhormat selepas ini.

Jadi, itu sahaja yang saya hendak sebutkan, dan saya ucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Tanjong, Kota Melaka, Jelebu dan Seremban. Kalau sekiranya ada perkara yang saya tertinggal, insya-Allah kita keluar Dewan ini boleh peringatkan kepada saya, dan saya akan berikan maklumat itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM359,855 untuk Maksud B.1; RM600,000 untuk Maksud B.6; RM30,000,000 untuk Maksud B.7; RM7,292,000 untuk Maksud B.9;

RM1,162,800 untuk Maksud B.10 dan RM3,392,900 untuk Maksud B.11 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM359,855 untuk Maksud B.1; RM600,000 untuk Maksud B.6; RM30,000,000 untuk Maksud B.7; RM7,292,000 untuk Maksud B.9; RM1,162,800 untuk Maksud B.10 dan RM3,392,900 untuk Maksud B.11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM50 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kerja bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM50 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1996.

**Maksud B.15 dan B.16 (Jadual)—
Maksud P.16 (Anggaran Pembangunan
(Tamb.) (Bil. 3) 1996)**

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.15 dan B.16 serta Kepala Pembangunan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Kepong.

7.12 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, masih ada satu jam setengah.

Tuan Pengerusi, B.16 dan juga P.16 dan B.15—Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Tuan Pengerusi, pihak kementerian pernah mengumumkan bahawa di dalam perancangan bandar, daripada 96 pihak berkuasa tempatan 32 sudah pun menghantar dan meluluskan satu pelan struktur dan 41 pun sudah mengadakan pelan struktur dan 23 lagi masih di dalam rancangan untuk mengadakan pelan struktur.

Tuan Pengerusi, di sini, sejak pengumuman ini, apakah bilangan yang sudah pun menyiapkan pelan struktur di Semenanjung dan bilakah yang bakinya—di Semenanjung, dapat melaksanakan pelan induk ini, kerana di dalam pelan-pelan induk ini memang kita dapat menggunakan tanah dengan baik, terutamanya di bandar.

Tuan Pengerusi, saya nampak daripada pengumuman oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, maklumat untuk pelan-pelan struktur di Sabah dan Sarawak tidak ada. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengenai Sabah dan Sarawak, bilangan pihak berkuasa tempatan dapat menyiapkan pelan-pelan struktur ini dan bilangan yang belum siap lagi dan kalau belum siap, bilakah mereka akan siapkan pelan-pelan struktur yang penting untuk perancangan yang lebih teratur dan juga pelan-pelan tempatan, iaitu susulan kepada pelan-pelan struktur?

Daripada pelan-pelan struktur yang disediakan yang 41 jumlahnya, bagaimana pihak kementerian dapat mengawalseliakan pelan-pelan ini terutamanya pelan-pelan struktur kerana saya nampak DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) misalnya, pelan struktur sudah disediakan pada tahun 1982 dan di dalam tempoh 14 tahun ini baru sahaja ada ura-ura untuk mengkaji semula dan di dalam tempoh 14 tahun ini, saya nampak dari semasa ke semasa ada pelan-pelan tempatan, tetapi

pelan-pelan ini tidak mengikut apa yang digariskan dalam pelan struktur. Saya pun tidak faham, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab untuk bandar Kuala Lumpur tidak begitu fasih di dalam masalah seperti ini, kerana kita ada pelan struktur yang sudah tidak boleh dipakai lagi kerana sudah lebih daripada satu dekad dan kemudian kita ada pelan-pelan tempatan yang tidak mengikut garis panduan yang lama. Itulah masalahnya sekarang.

Bagaimana pihak kementerian dapat mengawalseliakan pelan-pelan struktur yang diadakan di semua kawasan dan adakah pihak kementerian dapat mengesan pelan-pelan struktur ini yang tidak mengikut garis-garis panduan yang telah ditetapkan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bilangan pihak berkuasa tempatan yang akan mengkaji semula pelan-pelan struktur mereka, kerana lebih 10 tahun atau pun 15 tahun tempohnya, misalnya, di Seremban, di Melaka dan di Johor Bahru, saya nampak sudah lebih 10 tahun dan bilakah kajian semula akan diadakan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya, saya hendak mengetahui apakah dasar yang digubalkan oleh pihak kementerian mengenai kajian semula? Adakah ini kajian semula ini dibuat setiap 5 tahun ataupun setiap 10 tahun atau setiap 15 tahun dan kalau kita ikut arus perkembangan di Kuala Lumpur, kita nampak dalam tempoh 5 tahun banyak benda yang berubah dan mungkin satu garis panduan perlu diadakan untuk memastikan pihak yang tertentu mengadakan kajian semula pada masa yang tepat.

Tuan Pengerusi, mengenai perancangan desa, oleh sebab kita kurang mendapat maklumat mengenai perancangan desa—apa maklumat yang dikeluarkan, biasanya adalah daripada

Kementerian Luar Bandar dan tahun yang lepas, Kementerian Luar Bandar ada membuat satu penyusunan semula mengenai struktur pentadbiran kementerianya dan di dalamnya ada tiga unit yang telah diwujudkan, iaitu Kemajuan Wilayah, Program Pembangunan Desa (PPD) dan Pembangunan Tanah. Saya hendak mengetahui bagaimana pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat menyelaraskan dengan pihak Kementerian Luar Bandar mengenai perancangan desa ini.

Saya nampak perancangan itu telah dilakukan oleh pihak Kementerian Luar Bandar semata-mata. Kalau itulah yang dilakukan, mengapa perancangan desa masih dimasukkan di dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Itu saya rasa hairan juga. Satu pertindihan dan juga merupakan satu bidang tugas yang bertindih-tindih yang tidak begitu bermakna. Kalau pihak kementerian tidak melakukan apa-apa ke atas perancangan desa, mengapa kita masih masukkan di dalam kementerian ini. Itu masalahnya.

Tuan Pengerusi, mengenai Bomba. Sebenarnya, di dalam Bomba ini memang hampir RM10 juta sudah pun digunakan untuk membiayai bayaran kemajuan bagi tiga projek, balai dan kuarters dan juga hampir RM9 juta telah digunakan untuk pembelian alat kelengkapan balai-balai yang baru siap pembinaannya.

Tuan Pengerusi, saya hendak menarik perhatian kepada keperluan untuk mengadakan lebih banyak projek balai dan kuarters dan juga bukan sahaja kita mesti mengadakan lebih banyak tetapi kualiti ahli-ahli bomba mesti dipertingkatkan dan juga kelengkapan kerana di banyak kawasan termasuk di kawasan saya, dua, tiga hari yang lepas ada kebakaran juga dan dalam kebakaran ini kita nampak kadang kala tekanan air

tidak mencukupi dan juga kualiti setengah-setengah ahli bomba pun mungkin boleh dipertingkatkan.

Saya mengakui bahawa kebanyakan ahli bomba itu baik, kebanyakannya itu memang memainkan peranan yang penting bertugas dengan baik tetapi perlu kita mengkaji sama ada kita boleh mempertingkatkan lagi bagi ahli-ahli yang tidak begitu cekap, tidak begitu beramanah untuk menjalankan tugas ini.

Tuan Pengerusi, itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tahu ya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7.23 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang menyentuh beberapa perkara tentang dua jabatan yang di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Mengenai dengan pertanyaan apa sebabnya tidak ada laporan tentang pelan-pelan struktur bagi negeri Sabah dan Sarawak, ingin saya memberi makluman kepada Ahli Yang Berhormat, kedua-dua negeri ini memang bertindak dalam akta yang tidak bersama dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa yang digunakan untuk Semenanjung. Ini sebab pihak yang di sana tidak menggunakan pelan-pelan struktur seperti yang diamalkan di Semenanjung di sini.

Walau bagaimanapun, memang ada pelan-pelan tempatan yang diwujudkan di Sabah dan di Sarawak dan mereka ini terus dikendalikan oleh pihak-pihak di negeri-negeri masing-masing.

Untuk menjawab pertanyaan tentang tempoh masa sesuatu pelan struktur itu digunakan, ingin saya jelaskan di sini, pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa hanya menjadi penasihat kepada negeri-negeri masing-masing untuk mengadakan dan menyediakan pelan ini dan apabila pelan ini disediakan, pihak negeri yang menggunakan pelan itu ada kuasa terhadap pelaksanaan pelan itu atau memastikan sama ada pelan-pelan tersebut sudah tidak boleh digunakan atau sudah masanya cukup untuk dikaji semula dan sebagainya dan jika sesuai untuk dikaji semula lagi, pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa juga diminta untuk membuat kajian dan peranannya ialah sebagai penasihat teknikal sebagai jabatan teknikal untuk memberi sokongan kepada negeri-negeri masing-masing.

Tentang pembangunan desa, ini memang tidak ada percanggahan di antara Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai peranan mereka masing-masing. Sebenarnya, pembangunan desa ini memang diambil kira oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan peranan mereka juga sama dengan pelan struktur bagi bandar.

Dan mengikut pelan-pelan yang berkenaan, ciri-ciri dalam pelan-pelan berkenaan dan setiap rancangan pembangunan desa itu dikendalikan oleh pihak negeri masing-masing atau pihak pembangunan wilayah yang berkenaan. Peranan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa adalah sama iaitu menjadi penasihat kepada pihak-pihak yang berkuasa.

Mengenai bomba pula, saya ingin mengucapkan terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana memuji tentang perkhidmatan anggota bomba. Kita akuilah memang ada kadangkala perkara-perkara yang tidak diingini berlaku dan semua ini ada tertibcara untuk mengawal sesuatu anggota bomba yang berlaku cuai atau tidak mengikut syarat-syarat yang berkenaan dalam masa membuat operasi, tindakan akan diambil terhadap mereka semua ini jika mereka dipersalahkan.

Saya rasa itu sahajalah jawapan saya tentang perbahasan dari Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,528,600 untuk Maksud B.15 dan RM24,386,100 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,528,600 untuk Maksud B.15 dan RM24,386,100 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20,000,000 untuk Maksud P.16 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20,000,000 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1996.

Maksud B.18 (Jadual)—**Maksud P.18 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1996)—**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama dan P.18 terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

7.30 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.18 dan P.18.

Saya tertarik kepada hampir RM5 juta dibiayai bayaran akhir sistem komputer iaitu Sistem Maklumat Hutan Negara Jabatan Perhutanan Semenanjung dan juga untuk Geography Information System, Remote Sensing dan Integrated Information System untuk Jabatan Perhutanan Sarawak.

Tuan Pengerusi, pada akhir-akhir ini saya mendapat tahu bahawa walaupun Akta Perhutanan telah dipinda untuk memberi lebih kuasa kepada pihak yang tertentu supaya dapat mencegah pembalakan haram dan sebagainya, satu peraturan yang lebih ketat telah pun diadakan untuk menghalang daripada berlakunya pemberian konsesi-konsesi balak dengan rambang dan dengan cara yang tidak betul.

Walau bagaimanapun, nampaknya penyelarasan di antara pihak Kerajaan Persekutuan dengan pihak kerajaan-kerajaan negeri adalah tidak begitu berkesan. Misalnya, di banyak tempat, termasuk di Rompin. Di Rompin, penyelesaian masalah pembalakan haram tidak begitu berkesan juga walaupun Yang Berhormat Rompin itu tidak begitu prihatin kepada masalah yang wujud kerana balak.

Masalah sekarang, kerana undang-undang tanah itu di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing dan apabila pihak Kerajaan Persekutuan hendak

melaksanakan undang-undang mengenai balak dan sebagainya ini, memang mereka menghadapi kesusahan.

Misalnya, saya diberitahu bahawa apabila konsesi-konsesi perhutanan sebelum akta itu dipinda, ada konsesi yang diberi kepada pihak-pihak yang tertentu, termasuk ada setengah-setengah itu pihak diraja dan sebagainya, tetapi sekarang saya nampak konsesi-konsesi ini mungkin diberi kepada konco-konco politik sekarang. Itu masalah.

Apabila kita hendak mengemaskinikan peraturan-peraturan, tetapi ada setengah-setengah itu mencari lubang yang lain untuk melanggar peraturan yang tertentu. Tetapi adakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji setakat mana pihak Kerajaan Persekutuan dapat melaksanakan kuasanya ke atas kerajaan-kerajaan negeri mengenai tanah, terutamanya tanah hutan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Rompin bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, sekarang dia prihatin sedikit. (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sungguh tertarik dengan keprihatinan Kepong tentang isu hutan dan isu pembalakan. Kita mengucapkan syabas. Tetapi dua perkara saya hendak minta penjelasan. Pertama, bila kali yang terakhir dia melawat hutan-hutan ini atau dia hanya bercakap daripada bandar sahaja? Hutan Kepong, saya ingat FRIM itu pun dia tidak pernah masuk.

Yang kedua, tuduhan yang terlalu melulu tadi. Faham apa makna perkataan "melulu" ya? Tak tentu arah. Apakah Kepong mempunyai bukti yang tertentu.

Sebab saya nampak banyak kerajaan negeri dari segi pemberian kawasan-kawasan konsesi sudah ada sistem tender. So, tuduhan ini kalau datang dari Ketua Pembangkang atau dari Kota Melaka itu, itu biasalah pada mereka, tetapi dari Kepong ini, saya kurang hormat sedikitlah. Minta sedikit penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, mujurlah Yang Berhormat Rompin bukannya menteri sekarang. Dia hendak berlagak sebagai menteri sekarang. Saya hendak tolong dia sebenarnya. Hendak tolong sebenarnya mengenai sistem tender untuk konsesi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama mengkaji dan membuat siasatan ke atas semua pemberian tender konsesi tanah?

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun pula Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat menghalakan kepada saya. Saya Kementerian Pertanian, bukan Perusahaan Utama. (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bolehkah kementerian Yang Berhormat mengkaji kemungkinan untuk membuat siasatan ke atas semua pemberian konsesi tanah, hutan terutamanya di seluruh negara supaya kita dapat mengetahui semua pemberian ini adalah mengikut peraturan-peraturan yang tertentu dan satu lagi, dengan sistem berkomputer maklumat hutan negara ini, setakat manakah pihak kementerian berjaya mewujudkan satu sistem sustainable—sistem yang mampan untuk hutan.

Sebab semalam saya ada berbincang dengan pembalok, terutamanya dari Pantai Timur—Terengganu dan Kelantan. Saya diberitahu, ini saya tidak ada bukti, cuma

dengar sahaja bahawa usaha untuk memulih atau menanam semula adalah tidak begitu berkesan walaupun kenyataan dari kementeriannya begitu lantang dan begitu baik, tetapi sebenarnya tidak begitu berkesan. Bolehkah Yang Berhormat dari Kementerian Perusahaan Utama membuat siasatan sama ada semua rancangan untuk memulihkan kawasan-kawasan hutan dan untuk menanam semula di dalam semua ladang itu berkesan?

Saya nampak tidak begitu berkesan sebab.....

Tuan Pengerusi: Tadi Yang Berhormat kata dengar sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Dengar. Sebab itulah saya kata hutan....

Tuan Pengerusi: Kemudian Yang Berhormat kata nampak pula.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tak nampak. Saya tak nampak. Kalau nampak pun, itu kawasan FRIM sahajalah—kawasan penyelidikan hutan di Kepong. Saya masuk ke FRIM.

Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi, saya setuju. Saya tidak ada bukti. Tetapi kalau saya hendak melawat semua hutan pun susah Tuan Pengerusi. Saya tidak ada helikopter dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya nampak ada usaha untuk kegiatan hiliran sekarang. Itu baik juga, Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya. Rompin bangun. Yang Berhormat ada masa seminit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Seminit lagi?

Tuan Pengerusi: Ya. Hendak beri jalankah kepada dia?

Dr. Tan Seng Giaw: Satu minit sahaja?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Satu saat sahaja. Tuan Pengerusi, dia kata dia tidak pergi ke hutan sebab saya nampak walaupun dia pakar kulit, tetapi nampaknya semakin hari nampak lebih tua sedikit. Dia perlu dapat oksigen yang baik, dengan udara yang nyaman. Sebab itu, saya cadangkan dia pergi masuk ke hutan macam Endau Forest Resort ini. It is good for you, dengan izin, Tuan Pengerusi. Tetapi dia tak mahu ambil nasihat saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya akan pergi ke Taman Negara dan tiap-tiap hari saya ada peluang masuk ke FRIM dan Tuan Pengerusi pun tahu saya prihatin kepada pokok-pokok dan sebagainya kerana bagi tiap-tiap manusia kita mesti kembali kepada alam semula jadi.

Tuan Pengerusi, lebih RM11 juta telah pun digunakan oleh pihak kementerian untuk kegiatan hiliran, itu baik kerana kita hendak satu dasar hutan yang mampan, memang kita mesti menggalakkan aktiviti-aktiviti hiliran supaya nilai ditambahkan, dapat ditingkatkan lagi.

Misalnya, Tuan Pengerusi, saya nampak satu perkampungan perabot Kedah dan satu sistem perparitan perkampungan perabot di Selangor. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan setakat mana kita dapat menjayakan perkampungan perabot, misalnya di Kedah sebab perabot ini memang mempunyai satu sistem yang tersendiri dan satu sistem yang begitu rumit dan saya tidak pernah tengok satu kampung digunakan untuk perabot sahaja dan bagaimana kita dapat menjayakan perkampungan seumpama ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

7.42 mlm.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan peruntukan tambahan.

Yang pertama, saya ingin menyentuh tentang pembalakan haram yang mana Yang Berhormat katakan ada di Rompin. Perkara ini juga dahulu beliau telah sentuh, tetapi yang sebenarnya pembalakan haram di Rompin adalah tidak benar, tidak ada, saya tidak tahu di mana Yang Berhormat dapat dengar, cuma mungkin Yang Berhormat cuba-cuba sahaja. Dahulu Yang Berhormat telah bangkitkan perkara ini dan saya pernah menjawab bahawa perkara ini tidak benar. Tetapi namun demikian, tidak dinafikan berlaku kegiatan pembalakan haram kecil-kecilan, walau bagaimanapun, kegiatan tersebut adalah terkawal.

Mengenai pembalakan haram, kerajaan-kerajaan negeri termasuk Sabah dan Sarawak sentiasa mengambil tindakan tegas yang wajar untuk membendung kegiatan tersebut dengan mendakwa mereka yang terlibat ke mahkamah.

Mengenai dengan jumlah kes pembalakan haram, memang telah menurun dari 500 kes dalam tahun 80-an dan kurang kepada 100 kes dalam tahun-tahun 90-an selepas akta perhutanan dipinda. Dalam persidangan.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan walaupun bilangan sudah turun daripada 500 kes; apakah bilangan kes misalnya di Sarawak? Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di Sarawak memang susah untuk menguatkuasakan Akta Perhutanan?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:
 Saya tidak ada jumlah kes-kes di Sarawak, tetapi memang berlaku kes-kes di Sarawak. Di mana tidak begitu serius, hanya akan dikompaunkan. Sekiranya kes itu serius, barulah kes dibawa ke mahkamah. Tetapi kalau Yang Berhormat hendak bilangannya, saya beri kemudian secara bertulis.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mencegah pembalakan haram. Di antara langkah-langkah yang kementerian lakukan ialah:

- melaksanakan rondaan dan pengawalan bersama di antara Jabatan Perhutanan, Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia;
- menyediakan sistem hadiah untuk menggalakkan orang awam dan pegawai-pegawai perhutanan memberi maklumat dan membantu usaha-usaha membanteras pembalakan haram. Memang tidak boleh dinafikan adalah agak sukar untuk kami mencegah atau menghindarkan mereka atau rakyat yang sengaja hendak mencuri balak;
- menggunakan pesawat udara seperti helikopter untuk mengawal operasi pembalakan dan mengesan pembalakan haram;
- kami menyediakan sistem pembalakan yang lebih teratur melalui catuan tebang tahunan yang telah dikurangkan daripada 71.000 hektar setahun untuk tempoh Rancangan Malaysia Kelima kepada 52.250 hektar untuk Rancangan Malaysia Keenam;
- menghadkan atau menetapkan pengeluaran kayu balak dari sesuatu kawasan dan

memperluaskan penandaan kayu untuk memperkemarkan lagi pengawalan ke atas pemindahan dan pergerakan kayu balak;

- menubuhkan satu pasukan penguatkuasa untuk menjalankan siasatan, pencegahan dan perisikan secara lebih berdikari berbanding dengan pegawai di peringkat negeri;
- menyebarkan dengan lebih meluas maklumat-maklumat mengenai implikasi pelaksanaan Akta Perhutanan Negara 1984 supaya semua pihak yang terlibat dengan aktiviti pembalakan memahami denda-denda dan penalti yang telah dipertingkatkan, termasuk penjara mandatori bagi pembalakan haram dan menggantung atau membatalkan lesen-lesen membalak serta meningkatkan kadar denda dan penalti termasuk penjara mandatori bagi pengusaha-pengusaha yang terlibat dalam pembalakan haram.

Perkara ketiga Yang Berhormat timbulkan ialah tentang pemberian kawasan balak. Bagi pihak kementerian, saya nafikan. Tidak ada penyelewengan tetapi sekiranya Yang Berhormat dari Kepong ada bukti yang sahih, silalah beri laporan kepada kami.

Mengenai dengan pengagihan kawasan balak, kementerian saya menyedari bahawa misi Jabatan Perhutanan ialah untuk mengurus hutan supaya dapat memberi faedah yang optimum secara bekalan untuk kepentingan sosio-ekonomi dan kestabilan alam sekitar. Untuk makluman Yang Berhormat, isu pengagihan kawasan balak adalah di bidang kuasa kerajaan negeri, walau bagaimanapun. Kerajaan Pusat telah pun menggalakkan kerajaan negeri untuk mengamalkan sistem pemberian kawasan pembalakan yang lebih adil dan lebih terbuka seperti melalui sistem tender.

Juga dalam Persidangan Perhutanan Negara pada bulan Februari 1996, Kementerian Perusahaan Utama telah bercadang untuk mewujudkan sistem pemberian konsesi jangka panjang dan kerajaan-kerajaan negeri telah pun bersetuju untuk melaksanakan sistem konsesi jangka panjang ini.

Tadi Yang Berhormat ada sentuh tentang sistem maklumat mengenai usaha menanam semula. Usaha menanam semula ini Yang Berhormat dengar-dengar sahaja mengenai tidak begitu berjaya, tetapi untuk maklumat Yang Berhormat, bagi negara kita yang beriklim tropika dan tanah subur, kawasan-kawasan yang sudah dibalok secara tebangkan memilih tidak perlu ditanam semula tetapi hanya dijalankan rawatan Sivilculture. Bagi kawasan yang kurang subur, rawatan Sivilculture ini termasuk tanaman mengkaya atau enrichment planting, dengan izin, sekiranya perlu. Sungguhpun begitu, bagi hutan tanah kerajaan atau swasta yang dibuka bagi maksud pembangunan ekonomi, kita tidak menjalankan aktiviti penanaman semula melainkan kawasan yang dijadikan ladang hutan. Ladang hutan pun saya rasa dalam Dewan yang mulia ini saya sudah beberapa kali memberi maklumat tentang ladang hutan.

Mengenai dengan perkampungan perabot, untuk maklumat Yang Berhormat, perkampungan perabot ini merupakan projek yang diberi keutamaan dalam meningkatkan penyertaan bumiputera dalam industri perabot berasaskan eksport, selaras dengan matlamat untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera di bawah Dasar Pembangunan Nasional. Tujuan projek ini adalah untuk menyediakan tapak pengeluaran perabot yang lengkap dan teratur bagi membolehkan pengusaha perabot dapat membesarkan operasi pengeluaran dalam usaha merebut peluang pasaran eksport dan kontrak pembalakan bagi projek-

projek besar dalam negeri. Projek ini dilaksanakan secara bersepadu dengan menggabungkan penyediaan kemudahan bersama seperti logi peringan tanor, depo kayu, pusat kemasihan logi pengawitan kayu, dewan pameran, program latihan dan sebagainya.

Buat masa ini kerajaan telah mewujudkan 5 perkampungan perabot, lokasinya ialah:

- (i) di Terengganu—Perkampungan Perabot Padang Saujana Setiu, Terengganu dengan keluasan 247.5 ekar;
- (ii) di Selangor—Perkampungan Perabot Ulu Yam, Selangor dengan keluasan 180 ekar;
- (iii) di Pahang—Perkampungan Perabot Temerloh, Pahang dengan keluasan 223 ekar;
- (iv) di Perak—Perkampungan Perabot Belanja, Perak dengan keluasan 146 ekar; dan
- (v) di Kedah—Perkampungan Perabot Bukit Selambau, Daerah Kuala Muda dengan keluasan 100 ekar.

Jadi, peruntukan-peruntukan telah pun disediakan oleh kerajaan untuk mewujudkan perkampungan perabot di lima-lima negeri yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja jawapan saya kepada perbahasan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,987,200 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Wang sebanyak RM4,987,200 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM11,665,000 untuk Maksud P.18 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM11,665,000 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1996.

Maksud B.19 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Ya, Bagan.

7.52 *mlm.*

Tuan Lim Hock Seng (Bagan): Tuan Pengerusi, saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan lesen menangkap ikan.

Kami selalu mendengar ada perahu-perahu menangkap ikan dari satu negeri lesennya diberi oleh sesebuah negeri itu melangkau ke sempadan negeri yang lain. Misalannya perahu dari Pulau Pinang melangkau ke sempadan Kedah atau sempadan Perak dan mereka ditahan oleh marin dan selepas itu diserahkan kepada Jabatan Perikanan. Mereka didenda dengan sekian amaun.

Saya ingin bertanya di sini, sama ada kerajaan boleh menimbang supaya nelayan dari satu-satu negeri boleh menangkap ikan di perairan sempadan negeri yang lain? Jikalau boleh bagaimana caranya hendak memohon dengan secara rasmi dan sah? Itu sahaja. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Kangar.

7.54 *mlm.*

Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar): Tuan Pengerusi, sukacita saya mengambil bahagian dalam membahaskan Kepala B.19—Kementerian Pertanian, berkait dengan pertanian.

Sebagai makluman, pertanian di Perlis terbahagi kepada dua. Satu, di bawah IADP dan satu lagi di bawah MADA. Nampaknya prestasi pertanian dalam kawasan MADA adalah lebih baik daripada kawasan IADP dari segi bekalan air.

Dalam kawasan IADP negeri Perlis, didapati sebuah empangan iaitu ada Empangan Timah Tasuh dan empangan ini berbeza daripada empangan-empangan lain, sebab empangan-empangan lain di sekelilingnya hutan, tetapi Empangan Timah Tasuh, di Perlis di sekelilingnya ialah kawasan penempatan manusia.

Walau bagaimanapun, kita bersyukur kerana jasa baik kerajaan, kita mendapat bekalan air yang cukup. Namun begitu, kita menghadapi masalah kerana kita dapati empangannya baik, tetapi masih ada lagi sungai-sungai yang perlu kita baiki dan kita minta jasa baik Dewan ini daripada Kementerian Pertanian supaya membanyakkan lagi aktiviti ataupun peruntukan untuk membaikpulih sungai-sungai yang sedia ada demi satu, untuk meningkatkan hasil pertanian, aktiviti pertanian dan juga untuk mengurangkan kejadian banjir di negeri Perlis, malah di kawasan MADA sama juga di IADP didapati ada kawasan-kawasan lintasan ladang. Jadi, dengan pendekatan baru dan infrastruktur baru, perlu diperkemaskan memandangkan keperluan dalam kawasan-kawasan ini termasuk jentuai dan sebagainya memerlukan jambatan-jambatan atau lintasan-lintasan yang lebih besar daripada yang ada sekarang.

Di segi perikanan ini juga, sukacita saya meminta jasa baik daripada Kementerian Pertanian supaya memperketatkan lagi kemasukan bot-bot nelayan asing. Maklumlah di Perlis kita dapati ada sempadan antarabangsa yang di lautnya tidak ada batu sempadan, kadang-kadang kita anggap yang kawasan di sebelah Thai pun kawasan kita dan orang Thai pun menganggap bahawa sebelah kita pun kawasan Thai. Walau bagaimanapun, kita mintalah supaya penguatkuasaan diadakan dengan lebih ketat lagi demi menjaga kebajikan nelayan-nelayan kita di samping menjaga hasil-hasil ataupun sumber-sumber laut kita tidak diteroka dengan begitu bebas.

Begitu juga nelayan-nelayan meminta supaya Akta Perikanan dikaji semula agar hukuman-hukuman tidak begitu berat. Misalnya ada hukuman dalam akta sekarang didapati bila melakukan kesalahan bagi kali ketiga, kalau tidak silap saya, bot-bot mereka hukumannya 'rampas' ataupun 'disita' melalui keputusan mahkamah. Jadi, kita mintalah supaya pihak kementerian mengkaji semula agar diperbanyakkan kuasa menteri —bukan kuasa mahkamah—supaya menteri dapat mengambil pertimbangan kepada nelayan-nelayan ini. Maklumlah nelayan-nelayan ini merupakan penyokong kuat dan juga yang setia kepada kerajaan. Jadi, kita mintalah supaya dipertimbangkan dan dikaji semula Akta Perikanan ini.

Pada satu masa dahulu MARDI berhajat untuk mewujudkan satu zon buah-buahan mulai daripada Perlis, Kedah dan sampailah ke Utara Perak dengan bertujuan supaya kita dapat menghasilkan buah-buahan sendiri dan dapat mengurangkan aliran keluar wang kita, iaitu dengan mengurangkan import buah-buahan. di mana di Perlis kita dapati dicadangkan untuk dijadikan zon buah-buahan. mengeluarkan hasil utama, dari segi buah-buahannya ialah mempelam harum manis.

Manakala di Kedah pula dicadangkan dikaji untuk dicuba tanam dengan tanaman dokong, seperti di daerah Baling dan sebagainya.

Di Perak didapati sesuai untuk ditanam dengan satu jenis mempelam iaitu mempelam 'cukanan' iaitu spesis daripada Thailand juga, di mana mempelam ini sesuai untuk ditanam di tanah-tanah yang stressnya dari pasir. Manakala bagi tanaman mempelam harum manis stressnya merupakan musim ataupun iklimnya ada ciri-ciri iklim monsun. Jadi, perkara inilah Tuan Pengerusi, saya minta Kementerian Pertanian mengkaji semula supaya kita dapat mempertingkatkan lagi hasil-hasil pertanian kita termasuklah hasil padi yang merupakan makanan asasi bagi rakyat negara ini.

Sekian, terima kasih.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Jelebu.

7.58 *mlm.*

Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu): Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian bagi membahaskan Maksud B.19—Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara mengenai dengan Negeri Sembilan Timur (NST). Saya difahamkan pada waktu ini, walaupun perkhidmatan yang telah diberikan oleh NST di bahagian Negeri Sembilan Timur dan juga Jelebu termasuk di dalam kawasan berkenaan, telah begitu baik pencapaiannya dan telah memberikan banyak keuntungan kepada petani-petani yang ada di kawasan Parlimen Jelebu. Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, pada waktu ini saya difahamkan peruntukan-peruntukan bagi program-program di bawah Negeri Sembilan Timur ini telah pun kehabisan.

Saya berharaplah kerana banyak lagi perkara-perkara yang harus diselesaikan di peringkat bawahan dan kebanyakan petani-petani yang telah mendapat faedah di bawah Program Negeri Sembilan Timur (NST) telah mencapai dan menunjukkan kejayaan, di mana banyak di antara hasil-hasil tanaman mereka telah dipasarkan keluar seperti pisang, tebu, nenas, belimbing madu dan sebagainya.

Jadi, saya berharap dengan adanya usaha yang lebih positif daripada Kementerian, semoga peruntukan kepada NST akan dapat ditokok tambah, dan saya minta supaya NST akan dapat dikekalkan tugasannya kepada petani-petani di kawasan Negeri Sembilan Timur.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang peranan JPS di dalam usaha untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Parlimen Jelebu. Pada waktu ini kalau kita lihat rata-ratanya JPS telah pun menghabiskan ataupun hampir menghabiskan tugas-tugas untuk memperbaiki dan meluruskan sungai-sungai yang ada di kawasan berkenaan. Namun apa yang menjadi permasalahan sekarang ialah bayaran pampasan yang diberikan kepada pemilik-pemilik tanah ataupun rumah yang terlibat di dalam kawasan pengambilan balik tanah untuk kerja-kerja pembaikan sungai-sungai telah menimbulkan masalah yang begitu gawat sekarang ini, kerana kita dapati pemilik-pemilik tanah dan rumah berkenaan walaupun dapat pampasan RM10,000 ke RM20,000 telah tidak dapat untuk mencari tempat yang baru. Kalau kita lihat kalau pun mereka itu mendapat RM20,000, rumah yang hendak dibeli itu rumah murah pun tak dapat.

Jadi, saya berharaplah supaya kalau benar-benar JPS ini untuk mengenal pasti tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang diperlukan, ambil sajalah kawasan-kawasan dan tanah yang diperlukan.

Kawasan-kawasan yang lain tidak terlibat dengan projek-projek tersebut janganlah diambil. Ini kalau boleh dikaji semula dan saya berharap, kerana orang kampung itu sajalah tanah yang mereka ada, dan tanah lain maklum sajalah sekarang ini untuk memohon kawasan yang baru amat susah. Jadi, kita fikirkan ke manakah mereka ini hendak ditempatkan. Kadang-kadang tanah-tanah tersebut yang dimiliki dalam satu geran sampai 10 orang penama yang terlibat. Tanah yang diambil balik ataupun yang dilibatkan dalam proses pembaikan sungai itu hanya satu-dua orang. Maka 7 orang yang lain itu tidak terlibat. Mereka mendapat peruntukan pampasan, tetapi rumah juga terpaksa dipindahkan ke kawasan yang lain. Tanaman-tanaman yang telah diusahakan selama ini terpaksa diberikan balik kepada JPS. Kalau mereka hendak mengusahakan balik tanah tersebut dan pertanian yang ada, tanaman yang diusahakan selama ini terpaksa memajak semula kepada pihak JPS.

Jadi, ini menimbulkan permasalahan yang amat besar di kawasan Parlimen saya, dan saya mintalah JPS kaji balik, dapatkan maklumat yang sempurna. Saya harap pihak Kementerian melalui ibu pejabat JPS akan turun ke padang melihat sendiri masalah yang berlaku. Jangan hanya kita percayakan kepada laporan di atas kertas yang dikemukakan oleh pihak jabatan di peringkat daerah, kerana mereka ini kadang-kadang pun tidak begitu boleh menyelesaikan masalah. Saya yakin dan percaya sekiranya perkara ini dapat diusahakan oleh pihak ibu pejabat, maka mungkin satu-satu perundingan semula akan dapat dibuat, dan mereka yang terlibat tidak akan begitu tertekan keadaannya.

Saya kluatir keadaan ini akan menimbulkan permasalahan di dalam sokongan mereka kepada kerajaan. Ini yang kita bimbang dan kluatirkan. Saya

berharaplah perkara ini tidak akan berpanjangan. Harapan saya pihak ibu pejabat JPS dan kementerian akan dapat menangani masalah ini dengan baik.

Satu perkara lagi Tuan Pengerusi, mengenai dengan perikanan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah cadangan untuk mewujudkan Pusat Latihan Penyelidikan Ikan Air Tawar di kawasan Parlimen Jelebu saya di atas tanah seluas 300 ekar akan diteruskan ataupun tidak? Kalau diteruskan, bila dan berapakah peruntukan yang akan tersedia, dan kalau tidak, mengapa? Kerana tanah yang telah dipohon telah diluluskan begitu lama. Malah rata-ratanya orang di Jelebu sudah tahu bahawa satu projek raksasa oleh Kementerian Pertanian akan dibuat di kawasan Parlimen Jelebu. Tempatnya begitu strategik dan telah dikenal pasti memang baik dan sesuai untuk Pusat Latihan Ikan Air Tawar ini dapat diteruskan. Jadi, dengan adanya projek yang sedemikian di bawah kementerian ini, sekurang-kurangnya dapat membantu ke arah pembangunan program-program Kerajaan Pusat di Parlimen Jelebu.

Seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai dengan MARDI, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian sama ada mereka sedar ataupun tidak bahawa pusat penyelidikan MARDI di Lakai yang berkonsepkan keutamaan kepada buah-buahan, iaitu limau manis, belimbing madu, ciku dan sebagainya mendapat perhatian daripada pihak ibu pejabat. Kerana apa yang berlaku pada waktu ini, Tuan Pengerusi, ialah keadaan pembangunan ke atas tanah yang telah diberikan kepada MARDI seluas lebih daripada 1.000 ekar itu hanya diusahakan tak sampai setengah daripada keluasan sebenar. Kalau kita lihat masalahnya mutu tanaman yang telah ditanam itu pada waktu ini tidak begitu baik. macam 'hidup segan mati tak mahu'. Buah-buah yang

dikeluarkan itu kualitinya saya pun tak dapat tahulah sebab belum pernah cuba. Tetapi apabila kita melihat pada keadaan luarannya, memang keadaannya macam tidak terurus.

Saya difahamkan terdapat kontraktor yang dilantik untuk mengusahakan kawasan tersebut, tetapi mempunyai masalah-masalah tertentu. Jadi, saya mahu supaya Dewan yang mulia ini diberitahu apakah masalah-masalah yang sebenarnya berlaku di dalam pengurusan pentadbiran pusat Institut Penyelidikan MARDI di Jelebu ini. Saya melihat bahawa bangunan-bangunan baru telah pun dibina setelah ianya dirasmikan pembukaan pada tahun 1986 kawasan penyelidikan MARDI ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ianya tidak lagi menjadi tumpuan oleh pihak-pihak luar. Saya lihat bangunan-bangunan yang baru ini telah pun dibuat dan dibina, tetapi masih belum dirasmikan. Secara rasminya Pusat Penyelidikan MARDI itu setakat hari ini belum dirasmikan lagi pembukaannya. Jadi, saya berharaplah kementerian akan dapat mengkaji masalah ini, dan masalah penempatan kakitangan juga menjadi punca kepada kemungkinan kelembapan, kelicinan pentadbiran di pusat berkenaan.

Jadi, saya difahamkan hanya beberapa jawatan saja yang telah diisi. Malah banyak lagi jawatan-jawatan yang belum diisi. Kalau pihak ibu pejabat, pihak kementerian ingin melihat Pusat Penyelidikan MARDI ini sentiasa bergerak dan keadaan maju, saya berharaplah pihak-pihak yang berwajib akan dapat melihat dengan lebih baik, lebih dekat apakah masalah-masalah yang berlaku, dan saya tidak mahu satu pusat yang begitu baik namanya, yang begitu penting tugasannya diabaikan tanpa diberikan perhatian yang sewajarnya.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, di Jelebu juga telah dikenal pasti sebagai satu kawasan untuk pertanian yang begitu

berpotensi untuk dimajukan. Saya berharaplah kepada Pertubuhan Peladang yang ada di kawasan Jelevu akan dapat lebih mengambil perhatian dan tindakan yang bersesuaian supaya usaha untuk menggalakkan petani-petani yang sememangnya menjadikan hasil-hasil pertanian sebagai punca pendapatan mereka dapat dibangunkan dan diberikan semangat supaya tanaman mereka dapat dibuat dan diusahakan secara komersil.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong. Selepas itu kementerian menjawab.

8.10 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, memang Yang Berhormat hendak tunggu cadangan daripada saya.

Tuan Pengerusi, saya diberitahu oleh Yang Berhormat bahawa daripada 8 jelapang padi utama dan 74 jelapang padi sekunder, memang kita dapat mengeluarkan kira-kira 60% ataupun 65% dari keperluan beras dan mungkin dasar ini akan dikekalkan. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat terangkan, walaupun pihak kerajaan telah menggalakkan pelaburan untuk pihak swasta dalam penanaman padi dalam dan luar negara secara estet, berapakah bilangan pelabur di dalam bidang ini di negara ini dan juga di negara-negara Asean. Sebab saya diberitahu bahawa tidak banyak orang yang berminat di dalam estet tanam padi ini dan kalau dasar kita pada tahun 2010 untuk mencapai sekurang-kurangnya 65% daripada keperluan beras, bagaimana kita dapat mencapai tahap ini kalau tidak ada orang yang berminat untuk menceburkan diri di dalam industri penanaman padi secara besar-besaran - secara estet.

Tuan Pengerusi, satu masalah lagi ialah saya diberitahu oleh Yang Berhormat juga mengenai "Kempen Makan Sayur" - kempen makan sayur memang baik, saya tiap-tiap hari ada menggalakkan kawan-kawan saya dan pesakit-pesakit saya untuk makan lebih banyak sayur. Oleh kerana negara ini jumlah kilogram makan sayur adalah tidak sampai 50 atau 57 kilogram dan matlamat kita ialah mungkin satu hari kelak, boleh sampai kepada 100 atau 150 kilogram. Walau bagaimanapun, sambil kita menggalakkan dan menggunakan kempen makan sayur, semua Ahli Parlimen mesti makan lebih sayur - lebih baik. Baik untuk kulit, untuk pancaindera dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, dengan kempen sedemikian, kita mesti memastikan semua sayur-sayuran adalah baik, adalah bersih untuk dimakan, tetapi nampaknya usaha pihak kementerian tidak begitu mencukupi untuk mengawal bahan-bahan kimia ke atas sayur-sayuran dan juga makanan yang lain. Peraturan-peraturan makanan 1985 yang seringkali disebutkan oleh Yang Berhormat ialah memperuntukkan had-had maksimum bagi aditif makanan dibenarkan seperti bahan pengawit dan juga had-had maksimum bagi setiap pencemaran dalam makanan. Ini termasuklah hasil ikan dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun saya tertarik kepada angka yang diberi oleh pihak Yang Berhormat mengenai hasil penguatkuasaan oleh kementeriannya dan juga Kementerian Kesihatan untuk sayur-sayuran. Hanya 2,550 sampel sahaja diambil untuk tahun 1994 dan saya percaya pada tahun lepas pun tidak lebih daripada itu.

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Yang Berhormat untuk bahan-bahan seperti memelam dari Thailand, mata kucing dari Thailand dan sebagainya. Apakah cara yang digunakan oleh kementerian untuk mengambil sampel? Sampel memelam dari Thailand.

misalnya. Apakah cara yang digunakan? Sebab saya nampak, misalnya, daripada 2,500 lebih sampel sayur-sayuran di dapati 225 sampel dikesan mengandungi residue racun perosak dan akhirnya yang didakwa ke mahkamah hanya 15 dan 42 diberi amaran. Kalau kita kira sayur-sayuran yang ditanam dalam negara ini dan juga yang diimport, mengapa sampelnya begitu kecil? Macam mana sampel ini dibuat dan daripada sampel yang diambil sampai analisis dibuat dan hasil diketahui, berapa lamakah tempohnya. Adakah ini lebih daripada 3 bulan atau pun 6 bulan atau pun cukup 1 minggu atau 3 hari untuk mengambil tindakan? Masalah tempoh analisis untuk sampel adalah penting, kerana kalau terlalu panjang, sia-sia sahaja saya nampak, tetapi bagaimana kita dapat meningkatkan keberkesanan untuk mengesan bahan-bahan kimia yang tidak sesuai dimakan?

Tuan Pengerusi, begitu juga untuk ikan dan hasil ikan. Tahun 1994, angka Yang Berhormat beri adalah lebih baik sedikit —4,300 sampel untuk ikan dan hasil ikan — ini lebih baik. Kali pertama saya nampak pengesanan daripada Yang Berhormat mengenai sampel-sampel yang dikesan yang mengandungi formalin di peringkat pintu-pintu masuk dan tindakan mungkin telah diambil—saya tidak tahu, tetapi formalin ini, saya diberitahu oleh penjual dan pembeli ikan dari semasa ke semasa bahawa ikan-ikan mereka mungkin mengandungi formalin dan ini dapat disahkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat menerangkan cara yang paling baik yang ditetapkan oleh kementeriannya untuk mengesan dengan mengambil sampel daripada ikan dan hasil ikan dan juga daripada bahan-bahan makanan yang lain termasuk daging dan sebagainya. Cara yang paling baik untuk memastikan semua makanan termasuk ikan dan hasil ikan itu sesuai di makan oleh rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi, sebenarnya tiap-tiap tahun saya membangkitkan masalah bahan-bahan kimia ke atas sayur-sayuran dan juga bahan-bahan makanan yang lain —dua, tiga kali setahun saya bangkitkan, tetapi setakat ini jawapannya, walaupun sedap didengar tetapi saya tidak begitu puas hati lagi terutamanya, termasuk bahan-bahan pengawet—beta-agonist dan bahan-bahan seumpama itu. Apakah tindakan susulan untuk mengharamkan bahan-bahan pengawet seperti beta-organist ini yang berjaya dilaksanakan oleh pihak kementeriannya, sebab setahu saya, keberkesanan dari segi analisis kimia untuk sampel-sampel yang diambil adalah tidak begitu berkesan dan juga kos untuk sesuatu sampel lebih daripada RM20. Itu juga satu faktor yang menghalang pihak kementerian untuk mengambil sampel yang lebih banyak supaya tindakan yang lebih cepat dapat diambil.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

8.20 *mlm.*

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Pertanian, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Pertamanya, Ahli Yang Berhormat dari Bagan yang ingin mengetahui apakah kawasan perairan dari negeri ke negeri itu tidak boleh digunakan oleh nelayan-nelayan, memang jawabnya tidak boleh, mestilah memohon untuk pindah pengkalan. Kalau diluluskan maka barulah boleh bot-bot dari negeri yang lain mendarat atau menangkap ikan di kawasan negeri yang lain. Ada caranya untuk memohon.

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat dari Kangar tentang IADP di Perlis, insya-Allah, Kementerian Pertanian akan membuat kajian apakah lagi keperluan-keperluan yang boleh diambil khususnya untuk perbaikan sungai-sungai dan lain-lain untuk meningkatkan hasil pertanian. Begitu juga dalam MADA, kementerian menyedari ada setengah-setengah jambatan memang uzur dan kita sedang mengkaji supaya tindakan-tindakan untuk membaiki supaya sesuai untuk kegunaan jentera-jentera berat seperti traktor ataupun mesin-mesin untuk menuai dan lori-lori dapat berjalan dengan teratur.

Yang ketiga, Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga menyentuh tentang penguatkuasaan kemasukan bot-bot asing khususnya Thailand. Ini memanglah kalau kita melihatkan tangkapan-tangkapan telah pun dibuat dari semasa ke semasa tetapi kementerian akan cuba mempergiatkan lagi supaya pencerobohan ini akan dapat dikurangkan pada masa-masa yang akan datang.

Tetapi oleh kerana perairan Perlis agaknya hampir dengan sempadan Thailand, mungkin menjadi masalah dalam soal-soal penguatkuasaan, tetapi kita akan cuba mempergiatkan lagi.

Mengenai Akta Perikanan, insya-Allah, kementerian akan cuba membuat kajian semula supaya dapat diubahsuai mana-mana yang difikirkan perlu dan tentang MARDI iaitu sebagaimana Ahli Yang Berhormat mengatakan diperkenalkan zon buah-buahan di utara iaitu Kedah. Perlis dan juga di Perak, jadi, sehingga ini MARDI telah pun menubuhkan sebuah stesen MARDI untuk penyelidikan buah-buahan di Kedah. Jadi, hasil stesen ini kajian-kajian yang selanjutnya akan dapat dibuat supaya pengeluaran hasil buah mempelam, dokong dan lain-lain itu akan dapat dipertingkatkan lagi menerusi stesen-stesen kita.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu juga menyarankan supaya peruntukan-peruntukan IADP Negeri Sembilan Timur dapat ditambah. Jadi, oleh kerana peruntukan yang ada ini telah pun ditetapkan, mungkin Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh akan dibuat bagi menambahkan peruntukan jika didapati perlu.

Dan begitu juga JPS akan cuba berbincang dengan kerajaan negeri tentang pengambilan balik tanah yang terlibat dengan persekitaran sungai yang dibaik-pulih itu kerana saya yakin apa yang Ahli Yang Berhormat terangkan itu agak begitu menyulitkan dan kita perlu duduk bersama-sama dengan kerajaan negeri mencari jalan bagaimana hendak mengatasi mereka yang terlibat dengan pengambilan balik tanah sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya harap Ahli Yang Berhormat akan dapat bekerjasama untuk mencari jalan bagaimana kita hendak mengatasi masalah tersebut.

Mengenai perikanan, Ahli Yang Berhormat juga ingin mengetahui tentang Pusat Penyelidikan Ikan Air Tawar di Jelebu, jadi, ini saya minta maaf dan saya akan memberi jawapannya secara bertulis, saya sendiri tidak ada maklumat-maklumat yang terperinci.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang MARDI sama ada Institut Penyelidikan MARDI di Lukai?

Tuan Yunus bin Rahmat: Lakai!

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Lakai! Di Lakai ini samalah dengan Pusat Penyelidikan Ikan Air Tawar tadi, saya akan beri secara bertulis.

Dan di Jelebu juga yang dikenal pasti satu kawasan yang sesuai untuk kegunaan pertanian diminta supaya Pertubuhan

Peladang memainkan peranan supaya diadakan projek-projek secara komersial. Memang di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian saya akan menggunakan gerakan-gerakan Pertubuhan Peladang terutama sekali PPK dalam menggerakkan kegiatan-kegiatan pertanian yang berunsurkan komersial ini. Jadi, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberi kerjasama mungkin kita akan meneruskan melalui kegiatan PPK.

Manakala Ahli Yang Berhormat yang terakhir dari Kepong, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini memang bijak orangnya tetapi selalu bercakap berdasarkan angan-angan sahaja, tidak berdasarkan fakta-fakta. Saya rasa tak bolehlah kalau rasa belum puas hati dengan apa yang ada, misalnya apa yang dikatakan tentang 'samples' bahan-bahan beracun dan sebagainya. Ahli Yang Berhormat kena sedar bahawa negara kita Malaysia adalah salah sebuah negara yang terancang di dunia ini. Untuk memastikan rakyatnya sentiasa sihat wal'afiat, jadi, sebab itu dari segi cara mana sample diambil, takkanlah dalam Dewan ini saya hendak menerangkan. Jadi, Ahli Yang Berhormat patut melawat, tengok makmal kita bagaimana kita mengolah dan berapa lama masa yang diperlukan.

Kita tak perlu masa sampai tiga bulan untuk memastikan sesuatu buah-buahan atau bahan makanan ataupun ikan merbahaya, kita akan dengan seberapa cepat yang boleh untuk memastikan samples itu.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Jadi, saya rasa masa sudah tidak ada, minta maaf Ahli Yang Berhormat ya? Insyallah, lain kali. Dan

begitu juga tentang padi, pada masa ini untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Bernas telah diberi tanggungjawab untuk menjalankan kegiatan perusahaan yang berteraskan secara komersial ini. Pada masa ini walaupun company lain agak kurang berminat sebagaimana Ahli Yang Berhormat katakan untuk membuka ladang-ladang padi, sawah-sawah padi secara komersial, tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Bernas telah pun memulakan estet padi moden di Terusan Sapi di Sabah iaitu lebih kurang seluas 1,000 ekar. Ini as a pilot project, dengan izin, dan pada masa ini Bernas juga sedang berbincang dan akan meneruskan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sarawak supaya kawasan sawah yang luas di Sarawak juga dapat diadakan secara komersial.

Jadi, pendek kata, saya yakinlah Ahli Yang Berhormat ini tidak ada modal tetapi apa yang Ahli Yang Berhormat katakan itu agak begitu kurang diberi dengan bahan-bahan yang kuat bagi menentukan keraguan sesuatu usaha yang dijalankan oleh kerajaan.

Jadi, saya ucap terima kasihlah atas teguran-teguran yang berkenaan. Terima kasih, Assalamualaikum!

Beberapa Ahli: Wa'alaikumussalam!

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM77,079,300 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM77,079,300 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.23 dan B.24 (Jadual)—**Maksud P.24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1996)—**

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan B.23 dan B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas.

(Tiada Perbahasan)

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM899,900 untuk Maksud B.23 dan RM624,200 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM899,900 untuk Maksud B.23 dan RM624,200 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,987,757 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,987,757 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 3) 1996.

Maksud B.26 (Jadual)—

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan B.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Kepong. Sila Yang Berhormat.

8.30 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, hampir RM300 juta yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan ini memang satu amaun yang besar dan saya kesal kerana Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada tidak begitu berminat mengenai pendidikan di negara ini. *(Disampuk)*

Tuan Pengerusi, tadi saya pun ada bangkitkan mengenai kekurangan guru dan kekurangan alat-alat kelengkapan di sekolah dan juga kekurangan bilik-bilik darjah dan sekarang saya hendak menumpukan perhatian kepada masalah yang lain termasuk yang pertamanya keciciran pelajar di sekolah-sekolah, sama ada sekolah kebangsaan ataupun Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina).

Tuan Pengerusi, seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan bahawa peratusan yang cicir sekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) adalah yang paling tinggi kerana...*(Disampuk)* SRJK (T) memang paling tinggi—7% cicir dan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C), 2.2% dan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, di antara 2% hingga 7%. Ini bermakna beribu-ribu pelajar cicir sekolah.

Sebab-sebab yang telah diberi oleh pihak kementerian ialah kerana ibu bapa tidak mengambil berat dan kerana anak-anak dipaksa membantu ibu bapa dalam kerja mereka dan ibu bapa tidak mampu menanggung perbelanjaan pendidikan anak-anak mereka.

Sukalah saya membangkitkan di sini bawah.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat bangun ya. Parit Sulong. Dia minta jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, boleh, boleh!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya minta jalan. Sejak dua tiga hari yang lalu, Yang Berhormat dari Kepong ini asyik mempersoalkan masalah sekolah Tamil. Saya tahu ini adalah satu masalah. Saya tidak pernah dengar Yang Berhormat dari Kepong ini membicarakan masalah keciciran pelajar-pelajar luar bandar iaitu pelajar bumiputera dalam mata pelajaran matematik dan sains, tidak pernah sekalipun dia bercakap. Adakah ini satu strategi politik beliau untuk pilihan raya akan datang atau pun memang DAP mahu mengetepikan sahaja masalah bumiputera?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang Yang Berhormat Parit Sulong ini susah. Kadangkala kedengaran dia pun susah sedikit. Dari semasa ke semasa saya ada bangkitkan masalah, bukan sahaja mengenai SRJK(T), bahkan juga SRJK(C) dan sekolah kebangsaan. Kalau sekolah kebangsaan itu.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Bila itu? Bila? Fasal sekolah kebangsaan, bila? Tak pernah dengar sekalipun!

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong minta jalan ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada....memang ada!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tak pernah! Saya baca rekod perbahasan. Tak pernah!

Dr. Tan Seng Giaw: Lebih baik balik, baca rekod dahulu kerana dia tidak pernah baca rekod, masalahnya! Saya berharap dia rajin sedikit untuk membaca rekod—*Hansard*. Dia tidak pernah baca *Hansard*, macam mana tahu? Padang Terap tahu kerana dia ada baca! (*Ketawa*) (*Disampuk*)

Kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Parit Sulong semalam ada di sini tetapi tidak dengar. Kerana saya dengan panjang lebar ada sebutkan ketiga-tiga jenis sekolah. Tidak ada? Tuan Pengerusi, tunggu sekejap ya, kita tengok.

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat ada lima minit ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Inilah dia....(*Sambil meneliti Hansard di tangan*) Semalam, 21 haribulan...tengok...tengok! Memang ada di dalamnya. (*Disampuk*) Tak payah bacalah, ada di dalam. 21 haribulan, kerana hendak jimatkan masa, kita tak payah baca. Ada di dalam, memang ada. 21 haribulan Oktober ada sebutkan sekolah kebangsaan juga. (*Disampuk*).

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, soalan saya khusus tadi. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ada laporan mengatakan bahawa the rate of failure, dengan izin, ataupun kadar kegagalan pelajar-pelajar bumiputera di dalam sains dan matematik adalah terlalu tinggi. Saya tidak pernah mendengar Yang Berhormat Kepong membangkitkan hal ini. Saya spesifik tadi. Jawapannya, dia pusing-pusing sahaja!

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi semalam, saya baru bangkitkan masalah di sekolah ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tak pernah dengar. Semalam ada bangkitkan, tetapi mengenai hal lain! Saya kata mengenai mata pelajaran sains dan matematik!

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, sekarang dia tukar corak! Macam mana ini?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, beri jalan tak? Tuan Pengerusi, saya ingat semalam, dia kata, "Saya takut Menteri Pendidikan akan menimbulkan satu sistem pendidikan yang tidak berkualiti". Saya ingat, in the nutshell. Tetapi soalnya, dia tidak membincangkan secara spesifik. Saya kata, "Apakah pandangan DAP mengenai kadar kegagalan murid bumiputera dalam bidang sains dan matematik yang besar? Very alarming. Tidakkah DAP menganggap ini sebagai satu isu nasional?"

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya bukan sahaja hari ini, bahkan semalam dan tiap-tiap kali ada sebutkan kelemahan-kelemahan. Kalau kita hendak ikut selera Yang Berhormat 'parit yang sulung', susah sedikit. Dia hendak spesifik.

Kalau dia bermimpi-mimpi, matematik kita sebutkan, kita mesti sebutkan. Kalau kita sebutkan kelemahan-kelemahan sahaja, tidak cukup! Kelemahan tidak cukup! Kita mesti sebutkan matematik dan sains, baru cukup untuk memenuhi seleryanya. Masalah sekarang itu bukan masalah peribadi, tetapi selera macam Yang Berhormat 'parit yang sulung' bukan semestinya selera orang lain! Itu masalahnya.

Tuan Pengerusi, perlulah pihak kementerian mengambil tindakan yang berkesan untuk menyelesaikan masalah seperti keciciran di sekolah dan juga kegagalan kaum-kaum yang tertentu di dalam bidang-bidang yang tertentu. Itu mungkin tidak cukup bila kita sebutkan masalah itu sedemikian.

Tuan Pengerusi, selain daripada masalah keciciran dan kegagalan di sekolah-sekolah dan juga cara untuk memperbaikinya, nampaknya ada pengumuman yang pernah dikeluarkan

oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai usaha untuk mempertingkatkan standard sains dan sains teras untuk dipertingkatkan kelulusan di dalam peperiksaan.

Saya pernah keluarkan kenyataan beberapa bulan yang lepas mengenai masalah itu. Bukan sahaja Yang Berhormat Parit yang Sulung yang berminat, beberapa bulan yang lepas apabila kenyataan dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai kelulusan di dalam peperiksaan mata pelajaran sains dan matematik, beliau mengatakan ini boleh ditingkatkan pada masa hadapan. Saya setuju ini boleh dipertingkatkan tetapi cara-cara mempertingkatkan.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Padang Terap baru sahaja nak berminat mengenai hal ini. (Ketawa)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya sudah 8 tahun telah mendengar cara-cara yang dibawa oleh Kepong, cara hendak meningkatkan. Dia sudah bercakap 8 tahun tetapi saya hendak tanya dia, apakah yang dia hendak lakukan kerana MCA sekurang-kurangnya telah mengadakan satu cara mengenai projek Langkawi? MCA tak capak banyak! (Tepuk) Jadi, melalui projek Langkawi semua kaum dapat. Jadi, Yang Berhormat sudah 8 tahun bercakap, apa Yang Berhormat buat, sekurang-kurangnya di Kepong, projek Kepongkah, projek apakah? (Ketawa)

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu perkara yang lain. (Disorak) Yang saya sebutkan mengenai.....(Disampuk) Itu perkara yang lain. Saya sebutkan mengenai peperiksaan, itulah masalah sekarang. Saya hendak tekankan di sini ialah kalau kita semata-mata hendak kelulusan itu bertambah, senang sahaja, markah itu

kita turunkan, yang lulus itu naik. Itu masalah sekarang. Tetapi saya tekankan di sini jangan kita.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu sekejap. Mengenai subjek ini, masalah peperiksaan, bukan merendahkan markah.....

Tuan Lim Si Cheng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Si Cheng: Bolehkah berikan jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu sekejap, tunggu sekejap. Saya hendak habiskan ayat saya dahulu. Saya berpendapat bahawa kalau kita hendak menyaksikan kelulusan di dalam mata pelajaran sains dan matematik yang lebih tinggi, usaha-usaha perlu diambil untuk mengadakan guru-guru yang bermutu tinggi.....

Tuan Lim Si Cheng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong, ada yang bangun.

Tuan Lim Si Cheng: Beri laluan bolehkah Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Projek Langkawi, boleh juga.

Tuan Lim Si Cheng: Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Kepong sama ada parti DAP mempunyai rancangan untuk membantu kerajaan kita bagi menyelesaikan masalah keciciran murid-murid sekolah?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, walaupun Yang Berhormat memang dari MCA, masalah konsep demokrasi berparlimen, masalah konsep peranan ahli-ahli Parlimen pun dia kurang faham. Di dalam sistem demokrasi berparlimen, parti pemerintah menggubal dasar dan melaksanakan program-program yang tertentu dan sebaliknya pihak pembangkang menganalisis dan mengupaskan kelemahan-kelemahan yang wujud kerana dasar tersebut dan mencadangkan alternatif. Itulah tugas kami, tetapi Yang Berhormat tidak begitu faham mengenai tugas masing-masing.

Mengenai projek Langkawi.....

Tuan Lim Si Cheng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Seorang Ahli: Beri jalanlah!

Dr. Tan Seng Giaw:.....bolehkah pihak kerajaan membuat siasatan apakah punca kewangan untuk projek Langkawi dan apakah keberkesanan pelaksanaannya untuk projek ini?

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong, ada yang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu memang kita hendak tahu kerana wang rakyat dikutip dan menyoal apakah yang dibuat sebab pihak Kementerian Pendidikan tidak

pernah buat siasatan ke atas keberkesanan ataupun penyelewengan yang mungkin berlaku dengan projek Langkawinya?

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup masa tetapi.....

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Lebih, lebih. Saya beri Yang Berhormat 15 minit—sudah lebih.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, habis.

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu mengambil bahagian pada esok hari? Kepala B.26 untuk esok, ada yang hendak mengambil bahagian? Kalau ada, minta bangun ya?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Balik Pulau boleh.....

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian.....

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sabar ya, boleh berucap besok, masa untuk hari ini sudah cukup. (*Ketawa*) Balik Pulau besok ya?

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.